

Kami Memimpin: Menjangkau Bintang Meraih Mercu

Laporan Tahunan Universiti Sains Malaysia *Annual Report*



USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



2008

Kandungan

| | |
|-------------------------------------|----|
| Misi | 4 |
| Objektif | 4 |
| Sejarah | 5 |
| Canselor | 6 |
| Pro-Canselor | 7 |
| Lembaga Pengarah Universiti | 8 |
| Organogram Pengurusan | 9 |
| Senarai Pusat Pengajian | 10 |
| Pengurusan Universiti | 11 |
| Ketua Pusat Tanggungjawab | 12 |
| Laporan Naib Canselor | 15 |
| Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa | 24 |
| Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar | 28 |
| Penyelidikan dan Inovasi | 34 |
| Jaringan Industri dan Masyarakat | 40 |
| Pendaftar | 53 |
| Bendahari | 56 |
| Perpustakaan | 59 |
| Penerbit USM | 62 |
| Pembangunan Lestari dan Korporat | 66 |
| Laporan Kewangan | 72 |
| Statistik Kewangan | 77 |
| Penyata Kewangan | 81 |

Misi

Misi utama Universiti ialah memimpin dan menginovasi untuk mencapai kecemerlangan pada peringkat antarabangsa melalui pemajuan dan penyebaran ilmu dan kebenaran, pemupukan kualiti yang menekankan kepada kecemerlangan akademik dan profesional, perkembangan individu yang menyeluruh dan komitmen yang kukuh terhadap aspirasi masyarakat, aspirasi negara dan aspirasi universal.

Objektif

- Memenuhi keperluan tenaga selaras dengan dasar negara.
- Meningkatkan mutu pendidikan melalui pengukuhan dan penambahan program akademik supaya sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa dan masa hadapan.
- Menjadi Pusat Kecemerlangan Penyelidikan melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan.
- Mewujudkan perkongsian pintar dengan industri dan agensi luar negara.
- Melahirkan siswazah yang cemerlang dari segi keilmuan, sahsiah dan amalan.
- Membangunkan prasarana yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran.
- Mengantarabangsakan Universiti.
- Memantapkan pengurusan semua fungsi utama Universiti.

KAMI MEMIMPIN

Sejarah USM

Penubuhan Universiti Sains Malaysia (USM) bermula pada tahun 1962 apabila kelulusan resolusi yang mencadangkan agar sebuah kolej universiti ditubuhkan di negeri Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, sebidang tanah yang terletak di Sungai Ara telah diperuntukkan untuk merealisasikan cadangan ini. Pada 7 Ogos 1967, Perdana Menteri Malaysia Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah merasmikan Perletakan Batu Asas untuk penubuhan universiti ini. Pada tahun 1969 pula, Universiti Pulau Pinang ditubuhkan dengan sepenuhnya untuk memenuhi keperluan kampus yang lebih luas dan kondusif, sesuai dengan keperluan guna tenaga negara pada masa depan. Penubuhan USM selanjutnya telah diiktiraf sebagai satu Perintah Perbadanan yang ditandatangani oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 menerusi Warta Kerajaan P.U. (A) 383/71.

Bermula dengan pengambilan seramai 57 orang pelajar sains pada tahun 1969, USM telah terus membangun dengan pesatnya. Kini USM menawarkan pelbagai kursus pada peringkat Ijazah Sarjana Muda

dan Pasca Siswazah kepada lebih 28,000 orang pelajar. USM diiktiraf sebagai salah satu daripada tujuh buah Pusat Pendidikan Serantau untuk Pendidikan bagi Pembangunan Lestari (EFSD) terawal dunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 29 Jun 2005. Pelbagai kejayaan diterima oleh USM dalam pelbagai bidang, terutamanya penyelidikan termasuklah penerimaan status 'Universiti Berintensifkan Penyelidikan' oleh Kerajaan Malaysia pada 11 Oktober 2006. Pada 3 September 2008 pula, USM telah diamanahkan untuk menjayakan program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) yang bertemakan "Transformasi Pengajian Tinggi" oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Kejayaan ini meletakkan USM sebagai Universiti Pertama di Malaysia yang menerajui program ini dan hal ini telah dicatatkan dalam buku 'Malaysia Book of Record'.



Canselor

D.Y.M.M. TUANKU SYED SIRAJUDDIN IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL

D.K.P., D.K., S.S.P.J., D.K.M., D.M.N., D.K. (PERAK), D.K. (NEGERI SEMBILAN),
D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN), D.K.M.B. (BRUNEI), D.K. (SELANGOR),
D.K. (PAHANG), D.K. (TERENGGANU), S.P.M.J., S.P.C.M., S.S.M.T.,
GRAND ORDER OF KING TOMISLAV (CROATIA), GRAND COLLIER DE L'INDEPENDENCE
(GRAND MEDAL OF THE INDEPENDENCE) - CAMBODIA,
GRAND CROIX DE CORDINE (ITALY), DECORATION OF Omayad - THE FINEST
DECORATION (SYRIA), KNIGHT OF THE ROYAL ORDER OF
THE SERAPHIM (SWEDEN), GRAND CORDON OF THE ORDER OF
THE SACRED TREASURE (JAPAN)



Pro-Cancellor



TAN SRI DATO' DR. LIN SEE-YAN

P.S.M., D.P.M.P., D.S.A.P., J.M.N., J.S.M., A.M.N., B.A., B.A.(HONS.),
M.P.A. (FINANCE), M.A. (ECONS), PH.D. (ECONS), C.STAT. (LONDON),
F.R.S.S. (LONDON), F.I.B.M., F.M.I.I.(HON), F.M.I.M., F.M.E.A.,
HON.PH.D (ECONS), EISENHOWER FELLOW.



TAN SRI RAZALI ISMAIL

P.S.M., D.S.D.K., J.S.M., B.A.(HONS), HON. LL.D. (U.K.M.),
HON. LL.D. (U.S.M.)

Lembaga Pengarah Universiti



**Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti
TAN SRI DATO' HAJI ANI AROPE**

P.S.M., S.I.M.P., D.P.M.J., D.M.P.N., J.M.N., K.M.N.,
B.Agri.Sc. (N.Z.), M.Sc. (Vermont), Hon. D.Sc. (Ghent),
Hon. D.Sc. (U.S.M.), Hon. LL.D. (Ohio), Hon. D.Com. (Lincoln),
Hon. LL.D. (Indiana), Hon. D.Sc. (U.P.M.)



Naib Canselor

2. Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak



Dua orang yang mewakili Kerajaan

3. Profesor Dr. Rujhan Mustafa
4. Encik Mohd. Esa Abd. Manaf




Mewakili Masyarakat Tempatan

5. Dato' Jamaludin Hasan




Lantikan Menteri Pengajian Tinggi

6. Dato' Dr. Lim Yu Hoe
7. Datuk Mustafa Mansur
8. Datuk Abdullah Abdul Wahab



ORGANOGRAM PENGURUSAN UNIVERSITI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



SENARAI PUSAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian Bahasa Literasi dan Terjemahan

Pusat Pengajian Komunikasi

Pusat Pengajian Sains Fizik

- Unit Ilmu Falak dan Sains Atmosfera
- Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga

Pusat Pengajian Sains Kimia

Pusat Pengajian Sains Farmasi

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

- Unit Penyelidikan Pendidikan Asas

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan

Pusat Pengajian Sains Komputer

- Unit Terjemahan Melalui Komputer

Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Pusat Pengajian Seni

Pusat Pengajian Pengurusan

- Pusat Pengurusan Termaju

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

- Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian
- Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam

Pusat Pengajian Sains Matematik

Pusat Pengajian Sains Kajihayat

- Unit Penyelidikan Kawalan Vektor
- Pusat Kajian Samudera dan Pantai

Pusat Pengajian Teknologi Industri

Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam

Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral

Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Pusat Pengajian Sains Perubatan

Pusat Pengajian Sains Pergigian

SENARAI PELANTAR PENYELIDIKAN

Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial

Pelantar Penyelidikan Sains Hayat

Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental

Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Pelantar Penyelidikan Sains Kesihatan dan Bio-Perubatan

Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal

Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi

SENARAI PUSAT PENYELIDIKAN/ KECERMELANAGAN

Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia

Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa

Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara

Pusat Kawalan Doping

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar

Pusat Racun Negara

Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan

Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan

Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita

Institut Penyelidikan Perubatan Molekul

Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Perubatan

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)

Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)

Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara

Pusat IPv6 Termaju Negara

Institut Farmaseutikal dan Nutraceutikal Malaysia

PERKHIDMATAN AKADEMIK

Pusat Bahasa dan Terjemahan

Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia



Pengurusan Universiti



1 Naib Canselor
Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak

2 Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
Profesor Ahmad Shukri Mustapa Kamal

3 Timbalan Naib Canselor
(Penyelidikan dan Inovasi)
Profesor Asma Ismail

4 Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar)
Profesor Omar Osman

5 Timbalan Naib Canselor
(Jaringan Industri dan Masyarakat)
Profesor Lim Koon Ong

6 Pengarah, Kampus Kesihatan
Profesor Dato' Mafauzy Mohamed

7 Bendahari
Puan Hajah Salmiah Che Puteh

8 Ketua Pustakawan
Encik Mohd Pisol Ghadzali

9 Pengarah, Jabatan Pembangunan
Ir. Hj. Mohamad Sofian Ahmad

10 Pendaftar
Encik Azman Abdullah

Ketua Pusat Tanggungjawab KAMPUS INDUK

KETUA JABATAN PERKHIDMATAN PENTADBIRAN

| | |
|---|--|
| Jabatan Pendaftar | Encik Azman Abdullah |
| Jabatan Bendahari | Puan Hajah Salmiah Che Puteh |
| Perpustakaan | Puan Sofiah Ibrahim (sehingga 31 Mac 2008) Encik Mohd Pisol Ghadzali (1 April 2008 sehingga kini) |
| Penerbit USM | Profesor Dato' Md. Salleh Yaapar |
| Jabatan Pembangunan | Ir. Hj. Mohamad Sofian Ahmad |
| Jabatan Keselamatan | Encik Noor Rizan Khalid |
| Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat | Profesor Madya Mohamed Izham Mohamed Ibrahim (Sehingga 31 Julai 2008) Profesor Muhamad Jantan (Mulai Ogos 2008) |
| Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi | Encik Zulham Hamdan |
| Pusat Kesihatan | Dr. Nurulain Abdullah Bayanuddin |
| Pusat Islam | Profesor Madya Nasirun Hj. Mohd. Salleh |
| Muzium dan Galeri Tuanku Fauziah | Encik Hasnul Jamal Saidon |



DEKAN PUSAT PENGAJIAN / PELANTAR

- **Pusat Pengajian Sains Farmasi**
Profesor Madya Syed Azhar Syed Sulaiman
- **Pusat Pengajian Sains Fizik**
Profesor Madya Haslan Abu Hassan
- **Pusat Pengajian Sains Kajihayat**
Profesor Abu Hassan Ahmad
- **Pusat Pengajian Teknologi Industri**
Profesor Rozman Hj. Din
- **Pusat Pengajian Sains Kimia**
Profesor Wan Ahmad Kamil Mahmood
- **Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan**
Dato' Profesor Abu Talib Ahmad
- **Pusat Pengajian Komunikasi**
Profesor Madya Adnan Hussein
- **Pusat Pengajian Sains Matematik**
Profesor Madya Ahmad Izani Md Ismail
- **Pusat Pengajian Sains Komputer**
Profesor Rosni Abdullah
- **Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan**
Profesor Madya Ismail Baba
- **Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan**
Profesor Ir. Mahyuddin Ramli
- **Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan**
Profesor Abdul Rashid Mohamed
- **Pusat Pengajian Pengurusan**
Profesor Madya Dato' Ishak Hj. Ismail
- **Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh**
Profesor Madya Omar Majid
- **Pusat Pengajian Seni**
Profesor Madya A. Rahman bin Mohamed
- **Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan**
Profesor Ambigapathy a/l Pandian
- **Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan**
Profesor Datin Hasnah Haron

- **Pelantar Penyelidikan Transformasi Sosial**
Profesor Morshidi Sirat
- **Pelantar Penyelidikan Sains Hayat**
Profesor Mohd. Nazalan Mohd. Najimuddin
- **Pelantar Penyelidikan Sains Fundamental**
Profesor Abd. Aziz Tajuddin
- **Pelantar Penyelidikan Sains Klinikal**
Profesor Nor Hayati Othman
- **Pelantar Penyelidikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi**
Profesor Madya Bahari Belaton (Memangku)
- **Pelantar Penyelidikan Bioperubatan dan Kesihatan**
Profesor Syed Mohsin Syed Sahil Jamalullail
- **Pelantar Penyelidikan Kejuruteraan dan Teknologi**
Profesor Zainal Ariffin Mohd. Ishak
- **Institut Pengajian Siswazah**
Profesor Roshada Hashim

PENGARAH PUSAT PERKHIDMATAN AKADEMIK

- **Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia**
Profesor Madya Wan Mohd. Fauzy Wan Ismail

PENYELARAS UNIT

- **Unit Penyelidikan Kawalan Vektor**
Profesor Madya Zairi Jaal
- **Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian**
Profesor Madya Kamarulzaman Askandar
- **Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar**
Dr. Muhammad Kamarul Kabilan Abdullah
- **Unit Penyelidikan Ilmu Falak dan Sains Atmosfera**
Profesor Madya Nasirun Mohd. Salleh
- **Unit Penyelidikan Pendidikan Asas**
Profesor Madya Sharifah Norhaidah Syed Idros
- **Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Universiti**
Encik Mohammad Zaip Ahmad

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN / KECEMERLANGAN

- **Pusat Kecemerlangan Nav6**
Profesor Sharif Mahsufi Mansor
- **Pusat Racun Negara**
Profesor Madya Razak Lajis
- **Pusat Kawalan Doping**
Profesor Aishah Abdul Latiff
- **Pusat Kajian Samudera dan Pantai**
Dr. Khairun Yahya
- **Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia**
Profesor Madya Mohd. Mokhtar Saidin
- **Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan**
Profesor Sharif Mahsufi Mansor
- **Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa**
Profesor Madya Abdul Rahim Ibrahim (sehingga 20.6.2008)
Profesor Madya Mohd Azhari Abdul Karim (mulai 21.6.2008 sehingga sekarang)
- **Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita**
Datin Profesor Rashidah Shuib
- **Pusat Pendidikan, Latihan dan Penyelidikan Tenaga Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga**
Profesor Madya Dr. Faridah Ibrahim
- **Institut Penyelidikan Pendidikan Tinggi Negara**
Profesor Morshidi Sirat
- **Institut Farmaseutikal dan Nutraseutikal Malaysia**
Dato' Profesor Mohamad Isa Abd. Majid
- **Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV) (Pusat Virtual)**
Profesor Mohd. Sakri @Syukri Salleh
- **Kampus Sejahtera**
Profesor Madya Lee Lik Meng
- **Pusat Kepakaran Serantau**
Dr. Zainal Abidin Sanusi
- **Sekretariat Falsafah dan Sains Islam**
Dr. Muhammad Azizan Sabjan

Ketua Pusat Tanggungjawab **KAMPUS KEJURUTERAAN**

DEKAN PUSAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
Profesor Mohd. Zaid Abdullah

Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
Profesor Madya Khairun Azizi Mohd. Azizli

Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
Profesor Madya Ahmad Farhan Mohd. Sadullah (sehingga 30.6.2008)
Profesor Hamidi Abdul Aziz (mulai 01.7.2008 - 14.3.2009)

Pusat Pengajian Sains Kimia
Profesor Abdul Latif Ahmad

Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
Profesor Madya Zaidi Mohd. Ripin

PENGARAH PUSAT PENYELIDIKAN / KECEMERLANGAN

Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar
Profesor Nor Azazi Zakaria

Pusat Usahasama Kecemerlangan Reka Bentuk Mikroelektronik
Profesor Madya Othman Sidek

PENYELARAS UNIT

Unit Inovasi dan Pembangunan Teknologi Kejuruteraan
Professor Zainal Ariffin Mohd. Ishak

Unit Pembangunan Industri
Tuan Besar Tuan Shariff

KAMPUS KESIHATAN

Pengarah Kampus
Profesor Dato' Mafauzy Mohamed

Pengarah Hospital USM
Dr. Zaidun Kamari

DEKAN PUSAT PENGAJIAN

Pusat Pengajian Sains Perubatan
Profesor Dr. Abdul Aziz Baba

Pusat Pengajian Sains Pergigian
Profesor Madya Dr. Ab. Rashid Hj. Ismail

Pusat Pengajian Sains Kesihatan
Profesor Ahmad Hj. Zakaria

PENYELARAS UNIT

Unit Kemudahan Akademik dan Sokongan Teknikal
Dr. Md. Salzihan Md. Salleh

Unit Penyelidikan Haiwan Makmal
Dr. Rumaizi Shaari

PENGARAH INSTITUT/PUSAT PENYELIDIKAN

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
Dr. Haji Ramli Saad

Institut Penyelidikan dan Perubatan Molekul
Profesor Rusli Ismail

Pusat Genom Manusia (Pusat Virtual)
Dr. Gan Siew Hwa



Laporan Naib Canselor



MENJANGKAU BINTANG, MERAH MERCU

PROGRAM PEMACUAN UNTUK KECEMERLANGAN (APEX).

Tahun 2008 datang dan pergi dengan pantas dan membawa bersama satu lagi catatan sejarah terukir bagi Universiti Sains Malaysia (USM) bagi menyahut usaha Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) untuk meletakkan IPTA negara ke pentas dunia, menjadi antara yang tersohor melalui peluang menyertai Program Pemacuan untuk Kecemerlangan (APEX).

Usaha di USM dimulakan sebaik sahaja selesai taklimat yang diberikan oleh pihak KPTM dengan menubuhkan segera pasukan “Dream Team” dengan mesyuarat pertamanya pada 17 Mac 2008. Sejak itu saban minggu, perbincangan dilakukan yang kerapkalinya berakhir pada awal pagi.

Cadangan dikemukakan kepada KPTM pada 9 Mei 2009 bertemakan usaha “Mentransformasikan Pengajian Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok” atau *Transforming Higher Education for a Sustainable Tomorrow* yang telah lama dilaksanakan di USM dalam mengubah minda warganya untuk kelangsungan umat manusia pada masa depan.

Pembentangan telah dilakukan pada hari Rabu, 14 Mei 2008 di Kementerian Pengajian Tinggi, Putrajaya di hadapan panel KPTM. Ini diikuti oleh lawatan Panel Projek Universiti APEX ke USM pada 7 Julai 2008 yang mempertemukan mereka dengan pelbagai kelompok warga kampus yang secara keseluruhannya bersatu hati untuk memastikan program ini akan dibawa ke USM.

Umumnya, semua kumpulan warga kampus yang ditemui tanpa perancangan awal, telah menyatakan hasrat yang sama dalam memenuhi tema yang dikemukakan oleh “Dream Team”, iaitu untuk memperkasa pengajian tinggi melalui pelaksanaan program-program yang bukan sahaja dapat memenuhi hasrat negara dalam meletakkannya ke tahap yang tinggi tetapi memastikannya menjadi alat utama untuk mengubah minda dan amalan masyarakat untuk dunia pada masa hadapan.

Akhirnya pada awal Ramadhan yang bersamaan 3 September 2008, Menteri Pengajian Tinggi mengumumkan yang USM diberikan tanggungjawab menggalas amanah besar tersebut. Pada hari berikutnya, Y.B Dato’ Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi sendiri datang membuat pengumuman, bertemu warga universiti dan berbuka puasa di Masjid Al-Malik Khalid.

Pada majlis yang sama yang dihadiri oleh lebih 2,000 orang warga kampus di Dewan Tuanku Syed Putra, YB Menteri Pengajian Tinggi turut menyaksikan penandatanganan Memorandum Kerjasama antara USM dengan KLEC Ventures Sdn. Bhd untuk penawaran pengajian USM di luar negeri Pulau Pinang terutamanya apabila USM mengurangkan pengambilan pelajar ijazah pertama kelak untuk memberi tumpuan kepada usaha penyelidikan dan penawaran pengajian ijazah tinggi.

Turut dilancarkan ialah buku bertajuk “Adaptasi Pementoran dalam Organisasi” yang diusahakan oleh sekumpulan pakar dalam bidang Ilmu Pendidikan dan Kerja Sosial sebagai rujukan untuk Program Mentor USM, satu dari usaha untuk membantu warga universiti dalam menangani masalah peribadi dan masalah di tempat kerja melalui latihan khas yang diberi kepada mereka yang dilantik sebagai mentor di kalangan rakan sekerja.

Program Mentor yang dimulai sejak awal tahun itu, turut memberi peluang kepada para mentor untuk turut membantu pelajar yang memerlukan bantuan.

Malah, USM menjadi universiti pertama di dunia yang mengadakan latihan Fasilitator Kesihatan Mental atau Mental Health Facilitation sebagai



sebahagian daripada program Mentor USM. Ini dinyatakan oleh Ted Illiff, Naib Presiden Eksekutif, *National Board for Certified Counselors International* ketika mengadakan latihan untuk pensyarah dan staf USM pada Mac 2008.

Pada 4 September 2008 itu juga, Y.B Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah melancarkan Program Mikro-Pinjaman USM yang mengumpul dana dari warga Universiti untuk digunakan bagi faedah membantu warga universiti berhadapan dengan kemelut ekonomi untuk memulakan perniagaan sebagai kerja sampingan bagi menjana pendapatan di kalangan ahli keluarga.

Program Mikro-Pinjaman USM telah mendapat sambutan hangat dari masyarakat kampus melalui sumbangan dari kalangan para profesor dan ketua-ketua jabatan serta warga lainnya hasil usaha tenaga pakar yang berpengalaman luas dalam membantu mewujudkan program seperti Projek Ikhtiar serta beberapa program mikro-kredit di negara luar.

Ini adalah antara detik bersejarah dalam “menjangkau bintang, meraih mercu” yang menjadi tema Perutusan Naib Canselor pada Januari 2008.



USM LANCAR SANGGAR SAINS

USM mencipta sejarah dengan menubuhkan Sanggar Inovasi Sains dan Sastera USM (SAINS@USM) yang dilancarkan oleh Tuanku Canselor USM, D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail di Dewan Budaya USM pada 22 Jun 2008. Pada majlis tersebut, wakil *Malaysian Technology Development Corporation* (MTDC), Norhalim Yunus, menyerahkan cek bernilai RM24.35 juta untuk membiayai 8 projek penyelidikan

yang akan dijalankan di sini. USM turut menandatangani beberapa MoU untuk menjayakan Sains@USM, antaranya ialah dengan anak syarikat sayap pelaburan kerajaan Khazanah Nasional Bhd, *Malaysian Biotechnology Corp Sdn.Bhd* (BiotechCorp) dan Biotropics Malaysian Bhd.



PERASMIAN INTERNATIONAL SCHOOL

Perasmian Sekolah Antarabangsa Fairview Pulau Pinang dilakukan oleh T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas di 'Science and Art Innovation Space' atau Sains@USM. Sekolah Antarabangsa Fairview Pulau Pinang yang mula beroperasi sepenuhnya tahun lalu kini mempunyai lebih 100 orang pelajar dari pelbagai negara di samping turut menawarkan tempat kepada pelajar tempatan di kawasan sekitar negeri ini.

AKTIVITI-AKTIVITI KELESTARIAN

Dalam usaha menanamkan kefahaman di kalangan warga Universiti dan masyarakat keseluruhannya, pelbagai aktiviti telah dilakukan secara sukarela sebagai teras kepada pelaksanaan program APEX universiti. Ini termasuklah:

- Inisiatif *The White Coffin* atau **Keranda Putih** telah mendapat pengiktirafan dunia, antaranya ialah *AFHC Award for Creative Developments in Healthy Cities 2008* sempena Persidangan Global Ke-3 di Ichikawa, Jepun pada Oktober 2008. Kejayaan itu berdasarkan kertas kerja dan monograf oleh para pelajar USM. Dalam Perhimpunan Pelajar Kolej dan Kolej Universiti (CUSA) 2008 anjuran pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Wisma Belia Kuala Lumpur, USM mendapat 'Anugerah Perkhidmatan Terbaik 2008'. Pelancaran program ini melalui "Kafeteria Sejahtera" ialah pada 7 Januari 2008 untuk menggerakkan tenaga sukarela pelajar memperjuangkan isu-isu kelestarian.
- **Pejabat Alamiah**: Lanjutan dari itu, program Pejabat Alamiah atau *The Green Office* turut dilaksanakan secara menyeluruh. Pejabat-pejabat melaksanakan usaha menjimatkan tenaga elektrik, membanyakkan penanaman pokok hijau, melakukan usaha-usaha kitar semula, mengelakkan cetakan dan penggunaan kertas dan sebagainya.
- Malah, untuk persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan, usaha penanaman pokok sebagai gantian kepada tenaga yang digunakan dilakukan secara berterusan. Antaranya ialah ketika penganjuran **Persidangan Serantau Pertama Pembangunan Lestari – Penyelesaian Tempatan untuk Masalah Sejangat** (*First Regional Conference on Sustainable Development: Local Solutions for Global Problems*) pada 19 – 20 Ogos 2008. Pada majlis yang sama dilancarkan bas mesra alam yang pertama kali diperkenalkan di negara ini yang digerakkan dengan penggunaan minyak masak terpakai.
- **Persidangan Persekitaran Antarabangsa** (*International Conference on Environment*) **2008** turut diadakan pada 15 Disember 2008. Prof. Adisa Azapagic, pakar Kejuruteraan Kimia untuk Kelestarian, *University of Macheater, United Kingdom* menyampaikan ucapan utama bertajuk 'Carbon Footprinting of Industrial Supply Chain' sejurus selepas perasmian persidangan tersebut.
- Projek **“Going Banana”** yang menggabungkan pelbagai disiplin ilmu dalam mempromosikan pisang sebagai bahan untuk membantu pembangunan ekonomi masyarakat dan penggunaan kreativiti yang melengkapkan antara sains dan seni telah turut menarik perhatian komuniti antarabangsa, antaranya melalui memorandum persefahaman yang ditandatangani dengan *Sheda Science And Technology Complex (SHESTCO) Nigeria* yang diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Dr. Ayodele Joseph Coker pada 10 Julai 2008.



- “Going Banana” diusahakan sepenuhnya di Kampung Perlis, Balik Pulau, Pulau Pinang yang dilancarkan secara rasmi oleh T.Y.T. Tun Dato’ Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sebagai Projek Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia dan Koperasi Usaha Kampung Balik Pulau (KUKAM) pada 29 Jun 2008 di Kampung Perlis, Balik Pulau, Pulau Pinang.
- USM turut menyambut Hari Kepelbagaian Biologi Antarabangsa Peringkat USM dan Anugerah Haniff pada 22 Mei 2008 dengan pelbagai aktiviti, antaranya penyampaian sumbangan bernilai RM20,000 daripada USM kepada Yayasan Haniff bagi tujuan pembangunan dan penyelidikan bidang botani dan biodiversiti. Yayasan Haniff ditubuhkan bagi mengenang jasa pakar botani, Mohamed Haniff yang banyak menyumbang dalam penyelidikan botani sekitar tahun 1890an. Hasil penyelidikan anak Pulau Pinang ini masih menjadi rujukan utama saintis botani dunia.
- Wartawan dan aktivis alam sekitar Karam Singh Walia memberikan ceramah **Pemanasan Global: Satu Tinjauan Isu-isu Terkini Alam Sekitar** pada 23 Julai 2008 yang disertai oleh lebih 2,000 orang pelajar yang dianjurkan oleh Sekretariat Falsafah dan Sains Islam (SEFSI) USM.
- Beberapa hasil penyelidikan turut diketengahkan yang berkaitan dengan usaha kelestarian ini, antaranya ialah hasil penyelidikan oleh Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Bahan Sumber Mineral USM, Prof. Dr. Hanafi Ismail yang dinamakan **DEGRA TPE**, untuk menghasilkan plastik terurai yang pertama di dunia yang dihasilkan dengan kos rendah. Penemuan melalui kajian bioteknologi sejak tiga tahun lepas mendapati bahan sisa buangan daripada plastik dan getah berpotensi menghasilkan produk berasaskan plastik yang terurai dalam 3-6 bulan dan boleh dikitar semula berbanding plastik berasaskan petroleum yang memakan masa hampir 100 tahun untuk terurai.
- Selaras dengan hasrat USM untuk membantu golongan marhain terbanyak atau “The Bottom Billion”, usaha dilakukan bagi menghasilkan **vaksin untuk kegunaan masyarakat di negara miskin**. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Profesor Asma Haji Ismail menyatakannya ketika sidang media pelantikannya menjawat jawatan itu mulai 26 Mei 2008. Usaha ke arah penghasilan vaksin dan ubat-ubatan bagi penyakit berjangkit untuk keperluan masyarakat.
- **Earth Hour**: USM turut bergelap selama sejam pada 30 Mac 2008 apabila semua lampu bilik dipadamkan sempena kempen *Earth Hour* yang disambut di seluruh dunia. Inilah pertama kalinya pelajar USM turut serta dalam kempen sedunia ini.

- **Penyelidikan**: Dr. Syed Sahal Nazli Alhady Syed Hassan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik memenangi pingat emas di pertandingan Reka Cipta Industri dan Pameran Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2008 menerusi produk penyelidikan untuk kemudahan OKU ‘**Slope Detection to Compromise Braking and Locking System for Wheelchair**’. Ciptaannya itu mampu membuatkan kerusi roda membrek secara automatik melalui sejenis alat pengesan apabila menghampiri cerun.
- **Warga Emas Sarjana**: Ismail Shafiee, 68, dan isterinya, Salmiah Muhamad, 64 pasangan bekas guru sekolah rendah itu adalah antara enam pelajar warga emas dari kalangan 1,566 pelajar pasca ijazah USM sesi ini. Mempunyai tujuh orang anak dan lima cucu, Ismail dan Rosnah bakal memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sains Politik dan akan mengikuti pengajian Sarjana Pembangunan Islam. Selain warga emas, USM juga menerima 455 pelajar asing.
- **Warga Emas Penasihat PALAPES**: pelajar ijazah pertama berusia 71 tahun dilantik sebagai Penasihat PALAPES USM berbekalkan pengalaman selama 28 tahun sebagai anggota tentera dengan jawatan terakhir, Pegawai Waran 1,
- **Kejayaan seorang datuk kepada 20 orang cucu**, Abdul Karim Yahaya, 67, akan menerima Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Sains Pengurusan di Upacara Konvokesyen ke-37 pada 22 Mac 2008 mendapat liputan luas media. Abdul Karim dan lima lagi warga emas menerima ijazah pada Konvokesyen ke-37. Mereka ialah Syed Abdul Mutalib Syed Mohamad, 67, Adnan Ahmad, 59, S. Somasandharam, 58, Mohd. Abdul Rahman, 57 dan Daud Ghani, 55. Mereka adalah kumpulan siswazah pertama warga emas yang berjaya menamatkan pengajian yang merupakan satu sejarah bagi USM.
- Selepas kejayaan memperkenalkan program untuk warga emas, USM akan memperkenalkan program warga budaya dan warga sukan untuk membolehkan lebih ramai lagi melanjutkan pelajaran di universiti ini. Dua program itu adalah bagi membolehkan penggiat seni dan juga ahli sukan melanjutkan pelajaran dalam bidang yang mereka ceburi,” katanya

KEJAYAAN

Terdapat banyak kejayaan yang ditempa oleh USM selain dari pemilihan untuk melaksanakan Program Pemacuan Untuk Kecemerlangan (APEX) Kementerian Pengajian Tinggi. Antaranya ialah :

Hadiah Sains dan Teknologi Islamic Development Bank (IDB)

USM menjadi IPT pertama di negara ini yang memenangi Hadiah Sains dan Teknologi Islamic Development Bank (IDB). Hadiah tersebut yang membawa anugerah wang tunai sebanyak USD100,000, trofi dan sijil. Hadiah ini mula diperkenalkan sejak tahun 2002 dimenangi oleh USM melalui Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM) pada 4 Jun 2008 di Jeddah, Arab Saudi. INFORMM telah berjaya membangunkan ujian diagnostik yang murah dan berkualiti bagi penyakit berjangkit yang dialami oleh negara-negara miskin seperti tifoid, korela, disentri, filariasis dan batuk kering (TB).

USM juga menekankan kepada proses pembelajaran sepanjang hayat dan kepentingan Orang Kelainan Upaya (OKU) yang selama ini dilihat oleh masyarakat sebagai kurang upaya. Sebaliknya USM menekankan kepada keupayaan mereka yang berlainan dengan tafsiran baru kepada OKU. Usaha-usaha yang dibuat termasuklah:

Peneraju penyelidikan sel stem neural

USM akan menjadi **peneraju penyelidikan sel stem neural** (saraf) di negara ini bagi merawat penyakit melibatkan saraf dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang. Kejayaan sekumpulan penyelidik pada peringkat asas dengan menggunakan haiwan itu akan diperluaskan kepada pesakit lumpuh dan kecederaan otak pada masa hadapan. Kementerian Pengajian Tinggi memperuntukkan sebanyak RM215,000 untuk penyelidikan tersebut yang memakan masa selama 18 bulan.

KSN Lancar CPD dan Program Mentor USM

Tan Sri Mohd. Sidek Haji Hassan, Ketua Setiausaha Negara melancarkan Program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD), Program Mentor dan Poster Kepimpinan USM pada 24 Januari 2008. USM adalah sektor awam pertama di negara ini yang akan melaksanakan Program CPD yang melibatkan semua lapisan staf di universiti ini.

Neurojaf

Sementara itu, rekaan alat dalam perubatan di negara ini kini setanding negara Barat dan digunakan secara meluas seluruh dunia membuktikan anak Malaysia mampu menghasilkan inovasi yang memberikan harapan untuk hidup kepada manusia sejagat. Prof. Dr. Jafri Malin Abdullah, mencipta alat khas bagi pesakit otak dipanggil **Neurojaf 5th Ventricular Set (Neurojaf)** yang dipasarkan secara meluas seluruh dunia. Neurojaf yang diinovasi daripada alat *External Ventricular Drainage (EVD)* keluaran Amerika Syarikat dan Eropah yang setiap satu berharga RM5,000. Perbezaan paling ketara ialah harganya yang jauh lebih murah iaitu RM100 di Malaysia sejak mula dipasarkan lebih 10 tahun lalu.



CEDEC Standard Cell Library

Pusat Rekabentuk Mikroelektronik Negara (CEDEC) berjaya membangunkan sebuah produk mikroelektronik pertama dalam negara yang boleh digunapakai untuk pembangunan akademik dan penyelidikan tanahair yang dikenali sebagai *CEDEC Standard Cell Library* (cip pengkomputeran yang berpotensi mempercepatkan proses rekabentuk digital) dilengkapi teknologi Silterra 180 nm CMOS yang pertama direka oleh kepakaran tempatan. melalui kerjasama dengan Design Technology Silterra Malaysia Sdn. Bhd dan Emerald System Sdn. Bhd.

Kegunaan baru betonit

Sementara itu, saintis USM juga telah menemui kegunaan terbaru 12.3 juta tan tanah di Lahad Datu, Sabah yang berpotensi digunakan dalam industri cari gali gas dan minyak. Tanah betonit itu boleh ditambah nilai dan dijadikan bahan tambah bagi memudahkan kerja menggerudi untuk mencari gas dan minyak, dipelopori saintis dan pakar dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Sumber Mineral dan Bahan, Dr. P. Samayamutthirian, Prof. Khairun Azizi Mohd Azizli dan Dr. Zaimawati Zainol.

Penemuan Penyelidikan

Beberapa hasil penyelidikan oleh para pensyarah USM turut mendapat perhatian sepanjang tahun 2008. Antaranya ialah:

1. **Plastik terurai** - Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan dan Bahan Sumber Mineral USM, Prof. Dr. Hanafi Ismail berjaya menemui **DEGRA TPE**, untuk menghasilkan plastik terurai yang pertama di dunia yang dihasilkan dengan kos yang rendah.
2. **Trans-Hufa** - Pensyarah Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat USM, Dr. Alexender Chong Shu-Chien berjaya mencipta makanan ikan yang merangsang ikan mengeluarkan lebih banyak Omega 3. Produk makanan tambahan untuk tumbesaran anak ikan menggunakan teknik bioteknologi terkini dan mengandungi asid lemak tidak tepu tinggi.
3. **Alat bantu pesakit angin ahmar gerakan tangan lumpuh** - 40,000 pesakit angin ahmar atau strok di seluruh negara kini mempunyai alternatif baru untuk mendapatkan rawatan terapi dengan adanya Alat Bantuan Tangan Pesakit Strok (Axotrain) untuk membantu pesakit menggerakkan tangan yang lumpuh akibat tekanan darah tinggi, saluran darah tersumbat atau kemalangan yang menjejaskan bahagian otak. Ia dicipta oleh penyelidik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Prof. Mohd Zaid Abdullah.
4. **Kerusi roda brek automatik** - Dr. Syed Sahal Nazli Alhady Syed Hassan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik menghasilkan produk penyelidikan untuk kemudahan OKU 'Slope Detection to Compromise Braking and Locking System for Wheelchair' yang mampu membuatkan kerusi roda membek secara automatik melalui sejenis alat pengesan apabila menghampiri cerun.
5. **Bio-Goemat atasi hakisan tanah** - Prof. Madya Fauziah Ahmad dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam menghasilkan Bio-Goemat bagi Kawalan Hakisan dan Perlindungan Cerun sebagai bahan galian untuk mengelak hakisan dan mengawal cerun berisiko mengalami tanah runtuh. Bahan itu diperbuat daripada hampas kelapa sawit dan ditambah nilai menggunakan kaedah saintifik untuk dijadikan produk yang sangat berguna dalam mengawal masalah hakisan dan perlindungan cerun.
6. **Kertas mesra alam** - Pensyarah Sains Kajihayat, Prof. Darah Ibrahim berjaya mencipta kertas kitar semula melalui proses mesra alam menggunakan bahan leraian dakwat daripada sumber semulajadi. Isirong kelapa sawit dan hampas tebu yang diproses menjadi enzim kepada penyahdakwa kertas.
7. **Potensi pangsa durian** - Penyelidik Pusat Pengajian Teknologi Industri, Prof. Madya Azhar Mat Easa berjaya menukar pangsa durian dari bahan buangan kepada bahan yang mampu merawat kanser. Dengan memproses menjadi serbuk atau *modified Durian Rind Pectin (mDRP)* dan boleh bertindak membuang logam berat dalam tubuh manusia.
8. **Nobesiti untuk Atasi Obesiti** - Pokok kaduk yang sebelum ini sering menjadi tumpuan penggemar ulam-ulaman kini dikenalpasti berpotensi untuk dijadikan produk nutraseutikal bagi membantu mengatasi masalah obesity menerusi penyelidikan oleh kumpulan saintis

nutraseutikal yang diketuai oleh Prof. Zhari Ismail dari Pusat Pengajian Sains Farmasi, Kini dikenali sebagai 'Nobesiti', produk nutraseutikal ini telah diproses ke bentuk pil dan telah menjalani ujian pra-klinikal.

9. **MyCranio dan MyCast** - Jika sebelum ini proses mengukur muka pesakit dijalankan secara manual menggunakan pita ukur dan pembaris, kini ia boleh dilakukan menggunakan kamera untuk mendapatkan hasil yang lebih tepat. Kamera MyCranio dan MyCast itu dicipta oleh pensyarah Fakulti Sains Pergigian Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Zainul Ahmad Rajion bersama rakan pensyarah dari sebuah IPTA lain.
10. **Throttle Lock, rekabentuk gajet keselamatan** - Saiz nyata bukan ukuran bagi produk inovasi pensyarah dan penyelidik di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Prof. Ahmad Yusuff Hassan yang dijamin dapat membendung masalah kecurian motosikal yang semakin membimbangkan di negara ini. Dikenali sebagai 'Throttle Lock', rekabentuk gajet keselamatan yang pertama seumpamanya di negara ini tersebut disifatkan mampu meningkatkan 95 peratus tahap keselamatan motosikal pengguna.
11. **Ekstrak Kunyit sebagai Sumber Perubatan** - Kunyit yang sebelum ini hanya popular di dapur sebagai antara ramuan masakan tradisional sebenarnya mengandungi rahsia semulajadi yang belum dibongkar sepenuhnya oleh manusia. Dengan kos yang rendah, Prof. Madya Dr. Peh Kok Khiang dari Pusat Pengajian Sains Farmasi melalui kajiannya mendapati ekstrak daripada kunyit berupaya menjadi ramuan dalam membantu mengubati tumor dan mampu menyembuhkan luka pada bahagian kulit manusia.
12. **USM temui lapan rangka manusia 2,000 tahun** - Lapan rangka manusia zaman pra-sejarah dipercayai berusia lebih 2,000 tahun ditemui sekumpulan ahli arkeologi USM di Gua Kain Hitam, Sarawak, selepas dua tahun menjalankan penyelidikan di kawasan itu. Kumpulan penyelidik itu juga menemui artifak lain seperti tembikar, manik dan sisa makanan sekali gus mendedahkan bukti ia adalah tanah perkuburan manusia zaman prasejarah. Hasil kajian itu, kumpulan itu berjaya menemui tapak perkuburan zaman Neolitik berusia kira-kira 2,000 hingga 3,000 tahun di Gua Kain Hitam, melalui penyelidikan yang diketuai Prof. Madya Stephen Chia bersama Timbalan Pengarah Jabatan Muzium Sarawak, Ipoi Datan sejak 2007.
13. **Alat mengesan keretakan bangunan** - Kekerapan masalah keretakan bangunan di Malaysia lewat kebelakangan ini memberi idea kepada pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal Prof. Madya R. Mani Maran untuk mencari penyelesaian kepada isu terbabit. Langkah awal boleh diambil untuk mengelak keretakan bangunan bertukar lebih buruk. Alat tersebut amat berguna untuk mengesan keretakan atau sebarang perubahan pada peringkat awal struktur konkrit sekali gus mengelakkannya daripada runtuh. Alat itu berupaya mengesan keretakan sehingga saiz sekecil 0.05 milimeter, ia adalah alat pertama yang dihasilkan oleh anak tempatan.

Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2007

"Anugerah Sanggar Sanjung" merupakan satu pengiktirafan USM kepada para staf dan felo RLKA (Rancangan Latihan Kakitangan Akademik) yang telah mengharumkan nama USM dengan mendapat kejayaan cemerlang dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan akademik pada setiap tahun. Bermula pada tahun 2001, staf yang berjaya menghasilkan sesuatu produk inovasi, penerbitan atau yang menerima anugerah ketokohan di peringkat antarabangsa atau kebangsaan diraikan pada Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2007 pada 23 Mac 2008 di Hotel Equatorial Pulau Pinang. D.Y.M.M. Tuanku Canselor berangkat menyampaikan anugerah-anugerah. Senarai penerima anugerah boleh dilihat di laman web - www.usm.my

Tokoh Alumni

Pengarah Urusan Sistem Penerbangan Malaysia Berhad (MAS), Dato' Seri Idris Jala dan mantan Timbalan Pendaftar, Hal Ehwal Pelajar USM, Hj. Romli Abu Bakar yang menjalankan kelas tambahan percuma untuk pelajar kampungnya telah dianugerahkan sebagai Tokoh Alumni USM 2008 di atas sumbangan dan kejayaan besar melalui sumbangan mereka mengharumkan nama alumni universiti ini yang disampaikan oleh D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Canselor USM pada Malam Sirih Pulang Ke Gagang VIII di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 20 Disember 2008. Malam Sirih Pulang Ke Gagang dianjurkan oleh Persatuan Alumni Wilayah Persekutuan dan Selangor disertai lebih 800 alumni USM mengahdirinya yang diadakan sejak konvokesyen pertamanya pada tahun 1972.

Kabinet Rangka Manusia

PULAU PINANG, 26 Julai – Usaha memelihara rangka benda hidup zaman lampau yang ditemui dalam kerja-kerja ekskavasi (pengorekan) kini boleh dipelihara dengan lebih baik khasnya dalam penjagaan bentuk fizikalnya. Ia berikutan inisiatif terbaru Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia (PPAM) membina kabinet rangka manusia (KRM) bagi memelihara dan memulihara hasil penyelidikan yang ditemui dengan peruntukan sebanyak RM120,000 lengkap dengan peralatan kawalan suhu (16 hingga 20 darjah celsius) dan kelembapan (45 hingga 60 peratus) yang dipantau lima kali sehari. KRM mengandungi 36 rak siap dan sehingga hari ini sebanyak 16 rak telah digunakan untuk menempatkan rangka iaitu tiga dari Lenggong, tiga dari Sabah, enam dari Sarawak dan empat dari Kota Melaka, Melaka. KRM merupakan kabinet rangka pertama di negara ini yang dibina bagi menempatkan rangka manusia atau binatang dengan dilengkapi alat kawalan suhu yang sesuai bagi memelihara rangka daripada termusnah atau hancur. KRM dirasmikan pada 26 Julai 2008.



Kerjasama Keluarkan Mangsa pesawat Douglas DC-3 Dakota

Kepakaran USM juga dimanfaatkan dalam misi forensik untuk membawa keluar tulang-tulang mangsa nahas pesawat Douglas DC-3 Dakota Tentera Udara Diraja British (RAF) yang terhempas di Gua Musang 58 tahun lalu. Pesawat tersebut yang disahkan terhempas pada 25 Ogos 1950 dikatakan membawa 9 orang anggota tentera British, 1 anggota Polis Malaya, 1 orang awam dan 1 orang asli tempatan pada ketika kejadian. Pasukan USM yang terdiri daripada pakar forensik Pusat Pengajian Sains Kesihatan USM, Dr. Zafarina Zainuddin, pakar arkeologi Pusat Arkeologi Negara USM, Prof. Madya. Stephen Chia Ming Soon bersama pasukan penyelidik yang lain memulakan misi tersebut, kini dikenali sebagai 'Ekspedisi Garis Waktu', bermula pada jam 6.30 pagi, 5 November.

Pensyarah Seni Bina terima Anugerah Bahasa Melayu

Minat terhadap bidang seni bina bukan penghalang bagi seorang anak jati Melayu, Prof. Madya Dr. Zulkifli Hanafi dalam memperjuangkan bahasa ibunda, sekaligus melayakkan individu berkenaan menerima Tokoh Anugerah Bahasa Melayu USM 2008 yang berlangsung serentak dengan Syarahan Umum Kebangsaan oleh tokoh cendekiawan linguistik terkenal tanahair, Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan bertajuk Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Tuntutan Jati Diri dan Rempuhan pada 16 Julai 2008. Pensyarah di Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan menulis lebih daripada 12 buku yang berkaitan dengan ilmu seni bina. Beliau kini giat menghasilkan Ensiklopedia Seni Bina Melayu untuk rujukan generasi akan datang.

Anugerah Pemuda Cemerlang

Pakar entomologi Prof. Lee Chow-Yang menerima Anugerah Pemuda Cemerlang Malaysia (Kepimpinan dan Pencapaian Akademik) 2008 berupa trofi dan sijil oleh Dato' Shamsul Anuar Nasarah, Presiden Majlis Belia Malaysia pada 1 November 2008. Dalam majlis yang sama, Prof. Madya Alexander Chong Shu Chien turut menerima Sijil Merit bagi kategori Kepimpinan dan Pencapaian Akademik sebagai mengiktiraf pencapaian dalam bidang penyelidikan.

Pusat Rujukan Penyakit Berjangkit

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) menjadi pusat rujukan bagi kes-kes jangkitan penyakit yang jarang ditemui atau tiada penawar khusus dalam kaedah rawatannya. IPPT bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pusat perubatan yang memerlukan khidmatnya dalam mencari kaedah rawatan terbaik bagi kes-kes penyakit tersebut. IPPT mempunyai 12 kluster penyelidikan yang mampu memenuhi keperluan tersebut.

Minggu Kesedaran Minda (Brain Awareness Week)

Angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muzaphar Shukor Al-Masrie Sheikh Mustapha menarik perhatian orang ramai yang mengunjungi Program 'Brain Awareness Week' USM dan menandatangani buku beliau 'Reaching For The Stars' pada hari Khamis, 27 Mac 2008. Beliau turut menyampaikan ucapan utama bertajuk 'Brain in Space: Our New Frontier' pada hari Jumaat, 28 Mac 2008. 500 pelajar daripada sekolah rendah dan menengah sekitar Pulau Pinang pula mengikuti pelbagai program sempena Kempen Kesedaran Minda, antaranya ialah acara interaktif Program Saintis Neuro Muda termasuk permainan minda, ceramah dan Kuiz 'Siapakah yang Ingin Menjadi Saintis Neuro?' yang dikelolakan oleh Profesor Jafri Malin Abdullah yang pertama kali diperkenalkan di Kampus Induk USM.

KEJAYAAN PELAJAR

Terdapat pelbagai aktiviti dan kejayaan yang ditempa pelajar sepanjang tahun 2008. Antaranya ialah:

NRIC 2008 Kumpul 145 Hasil Penyelidikan Pelajar IPT

Majlis Perwakilan pelajar USM meneruskan usahanya menganjurkan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Peringkat Kebangsaan 2008 (NRIC) yang dimulakan pada tahun 2007. Kali ini NRIC bergabung tenaga dengan 'Association of Southeast Asian Institution of Higher Learning' (ASIHL) dengan penaja utamanya Motorola Malaysia. Ia diadakan pada 20 Mei 2008 – 22 Mei 2008 di Dewan Utama Pelajar, USM, Pulau Pinang. Menerusi pertandingan tersebut, orang ramai berpeluang untuk menyaksikan sejumlah 145 hasil penyelidikan pelajar ijazah pertama dari 19 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta dari seluruh negara. NRIC 2008 adalah inisiatif pertama seumpamanya di negara ini yang bertujuan untuk mengenengahkan hasil penyelidikan pelajar yang berpotensi untuk dikembangkan dan dikomersilkan. Dua orang pelajar Kejuruteraan Kimia menggondol hadiah utama dalam NRIC 2008 iaitu Fan Mun Sing, 25, dan Nor Khonisah Daud, 23, "Best Project Award" dan menerima piala dan wang tunai RM5,000.00

SolidWorks Student Design and Modeling 2007

Sebanyak 3 pasukan dari Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik USM mengguguli pertandingan akhir "SolidWorks Student Design and Modeling 2007" yang berlangsung di SIRIM, Shah Alam dalam pertandingan yang disertai oleh lebih dari 30 penyertaan dari 14 buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta di seluruh negara. Pertandingan ini bertemakan "Design for Safety and Environment", Projek "Throttle Lock", mendapat tempat pertama, manakala projek "Green Bin" mendapat tempat kedua.

Pertandingan Ke-3 Chem-E-Car Malaysia 2008

USM diberi penghormatan apabila menjadi tuan rumah kepada Pertandingan Ke-3 Chem-E-Car Malaysia 2008 yang menyaksikan penyertaan 63 saintis orang muda Kejuruteraan Kimia dari seluruh negara bagi mencari sumber tenaga alternatif untuk kegunaan automobil di negara ini.

Pertandingan Pelan Perniagaan Peringkat Kebangsaan 2007/08

Para pelajar USM turut mengharumkan nama Universiti apabila muncul sebagai juara pertandingan MSC-Institut Pengajian Tinggi (IPT), Pertandingan Pelan Perniagaan Peringkat Kebangsaan 2007/08 di Kuala Lumpur pada 4 Mac 2008. Kejayaan tersebut diperoleh menerusi persembahan pelan bertajuk Education Services Mashup (EdSem) memenangi wang tunai RM5000, piala pusingan, trofi, voucher dan sijil penghargaan. Mereka layak memohon geran MdeC Pre-Seed Fund bernilai RM150,000 tanpa melalui proses ujian dan saringan.

3 Pelajar Terima Biasiswa Pelan Colombo bagi tahun 2008

Tiga orang pelajar antarabangsa program sarjana USM adalah penerima sulung biasiswa Pelan Colombo bagi tahun 2008 yang dipilih oleh Sekretariat Pelan Colombo (SPC). SPC beroperasi lebih 50 tahun lalu. Mereka ialah Zohreh Bahrebar, 31, calon Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, Rattu Tshering Dukpa, 34, pengurus bahagian pentadbiran di *Bank of Bhutan* yang sedang

mengikuti Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dan Abdul Rauff, 34, penolong pensyarah di sebuah pusat pengajian awam di Sri Lanka, calon Ijazah Sarjana Kerja Sosial.

Larian Obor

Seorang pelajar tahun dua Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik, Mohan a/l Gurusamy mencipta sejarah apabila dipilih untuk menyertai Larian Obor Sukan Olimpik Beijing 2008 bagi peringkat Asia di Kuala Lumpur.

MEMORANDUM KERJASAMA

Sepanjang 2008 terdapat banyak perjanjian dan memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh USM dengan pelbagai institusi luar, tempatan mahu pun antarabangsa. Antaranya ialah:

1. **MoU dengan Khazanah Nasional pada 23 Februari 2008** untuk menjayakan usaha-usaha yang berkaitan dengan bidang *life-sciences* khususnya yang melibatkan rantaian di kalangan pakar-pakar akademik, penyelidikan, pengkormesialan dan promosi.
2. **Memorandum Persefahaman dengan University of The South Pacific, (USP), Suva, Fiji** yang ditandatangani oleh Naib Canselor USM, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak yang mewakili USM dengan Pemangku Naib Canselor USP, Dr. Esther Williams di Fiji pada 3 Jun 2008 bertujuan untuk mempertingkatkan pencapaian bidang akademik bagi kedua-dua pihak. Majlis disaksikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Republik Fiji, Dato' Nafisah Mohamed yang juga alumni USM.
3. **Pusat Penyelidikan Neurosains Pertama di Asia di USM.** USM menjadi IPTA pertama di Asia menubuhkan Pusat Penyelidikan Neurosains yang dilengkapi dengan teknologi terkini untuk melihat imej otak manusia dengan resolusi tinggi yang dikenali sebagai Ultra High Field (UHF) Magnetic Resonance Imaging (MRI) 7 Tesla (7T) yang dirintis oleh Siemens Malaysia Sdn. Bhd, yang pertama diperkenalkan di rantau ini dan antara yang terbaik di dunia. Ini adalah hasil MoU antara USM dan Siemens Malaysia Sdn. Bhd pada 19 Mac 2008.
4. **MoU USM - PDRM**
USM meneruskan kerjasama erat dengan Pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mempertingkatkan pencapaian bidang sains forensik di negara ini. melalui MoU yang ditandatangani oleh Ketua Polis Negara, Tan Sri Datuk Sri Musa Hassan pada 23 Jun 2008 dengan Prof. Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak mewakili USM. Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Pengarah USM, Tan Sri Datuk Ani Arope.
5. **MoA USM - Mississippi State University.** USM turut menandatangani MoA dengan Mississippi State University, Amerika Syarikat untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang perikanan, sumber asli dan perhutanan menarik minat pelbagai institusi antarabangsa pada 26 Jun 2008.



6. **MoU USM - Australian Cranio-Maxillo Facial Foundation (ACMFF)** - USM menandatangani MoU dengan Australian Cranio-Maxillo Facial Foundation (ACMFF) untuk menawarkan khidmat pakar pembedahan bagi pesakit-pesakit yang mengalami kecacatan muka dan tengkorak kepala ketika kelahiran yang disebabkan ketidaknormalan ketika proses pencantuman dalam rahim. Dalam upacara penandatanganan MoU tersebut, USM yang diwakili oleh Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor manakala Prof. David J. David mewakili ACMFF.
7. **Kerjasama teknikal dalam bidang teknologi.** Pusat Pengajian Pengurusan dengan Sekolah Tinggi Manajemen Informatika dan Komputer Mikroskil (STMIK-Mikroskil) Medan, Indonesia menandatangani MoU pada 23 Jun 2008 untuk membangunkan bidang penyelidikan dan pembangunan dalam bidang *Software System Engineering* dan *Computer Networking*. Naib Canselor, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak akan menandatangani bagi pihak USM.
8. **MoU dengan Sekretariat Pelan Colombo** - Penandatanganan memperbaharui persefahaman berlangsung pada 8 Julai 2008. USM diwakili oleh Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak manakala Patricia Yoon-Moi Chia, Setiausaha Agung SPC mewakili pertubuhan tersebut.
9. **MoU USM UniSIM** - USM turut Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Sains Malaysia dengan SIM University (UniSIM) untuk memartabatkan bahasa Melayu di Singapura. MoU itu merupakan jalinan kerjasama terbaru dalam program yang ditawarkan UniSIM melalui Program Sarjana Muda Sastera Bahasa Melayu dan Kesusasteraan (BAML). UniSIM diwakili oleh Presiden UniSIM, Prof. Cheong Hee Kiat.
10. **MoU USM - Riken** - Peluang menjalankan penyelidikan mereka di Institut RIKEN Jepun diterokai melalui MoU pada 30 November 2008. Institut RIKEN diwakili Presidennya, Prof. Ryoji Noyori.
11. **Kerjasama USM-UBD** - Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA) USM turut menjalin persefahaman dengan Universiti Brunei Darussalam untuk kerja-kerja penyelidikan dalam bidang berkaitan. Kedua-dua pihak akan berkongsi kepakaran bagi meningkatkan usaha penyelidikan di antara USM dengan UBC.
12. **Kerjasama dalam Bidang Komunikasi** - Sebanyak 13 buah syarikat media dan komunikasi, termasuk RTM menandatangani persefahaman dengan Pusat Pengajian Komunikasi untuk menyediakan tempat latihan amali, komunikasi dan teknologi maklumat serta kerjasama akademik dan penerbitan Penandatanganan dokumen MoU diadakan pada 25 Mac 2008.

Rantau Budaya

Selaras dengan hasrat untuk membawa ilmu kepada masyarakat Pusat Pengajian Seni USM kini menganjurkan program unik, Rantau Budaya di Kampung Cherok Paloh, Kuantan, Pahang yang disertai sebahagian besarnya para pelajar. Perasmiannya dilakukan oleh Y.B. Haji Shafik Fauzan bin Haji Sharif, Ahli Dewan Undangan Negeri Inderapura pada 3 Mei 2008 di Dewan Serbaguna, Kampung Cherok Paloh, Kuantan, Pahang. Dalam majlis yang sama,

persembahan khas seni budaya oleh pelajar dan artis budaya USM akan turut diadakan. Selain program latihan kebudayaan,

Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) 2008

Canselor, D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Al-Marhum Tuanku Syed Putra Jamalullail telah berangkat ke Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) 2008 di Padang Kawad USM pada 23 Jun 2008. Turut hadir pada majlis itu ialah Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, Pengerusi Lembaga Pengarah USM, Tan Sri Datuk Ani Arope dan Naib Canselor USM, Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak. Majlis pentauliah tersebut menyaksikan seramai 658 pelajar dari 12 IPTA menerima sijil pelantikan sebagai pegawai sukarelawan polis berpangkat Inspektor dan daripada jumlah itu seramai 330 adalah pelajar siswa manakala selebihnya adalah siswi.

Pusat Islam sambut 25-tahun penubuhan

Sebagai sebuah pusat tumpuan pembangunan insaniah dan kerohanian masyarakat warga kampus, Pusat Islam Universiti Sains Malaysia kini telah jauh berubah dan lebih berdaya saing mengikut perkembangan semasa. Bergerak maju seiring dengan peralihan masa, Pusat Islam menyambut Ulang Tahunnya Ke-25 serentak dengan sambutan Maulidur Rasul peringkat universiti pada 26 Mac 2008 yang dirasmikan oleh Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman Abbas.

Upacara Konvokesyen

USM mengadakan Upacara Konvokesyen Ke-37 pada 22 Mac 2008 untuk menyampaikan ijazah kepada seramai 738 graduan, sebahagian besarnya ijazah tinggi. Mantan Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara Prof. Datuk Dr. Mazlan Othman dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains oleh Canselor, D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail sebagai pengiktirafan terhadap program penghantaran angkasawan negara.

Pada 30 Ogos 2008 pula, berlangsung **Upacara Konvokesyen Khas** untuk menganugerahkan Ijazah kehormat Doktor Sains kepada mantan Presiden India ke-11, Dr. A.P.J. Abdul Kalam atau nama penuhnya Avul Pakir Jainulabdeen Abdul Kalam oleh Pro-Canselor USM, Tan Sri Dato' Lin See Yan. Dr. Abdul Kalam merupakan saintis yang disegani dan komited khususnya dalam perkara-perkara yang membabitkan khidmat kepada masyarakat.

Anugerah Kencana Canselor

USM juga telah memilih dua tokoh untuk menerima Anugerah Kencana Canselor yang pertama kali diperkenalkan iaitu angkasawan negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor dan Ratu Skuasy Dunia, Nicol Ann David kerana kejayaan mereka mengharumkan nama negara.

Ambassadorial Lecture Series

Pro-Canselor, Tan Sri Razali Ismail melancarkan USM Ambassadorial Lecture Series pada 30 Oktober 2008 dengan Syarahan oleh Tan Sri Hasmy Agam bertajuk *The UN: Hopes and Aspirations Reflections on a Future*. Ini diikuti oleh Syarahan oleh Tan Sri Dato' Zainal Abidin Sulong pada 23 Disember 2008.

Bengkel Media Kreatif

USM turut membantu meningkatkan kemahiran dan kesedaran pelajar sekolah terhadap

alam sekitar melalui penganjuran Bengkel Media Kreatif pada 15 Mei 2008. Para pelajar di peringkat sekolah diajar menggunakan kemudahan media baru ke arah yang lebih produktif dan bermanfaat, Seramai 60 orang pelajar dari empat buah sekolah telah terpilih mengikuti bengkel yang dijalankan di USM meliputi SMK Hamid Khan, SMK Sungai Nibong, SMK Bukit Jambul dan Sekolah Tinggi Union.

Majlis Perwakilan Pelajar USM Anjur Malam Amal Untuk Bantu Mangsa Banjir

Profesor Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor menyampaikan sumbangan kepada 31 orang pelajar USM yang terlibat dalam bencana banjir di Kelantan, Pahang dan Johor di Malam Amal untuk Bangsa Banjir pada 22 Januari 2008. Acara berkenaan menyaksikan pengisian persembahan kebudayaan pelajar USM dalam usaha mencapai kutipan sebanyak RM15,000 yang disasarkan bagi membantu pelajar-pelajar berkenaan.



Malam Citrawarna 2008

Suasana berwarna-warni dan muhibbah menyinari Malam Citrawarna 2008 kali ke-8 di Stadium Hoki USM. Canselor USM, D.Y.M.M. Tuanku Canselor dan D.Y.M.M. Raja Perempuan Perlis berangkat menyaksikan persembahan tersebut yang dikendalikan sepenuhnya oleh para pelajar USM.

PENUTUP

Pencapaian yang tertera di atas adalah sebahagian daripada rentetan usaha warga universiti dalam memartabatkan ilmu dan merealisasikan motto "Kami Memimpin". Malah tidak diragukan lagi kemampuan USM untuk terus menjangkau bintang mencapai mercu melalui kepimpinan berhemah dan kepimpinan yang mengikut resmi padi, makin berisi makin tunduk ke bumi. Ini adalah permulaan kepada perjalanan jauh dalam mentransformasikan pengajian tinggi untuk kelestarian hari esok.

Malah, usaha-usaha yang dilakukan untuk memaknakan kelestarian dan membantu kumpulan terbawah terbanyak yang disebut sebagai "the bottom billion" masih banyak yang perlu dilakukan oleh semua pihak. Apatah lagi untuk mengubah minda dalam mencapai matlamat menjadi IPT tersohor di dunia seperti mana yang digalas oleh setiap warga USM. Bukan sahaja warga staf, pensyarah mahu pun pentadbir, tetapi juga para pelajar yang perlu menjadi model dan bukti perubahan dan transformasi minda yang dikehendaki.

HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA

Pengenalan

Sebagai sebuah universiti APEX (*Accelerated Programme for Excellence*) yang pertama di negara ini dan juga selaras dengan Rancangan Malaysia ke-9 (RMK-9), USM, pada tahun 2008 telah mengambil pelbagai inisiatif dalam usaha untuk membangunkan modal insan secara menyeluruh demi memacu transformasi negara ke arah ekonomi berasaskan pengetahuan di samping sebagai pemacu pendidikan tinggi yang bertaraf dunia. Berdasarkan Perancangan Strategik Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa yang telah dibangunkan bagi RMK-9, beberapa perancangan dan tindakan telah dibuat bagi:

- Meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran berteraskan Hasil Pembelajaran (*Learning Outcomes*) dan juga Kemahiran Insaniah.
- Meningkatkan usaha pengiktirafan luar negara terhadap program yang ditawarkan oleh USM.
- Memperkukuh program pembangunan pensyarah sebagai tenaga pengajar berwibawa dan penyelidik berkaliber sejajar dengan usaha Universiti memperkenalkan Pembangunan Profesional Berterusan ataupun *Continuous Professional Development* (CPD).
- Memantapkan penawaran kursus ko-kurikulum dengan tertubuhnya Unit Rancangan Kokurikulum yang diyakini dapat menerapkan serta mengintegrasikan kursus ko-kurikulum sebagai sebahagian daripada kurikulum akademik.
- Menambah dan meningkatkan bilangan staf akademik yang berkelayakan dan bermutu tinggi melalui usaha penurunan kuasa dan tanggungjawab daripada pentadbiran pusat ke pusat-pusat pengajian.
- Menggalakkan usaha penyemakan kurikulum bagi memastikan setiap kurikulum adalah terkini dan relevan dengan pembangunan negara dan pihak industri.
- Mempertingkatkan usaha pengantarabangsaan pelajar dengan meperkasakan Skim Pertukaran Pelajar dengan Institut Pengajian Tinggi luar negara dan menyediakan lebih banyak ruang untuk penyertaan dalam persidangan dan pertandingan pada peringkat antarabangsa.
- Memperkukuhkan usaha Universiti untuk menjalinkan kerjasama dengan institusi luar negara melalui pewujudan program ijazah bersama, kampus pesisir dan penyeliaan bersama.


Penghasilan Graduan

Bilangan graduan yang menerima ijazah semasa upacara Konvokesyen yang berlangsung pada 29 Mac dan 17 sehingga 22 Ogos tahun ini adalah seramai 7,427 orang berbanding 7,591 pada tahun 2007. Daripada jumlah ini seramai 5,829 orang terdiri daripada graduan ijazah sarjana muda, 965 orang graduan ijazah sarjana, 448 orang graduan bagi Ijazah Sarjana Muda (program ijazah luaran), 127 graduan Ijazah Kedoktoran dan seramai 58 graduan Diploma Lepasan Ijazah. Sekiranya dibandingkan dengan tahun 2007, pada tahun ini terdapat penurunan seramai 185 graduan Ijazah Sarjana Muda, 26 orang graduan Ijazah Sarjana, 7 orang graduan Ijazah Kedoktoran dan seramai 4 orang graduan Ijazah Sarjana Muda (program Ijazah Luaran). Statistik ini dapat dilihat secara terperinci dalam Jadual 1 dan Carta 1.

Jadual 1: Graduan tahun 2007 dan 2008 Mengikut Peringkat Pengajian

| Bil. | Peringkat Pengajian | 2007 | 2008 |
|---------------|---|--------------|--------------|
| 1 | Ijazah Sarjana Muda | 6,014 | 5,829 |
| 2 | Sarjana | 991 | 965 |
| 3 | Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luaran) | 452 | 448 |
| 4 | Ijazah Kedoktoran | 134 | 127 |
| 5 | Diploma Lepasan Ijazah | - | 58 |
| Jumlah | | 7,591 | 7,427 |

Carta 1: Graduan Tahun 2007 dan 2008 mengikut peringkat pengajian




Enrolmen Pelajar

Pada keseluruhannya, enrolmen pelajar pada tahun 2008 pada pelbagai peringkat pengajian telah berkurangan sebanyak 1.8%, yakni daripada 29,221 pelajar pada tahun 2007 kepada 28,682 pelajar pada tahun ini. Perbandingan jumlah enrolmen pelajar untuk kedua-dua tahun ini mengikut peringkat pengajian masing-masing dapat dilihat dalam Jadual 2 dan Carta 2 yang berikut:

Jadual 2: Enrolmen Pelajar Tahun 2007 dan 2008 mengikut Peringkat Pengajian

| Peringkat Pengajian | 2007 | 2008 |
|---|---------------|---------------|
| Ijazah Sarjana Muda | 16,610 | 15,088 |
| Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Jarak Jauh) | 5,365 | 5,653 |
| Sarjana | 4,909 | 5,245 |
| Ijazah Kedoktoran | 1,928 | 2,213 |
| Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar) | 213 | 251 |
| Diploma | 90 | 182 |
| Diploma Lepas Ijazah | 106 | 50 |
| Jumlah | 29,221 | 28,682 |




Pengambilan Pelajar

Secara amnya, bilangan pelajar baru yang diambil pada tahun 2008 adalah seramai 7,721 orang, yakni meningkat sebanyak 1.8% berbanding pengambilan seramai 7,585 orang pada tahun 2007. Maklumat terperinci jumlah pengambilan pelajar mengikut peringkat pengajian dapat dilihat dalam Jadual 3 dan Carta 3:

Jadual 3: Pengambilan Pelajar Tahun 2007 dan 2008 mengikut Peringkat Pengajian

| Peringkat Pengajian | 2007 | 2008 |
|---|--------------|--------------|
| Ijazah Sarjana Muda | 3,912 | 3,588 |
| Sarjana | 1,407 | 1,742 |
| Ijazah Sarjana Muda (Pendidikan Jarak Jauh) | 1,386 | 1,450 |
| Ijazah Kedoktoran | 471 | 539 |
| Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar) | 213 | 251 |
| Diploma | 90 | 101 |
| Diploma Lepas Ijazah | 106 | 50 |
| Jumlah | 7,585 | 7,721 |



Pengambilan Pelajar Luar Negara

Pada tahun ini, seramai 2,358 orang pelajar dari luar negara telah mendaftar untuk mengikuti pengajian mereka di USM, dan bilangan ini menunjukkan peningkatan pendaftaran sebanyak 22% berbanding tahun 2007. Seramai 1,789 orang daripada jumlah ini ialah pelajar ijazah tinggi dari Indonesia, Iran, Iraq, Yaman, Jordan, Thailand, Libya, India, Sudan, Pakistan, Palestin, Arab Saudi dan beberapa negara lain. Seramai 318 orang pula ialah pelajar yang mendaftar untuk rancangan Ijazah Pertama. Pada masa yang sama seramai 251 orang pelajar dari negara luar yang lain seperti Finland, Kanada, Australia, Perancis, Netherland, Jerman, Sweden, Korea, Jepun dan Thailand telah mendaftar untuk mengikuti Program Pertukaran Pelajar dan Pengajian Tanpa Ijazah selama satu atau dua semester.

Jadual 4 dibawah menunjukkan enrolmen pelajar luar negara secara terperinci bagi tahun 2008 berbanding 2007:

Jadual 4: Enrolmen Pelajar Luar Negara Tahun 2007 dan 2008

| Bil. | Peringkat Pengajian | 2007 | 2008 | % perubahan |
|---------------|---|--------------|--------------|-------------|
| 1 | Ijazah Kedoktoran | 787 | 961 | 22% |
| 2 | Ijazah Sarjana | 733 | 828 | 13% |
| 3 | Ijazah Pertama | 194 | 318 | 64% |
| 4 | Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar) | 213 | 251 | 18% |
| Jumlah | | 1,927 | 2,358 | 22% |



Penawaran Program Akademik Baharu

Sebagai menyahut hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara, USM telah meluluskan sebanyak 12 program akademik baru. Daripada jumlah tersebut, 10 ialah program ijazah tinggi dan dua pakej major/minor yang ditawarkan kepada calon lepasan STPM/Matrikulasi di bawah program ijazah pertama.

Senarai program akademik baru adalah seperti berikut:-

a) Program Ijazah Tinggi Baru

- Sarjana Patologi [Genetik Perubatan] – Mod Campuran
- Sarjana Kesihatan Awam – Mod Kerja Kursus
- Doktor Pentadbiran Perniagaan daripada **Mod Kerja Kursus** kepada **Mod Campuran**
- Sarjana Sains [Sains Oral] – Mod Campuran
- Sarjana Sains [Bioteknologi Penjagaan Kesihatan] dan Doktor Falsafah
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan [Pembangunan Lestari]
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan [Sains, Pengurusan dan Kejuruteraan Perkhidmatan] – Mod Kerja Kursus
- Sarjana Sains [Toksikologi Kesihatan – Mod Campuran
- Sarjana Kaunseling – Mod Kerja Kursus
- Sarjana Komunikasi [Kewartawanan Sains dan Alam Sekitar]
- Sarjana Komunikasi [Komunikas dan Alam Sekitar] – Mod Campuran

b) Program Major/Minor Baru

- Pakej Minor Astronomi
- Sarjana Muda Sains [Perumahan, Bangunan dan Perancangan]
- Pengkhususan** [Ukur Bangunan]

Perkongsian Pintar Pendidikan dengan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)

Sebanyak tujuh buah IPTS sedang bekerjasama dengan USM dalam program perkongsian pintar yang dijalankan secara kawal selia**/luaran** pada tahun laporan. Jumlah enrolmen pelajar bagi program kawal selia ialah 1,033 orang dan bagi Program Ijazah Luaran ialah 1,046 orang. Bilangan graduan yang telah dikeluarkan ialah 249 orang bagi program kawal selia dan 448 orang bagi program ijazah luaran.

- * Satu program rakan kongsi dengan USM yang ditawarkan dan dikendalikan oleh rakan kongsi di premis rakan kongsi dengan pemantauan USM. Diploma yang dianugerahkan kepada pelajar ialah Diploma IPTS rakan kongsi.
- ** Satu program USM yang ditawarkan dan dikendalikan oleh rakan kongsi di premis rakan kongsi dengan kawalan dan pemantauan USM. Ijazah yang dianugerahkan kepada pelajar adalah Ijazah USM.

Perincian enrolmen pelajar adalah seperti berikut:

Jadual 8: IPTS yang Mengikuti Program Kerjasama Pintar dengan USM

| IPTS | Program | Mod Kerjasama | Bil. Pelajar (Diploma) 2008 | Bil. Pelajar (Ijazah) 2008 | Jumlah Besar Enrolmen | Bil. Graduan (Diploma) | Bil. Graduan (Ijazah) 2007 | Jumlah Besar |
|--------------------------------------|--|---------------|-----------------------------|----------------------------|-----------------------|------------------------|----------------------------|--------------|
| Kolej Stamford | Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer | Luaran | - | 38 | 44 | - | 48 | 62 |
| | Diploma Sains Komputer | Kawal Selia | 6 | - | | 14 | - | |
| Kolej Pengurusan ASTIN | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan | Luaran | - | 333 | 401 | - | 72 | 110 |
| | Diploma Pengurusan / Pemasaran | Kawal Selia | 68 | - | | 38 | - | |
| Kolej Teknologi Pulau | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan | Luaran | - | 470 | 1,102 | - | 171 | 313 |
| | Diploma Pengurusan / Pemasaran | Kawal Selia | 487 | - | | 142 | - | |
| | Diploma Komunikasi | Kawal Selia | 78 | - | | - | - | |
| | Ijazah Sarjana Muda Farmasi | Luaran | - | 67 | | - | - | |
| Taylor's College | Ijazah Sarjana Muda Komunikasi | Luaran | - | 48 | 188 | - | 36 | 85 |
| | Diploma Komunikasi | Kawal Selia | 140 | - | | 49 | - | |
| Kolej Lagenda | Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer | Luaran | - | 46 | 72 | - | 25 | 31 |
| | Diploma Pengkomputeran dan Sistem Maklumat | Kawal Selia | 26 | - | | 6 | - | |
| KDU Kolej, Penang Campus | Ijazah Sarjana Muda Pengurusan | Luaran | - | 44 | 44 | - | - | - |
| Kolej Teknologi Bestari Terengganu | Diploma Kejururawatan | Kawal Selia | 228 | - | 228 | - | - | - |
| Kolej Universiti Sedaya Antarabangsa | Ijazah Sarjana Muda Farmasi | Luaran | - | - | - | - | 96 | 96 |
| Keseluruhan | | | 1,033 | 1,046 | 2,079 | 249 | 448 | 697 |

BAHAGIAN HAL EHWAL DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

Pengenalan

Sepanjang tahun 2008 Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) USM telah menyelenggarakan pelbagai program dan aktiviti pembangunan pelajar yang secara langsung dan tidak langsung merealisasikan peranan universiti sebagai Universiti Penyelidikan. Di samping itu juga, BHEPP telah memastikan segala perkhidmatan, kemudahan serta prasarana yang disediakan untuk para pelajar memenuhi keperluan dan citarasa mereka supaya mereka bebas daripada sebarang tekanan dalam mencapai kecemerlangan baik dalam bidang akademik mahupun bukan akademik. Satu rangka pelan Dasar Pembangunan Mahasiswa telah diwujudkan untuk membantu pihak universiti dan mahasiswa dalam mencorakkan mengendalikan graduan yang mempunyai ciri-ciri yang holistik berasaskan ilmu dan budaya intelektual, bertaraf antarabangsa serta mampu menghadapi cabaran bagi memajukan diri dan negara. Pada masa yang sama BHEPP juga sentiasa menggalakkan kerjasama dan interaksi antara warga kampus bagi memastikan kewujudan pelajar yang mampu bersaing dalam pasaran kerjaya dan berpotensi mengharumkan nama Universiti. Seperti juga yang telah dilakukan pada tahun lepas, BHEPP juga terus memberi peluang kepada para pelajar untuk berjumpa dan berdialog dengan Timbalan Naib Canselor, BHEPP.

Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU)

Unit Perumahan dan Penginapan Universiti (UPPU) merupakan salah satu unit di bawah BHEPP yang berperanan sebagai penyelarasan bagi urusan penginapan dan penempatan pelajar. Unit ini bertanggungjawab menyelaras keseluruhan tempat penginapan yang meliputi Rumah Antarabangsa, Rumah Keluarga Ijazah Pertama, Rumah Keluarga Ijazah Tinggi, Rumah Transit untuk staf baru USM dan Desasiswa-Desasiswa.

UPPU juga bertanggungjawab menyelaraskan perancangan belanjawan dan kewangan keseluruhan premis penginapan dengan kerjasama pihak pengurusan Desasiswa. Penyediaan penginapan yang kondusif dan sempurna merupakan fokus utama UPPU untuk memastikan warga kampus khususnya para pelajar dapat memberikan tumpuan sebaiknya dalam pengajian mereka.

Pada masa yang sama UPPU dan Desasiswa turut menyelaraskan penggunaan kemudahan bilik kepada para pengguna luar Universiti. Pengguna luar ini terdiri daripada orang perseorangan atau kumpulan daripada agensi kerajaan dan swasta serta NGO. Kedatangan pengguna luar biasanya akan meningkat pada hujung minggu atau hari cuti semester. Di samping dapat menambahkan pendapatan melalui penyewaan oleh pihak luar, cara ini juga merupakan satu usaha untuk mempromosikan USM kepada masyarakat umum. Namun begitu, para pelajar USM tetap menjadi keutamaan untuk menikmati kemudahan yang disediakan.

Desasiswa Pelajar

Pada Sidang Akademik 2008/2009, USM telah menyediakan kemudahan kediaman untuk seramai 10,443 orang pelajar Ijazah Pertama di asrama ataupun Desasiswa Universiti. USM mempunyai 12 desasiswa dengan sebahagian besar merupakan jenis bilik untuk dua orang pelajar. Kadar yang dikenakan, ialah antara RM4.50/seorang/sehari (tertinggi) dan RM2.40 seorang (terendah). Bilangan pelajar yang ditempatkan di desasiswa mengikut kampus dan peringkat pengajian boleh dirujuk dalam Jadual 9, 10 dan 11.

Jadual 9: Penempatan pelajar mengikut desasiswa/rumah/keluarga/transit rumah/rumah antarabangsa

| Bil | Kampus | Desasiswa | Jumlah Tempat | | Jumlah Menginap | |
|--------------------|--------------|-----------------------|---------------|--------------|-----------------|--------------|
| | | | Lelaki | Perempuan | Lelaki | Perempuan |
| 1. | Induk | Aman Damai | 207 | 925 | 192 | 861 |
| | | Bakti Pemai | 169 | 545 | 163 | 460 |
| | | Cahaya Gemilang | 178 | 703 | 163 | 700 |
| | | Fajar Harapan | 276 | 525 | 247 | 506 |
| | | Indah Kembara | 232 | 1014 | 189 | 881 |
| | | Restu | 863 | 1033 | 817 | 898 |
| | | Saujana | - | 1803 | - | 1,546 |
| | | Tekun | 1,033 | 937 | 869 | 866 |
| | | JUMLAH | 2,958 | 7,485 | 2,640 | 6,718 |
| | | Unit Kediaman Transit | | 26 | | 23 |
| Rumah Antarabangsa | - | 238 | - | 188 | | |
| 2. | Kejuruteraan | Jaya | 969 | 379 | 759 | 328 |
| | | Lembaran | 747 | 757 | 643 | 568 |
| | | JUMLAH | 1,693 | 1,136 | 1,402 | 896 |
| 3. | Kesihatan | Murni | 195 | 1053 | 195 | 895 |
| | | Nurani | 414 | 798 | 414 | 759 |
| | | JUMLAH | 609 | 1,851 | 609 | 1,654 |

Jadual 10: Penempatan Pelajar di Desasiswa mengikut Kampus dan Peringkat Pengajian tahun 2008

| Kampus | Kapasiti | Ijazah Pertama | Ijazah Tinggi | Jumlah | Peratus |
|---------------------|----------|----------------|---------------|--------|---------|
| Kampus Induk | 10,443 | 9,358 | 522 | 9,880 | 95% |
| Kampus Kejuruteraan | 2,829 | 2,298 | 173 | 2,471 | 87.3% |
| Kampus Kesihatan | 2,460 | 2,263 | 66 | 2,329 | 95% |

Jadual 11: Bilangan Pelajar antarabangsa yang mendapat tempat penginapan di dalam kampus mengikut peringkat pengajian.

| Peringkat Pengajian | Bilangan Pelajar |
|---------------------|------------------|
| Ijazah Pertama | 100 |
| Ijazah Tinggi | 814 |

Kemudahan di Desasiswa

Bagi memastikan para pelajar dapat menikmati kemudahan yang terbaik di setiap desasiswa, BHEPP, melalui UPPU dan Penggawa Desasiswa, sentiasa membuat perancangan dan pemantauan terhadap kemudahan yang disediakan. Kemudahan yang disediakan antara lain termasuklah kafeteria dan premis perniagaan yang bersesuaian dengan keperluan penghuni desasiswa. Prestasi dan mutu perkhidmatan yang disediakan pula sentiasa dipantau oleh Jawatankuasa kecil yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Dasar dan Pemilihan Kafeteria/Gerai dan Premis Perniagaan, Jawatankuasa Pemantauan Kafeteria/Gerai dan Premis Perniagaan dan lain-lain lagi.

Biasiswa dan Pinjaman Pelajar

Pada tahun ini, beberapa penaja dan penganjur seperti agensi kerajaan, termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN) menyumbangkan pelbagai pembiayaan dalam bentuk biasiswa dan pinjaman kepada pelajar USM. Oleh sebab sebahagian besar daripada jumlah pelajar USM telah ditaja dan diberikan bantuan kewangan oleh pihak PTPTN. Pecahan bilangan biasiswa dan pinjaman yang telah disumbangkan kepada pelajar USM pada tahun ini dapat dilihat dalam Jadual 12.

Jadual 12: Bilangan Biasiswa/Pinjaman yang disumbangkan kepada pelajar tahun 2008 mengikut Kampus

| Bil | Penaja/Penganjur | Biasiswa/ Dermasiswa/Pinjaman | Induk | Kejuruteraan | Kesihatan |
|---------------|---|----------------------------------|--------------|--------------|------------|
| 1. | Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) | Pinjaman | 2,197 | 493 | 335 |
| 2. | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) | Biasiswa | 388 | 166 | 310 |
| 3. | Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) | Biasiswa Perguruan Persekutuan | 83 | - | - |
| 4. | Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP) | Biasiswa Perguruan Persekutuan | 8 | - | - |
| 5. | Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn. Bhd. | Biasiswa | 4 | - | - |
| 6. | Petronas | Biasiswa | 3 | - | - |
| 7. | Kerajaan Negeri Sabah | Biasiswa | 9 | - | - |
| 8. | Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja dan Yang Dipertua Negeri (melalui JPA) | Biasiswa | 2 | - | - |
| 9. | Sumitomo Mitsui Banking Corporation (SMBC) | Global Foundation Scholarship | 6 | - | - |
| Jumlah | | | 2,700 | 359 | 645 |

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar

Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar (UPPP) merupakan sebuah unit perkhidmatan yang diwujudkan di bawah BHEPP. Unit ini bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan khusus untuk para pelajar di kampus. Antara perkhidmatan yang disediakan termasuk:

- Memberi perkhidmatan penasihat pembelajaran kepada pelajar.
- Memberi perkhidmatan perundingan kepada kakitangan akademik, ibu bapa dan masyarakat berhubung dengan pembelajaran.
- Menyediakan perkhidmatan kaunseling akademik dan personal kepada pelajar.
- Merancang, menyelaras dan melaksanakan kursus, bengkel, latihan pembangunan sahsiah dan kepimpinan pelajar.
- Menjalankan penyelidikan dan taksiran tentang keperluan pelajar di kampus.
- Menghasilkan bahan-bahan pembelajaran untuk disebarkan kepada pelajar.

Jadual 13: Bilangan pelajar yang telah menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh UPPP sepanjang tahun 2008

| Kes-Tujuan | Bil. Kes |
|---------------|-----------|
| Akademik | 30 |
| Kerjaya | 20 |
| Peribadi | 36 |
| Kewangan | 3 |
| Jumlah | 89 |

UPPP juga telah menjalankan beberapa aktiviti pembangunan pelajar sepanjang tahun 2008 seperti yang disenaraikan dalam Jadual 14 yang berikut.

Jadual 14: Ceramah dan Taklimat Kemahiran Belajar Sepanjang Tahun 2008

| Bil | Jenis Kegiatan | Program/Penganjur | Tarikh | Tempat | Penyertaan |
|-----|---------------------|--|----------------|---------------------------------------|---------------------------|
| 1. | Bengkel | Bengkel Mentor Rakan Siswa (MRS) Unit Kaunseling & Kerjasama Unit Kerjaya & UPPP | 11-13 .1.2008 | Rimba Taqwa, Sikh Kedah | 120 orang |
| 2. | Bengkel | Bengkel Kecemerlangan Diri -Unit Kaunseling & Unit Kerjaya & UPPP | 25-27 .1. 2008 | Haward Golf Resort, Gurun, Kedah | Semua Pelajar tahun akhir |
| 3. | Khidmat Masyarakat | Hari Bersama Pelanggan anjuran BHEPP | 16.7.2008 | Foyer DTSP | 100 orang |
| 4. | Khidmat Masyarakat | Road-show U3P | 23.7.2008 | Laluan DK'G' | 237 orang |
| 5. | Pembangunan Pelajar | Seminar Budaya Akademik Universiti (SEBATI) untuk pelajar Tahun 1 | 26.7.2008 | Dewan Tuanku Syed Putra dan Dewan SK4 | 1,501 orang |
| 6. | Pembangunan Pelajar | Mini Seminar – <i>Full Power Strategies for Full Power Students</i> | 31.7.2008 | Bilik Latihan, U3P | 11 orang |
| 7. | Pembangunan Pelajar | Bengkel Kompetensi – <i>Public Speaking</i> | 29.8.2008 | Bilik Latihan, U3P | 23 orang |
| 8. | Pembangunan Pelajar | Kursus Fasilitator Pembimbing Rakan Siswa (PRS) | 30.8.2008 | Bilik Kaunseling PPIP | 10 orang |
| 9. | Khidmat Masyarakat | Gotong Royong APEX | 19.9. 2008 | U3P | 5 orang |
| 10. | Pembangunan Pelajar | Ceramah Motivasi | 19.9. 2008 | Kampus Kesihatan, Kubang Kerian | 153 orang |
| 11. | Pembangunan Pelajar | Program Memangkinkan Akademik | 24-26 .10.2008 | Hotel Taiping Resort | 32 orang |

Unit Kaunseling dan Kerjaya

Perkhidmatan kaunseling merangkumi tiga pendekatan utama iaitu *pemulihan, pencegahan dan perkembangan*. Ketiga-tiga aspek ini ditekankan demi kesejahteraan pelajar.

Dalam komponen pemulihan ianya melibatkan kaunseling individu dan juga kes-kes krisis intervensi. Kaunseling individu adalah kes-kes kaunseling yang dijalankan di Unit ini, berdasarkan kes-kes yang dirujuk serta kes yang mana klien datang secara sukarela. Perkhidmatan ini, diberikan kepada semua pelajar termasuk pelajar Ijazah Tinggi dan juga Pelajar Jarak Jauh. Kes krisis intervensi pula adalah kes-kes kecemasan yang serius. Kebiasaannya kes-kes adalah dirujuk oleh penggawa desasiswa ataupun pihak Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar. Walaupun jumlahnya adalah kecil, namun perkhidmatan ini perlu bagi menyelesaikan sesuatu masalah di waktu genting.

Bagi komponen perkembangan pula, Unit Kaunseling dan Kerjaya mengadakan bengkel dan latihan secara berkumpulan untuk pelajar yang berminat melalui pendaftaran di Unit kaunseling. Aktiviti ini dijalankan secara kecil-kecilan mengikut topik tertentu yang telah ditetapkan. Pengisian program lebih kepada kaunseling kelompok.

Sebagai pelengkap kepada tiga pendekatan yang ditekankan dalam kaunseling, unit ini juga tidak melupakan komponen pencegahan dalam usaha membantu pelajar dalam mendapatkan keseimbangan dalam bidang akademik dan perkembangan sosial. Unit Kaunseling turut mengadakan Seminar Membentaras Dadah 2008 dengan kerjasama Sekretariat Warga Sejahtera sebagai salah satu langkah membanteras penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar IPTA.

Selain daripada komponen perkhidmatan kaunseling unit ini juga turut menekankan perkhidmatan kerjaya bagi membantu pelajar merancang dan mendapatkan pengetahuan mengenai peluang-peluang kerjaya apabila tamat pengajian kelak. Perkhidmatan kerjaya yang diberikan kepada pelajar melibatkan bimbingan dan kaunseling kerjaya, pameran kerjaya, temuduga terbuka dan pertanyaan berhubung maklumat kerjaya. Walaupun Unit Kerjaya telah ditubuhkan pada awal 2008 tetapi hal ehwal yang berkaitan aktiviti kerjaya masih lagi memerlukan sumbangan Unit ini untuk membantu pelajar.

Antara aktiviti yang telah dianjurkan oleh Unit Kaunseling dan Kerjaya ialah Ekspo Kerjaya dan Pendidikan pada 29 Februari hingga 2 Mac 2008 bertempat di Dewan Utama Pelajar USM. Antara pengisian kepada program ini adalah:

- Pameran Kerjaya
- Pameran Keusahawanan
- Simposium Kerjaya
- Seminar Keusahawanan
- Temuduga Terbuka
- Klinik Kaunseling Kerjaya
- Bengkel Penulisan *Resume*
- *Seminar on Graduate Employability*
- Forum bersama tokoh ALUMNI

Aktiviti Sepanjang Tahun 2008

Pelbagai aktiviti yang melibatkan BHEPP dan juga pelajar telah dijalankan sepanjang tahun 2008. Aktiviti yang merangkumi kesukanan, kebudayaan, program kepimpinan, program khidmat masyarakat dan program kecemerlangan ini adalah hasil kerjasama daripada Unit Perhubungan dan Kegiatan Pelajar, Unit Penasihat dan Pembangunan Pelajar, Unit Sukan, Unit Kaunseling dan Kerjaya, Unit Keusahawanan, Unit Kebudayaan dan Kesenian dan Pengurusan Desasiswa dan disalurkan melalui persatuan, kelab, kesukanan, kebudayaan, bengkel motivasi dan pertandingan debat. Acara tahunan seperti forum, bengkel dan aktiviti sempena menyambut ulang tahun kemerdekaan Malaysia seperti Malam Ambang Merdeka dan *Campus Walk* Merdeka dan aktiviti kerohanian seperti Tilawah Al-Quran dan bulan Penghayatan Ramadhan pada bulan Ramadhan juga telah dijalankan dengan jayanya pada tahun ini. Di samping itu, USM turut terlibat sebagai tuan rumah menganjurkan Pertandingan Debat Integriti Nasional pada 1 hingga 5 Februari 2008. Manakala di peringkat kebangsaan pula USM telah menganjurkan Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Pelajar-Pelajar IPT 2008 yang melibatkan 19 buah universiti dan 145 hasil penyelidikan.

Bilangan program dan penyertaan dalam setiap kategori program adalah seperti berikut:

| Bil. | Kategori | Bil. Program | Jumlah Penyertaan |
|------|-----------------|--------------|-------------------|
| 1. | Debat | 7 | 894 |
| 2. | Sukan | 31 | 31 |
| 3. | Kebudayaan/Seni | 67 | 67 |
| 4. | Kerohanian | 31 | >7,313 |
| 5. | Keusahawanan | 13 | >2,000 |
| 6. | Kepimpinan | 19 | >2,501 |
| 7. | Kemasyarakatan | 27 | >1,735 |
| 8. | Lain-lain | 249 | >39,061 |



Laporan Pencapaian USM Tahun 2008

Pengiktirafan Kejayaan

Pada tahun ini, penglibatan pelajar dalam aktiviti semakin bertambah dan mereka telah mendapat pelbagai pengiktirafan dan kejayaan dalam aktiviti seperti di dalam Jadual 15, 16, dan 17.

Jadual 15: Kategori Kebudayaan

| Bil. | Program | Tarikh | Kategori Program (Lawatan/ Pertandingan/ Award) | Peringkat | Catatan |
|------|-----------------------------|--|---|------------|---|
| 1. | Festival Teater Antara IPTA | 15 - 20.1.2008 Universiti Malaya | Kebudayaan-Pertandingan | Kebangsaan | - Tempat Ke-3 - Pelakon Pembantu Wanita terbaik - Pelakon Pembantu Wanita Harapan |
| 2. | Festival Teater MAKUM | 17 - 21.1.2008 Panggung Bandaraya, Kuala Lumpur | Kebudayaan-Pertandingan | Kebangsaan | Mendapat tempat Ke-3 dan anugerah Pelakon Wanita Terbaik dan Pelakon Harapan |
| 3. | Festival Boria MAKUM | 14 - 16.3.2008 Universiti Sains Malaysia | Kebudayaan-Pertandingan | Kebangsaan | - Tempat Pertama - Kostum Terbaik |
| 4. | Bengkel Tarian Etnik MAKUM | 21-23.3.2008 UTEM, Melaka | Kebudayaan | Kebangsaan | Seramai 4 orang pelajar terlibat |
| 5. | Festival Tari MAKUM | 27-1.4.2008 UNIMAS, Sarawak | Kebudayaan-Pertandingan | Kebangsaan | Penyertaan |



Jadual 15: Kategori Sukan



| Bil. | Program | Tarikh | Kategori Program (Lawatan/ Pertandingan/ Award) | Peringkat | Pencapaian | Catatan |
|------|--|---|---|---------------|--|---|
| 1. | 7 th Navy Open Fencing Championship 2008 (*11/9/2008) | 2-5.8.2008 | Sukan - Pertandingan | Anatarabangsa | 1 emas dan 1 gangsa | |
| 2. | Kejohanan Bolasepak MASUM Uni-League 2008 | - 19.7.2008 - 26.7.2008 - 2.8.2008 - 16.8.2008 - 25.8.2008 - USM, UM, MMU, UiTM (Arau) | Sukan - Pertandingan | Kebangsaan | | USM-UTHM : 2-2 USM-MMU : 1-6 USM-USIM : 3-2 USM-UNITAR : 6-2 |
| 3. | Kejohanan Pencak Silat Terbuka UTHM | 13-16 .8.2008 di UTHM | Sukan - Pertandingan | | 1 Perak dan 1 gangsa | |
| 4. | Kejohanan Taekwondo Jemput IUM ke-14 | 22-24 .8.2008-09-11 di IUM, Gombak Selangor | Sukan - Pertandingan | Kebangsaan | Fin – perak Heavy – perak Welter – emas Middle – gangsa | Seramai 17 peserta USM mengambil bahagian dalam 8 kategori |

Jadual 16: Kategori Pertandingan

| Bil. | Program | Tarikh | Kategori Program (Lawatan/Pertandingan/ Award) | Peringkat | Pencapaian | Catatan |
|------|---|--|--|--------------|-------------------------|------------------------------------|
| 1. | Debat Integriti Antara IPT | 1-5 .2.2008 Universiti Sains Malaysia | Debat-Pertandingan | Kebangsaan | Layak ke Suku Akhir | |
| 2. | Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (NRIC) (*11/9/2008) | 20-22 .5.2008 Dewan Utama Pelajar A/B/C/D USM | Pertandingan | Pertandingan | Tempat Pertama | Kategori <i>Best Project Award</i> |
| 3. | Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (NRIC) | 20-22 .5.2008 Dewan Utama Pelajar A/B/C/D USM | Pertandingan | Pertandingan | Pingat Emas | 1 orang |
| 4. | Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (NRIC) | 20-22 .5.2008 Dewan Utama Pelajar A/B/C/D USM | Pertandingan | Pertandingan | Pingat Perak | 3 orang |
| 5. | Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi (NRIC) | 20-22 .5.2008 Dewan Utama Pelajar A/B/C/D USM | Pertandingan | Pertandingan | Pingat Gangsa | 1 orang |
| 6. | Pertandingan Debat Piala Diraja 2008 (DPD) | 28.11 - 3.12.2008 Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuala Lumpur | Debat-Pertandingan | Kebangsaan | Johan (kategori Junior) | 4 orang |
| 7. | Pertandingan Debat Institut Kefahaman Islam Malaysia | 12-16 .1.2009 Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur | Debat-Pertandingan | Kebangsaan | Layak ke Suku Akhir | 4 orang |

Jadual 17: Program Lawatan Antarabangsa / Penyertaan Pertandingan Antarabangsa Pelajar-Pelajar USM Tahun 2008 Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar

| Bil. | Aktiviti Persatuan / Kelab / Mpd | Tarikh | Tempat | Masa | Peserta |
|------|---|-----------------|--|------|---|
| 1. | Persatuan Sains Farmasi - Projek Jalinan Mesrabakti USM - Unair - Anggaran Kos RM28,800.00 | 6-11 .5.2008 | Universitas Air Langga (Unair), Surabaya, Indonesia | - | 30 orang pelajar |
| 2. | Persatuan Sains Farmasi - Projek Simposium Farmaseutikal Asia Pasifik 2008 - Anggaran Kos RM29,600.00 | 27.6 - 3.7.2008 | Kong Khian, Thailand | - | 18 orang pelajar |
| 3. | Majlis Perwakilan Pelajar - Projek Lawatan Penyelidikan dan Pengantarabangsaan ke Jepun | 24-31 .12.2008 | Tokyo, Jepun | - | 37 orang pelajar |
| 4. | Mpd Aman Damai - Lawatan Antarabangsa ke Bandung - Anggaran Perbelanjaan RM30,000.00 | 28.4 - 1.5.2008 | Bandung, Indonesia | - | 30 orang pelajar |
| 5. | Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan - Projek Lawatan Latihan Kaedah Penyelidikan dan Kajian Luar Geografi ke Bali, Indonesia | 24-29 .11.2008 | Bali, Indonesia | - | 33 orang pelajar |
| 6. | Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan - Projek Lawatan Akademik Pelajar ke Bali, Indonesia | 24-28 .11.2008 | Bali, Indonesia | - | 34 orang pelajar |
| 7. | Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan - Lawatan Akademik Pelajar dan Pensyarah USM ke Bangkok, Thailand | 26-30 .1.2008 | Bangkok, Thailand | - | 38 orang pelajar |
| 8. | Pelajar Perubatan di Bawah Majlis Perwakilan Pelajar, Kampus Kesihatan, Kelantan - Program Intervasi Terhadap Kanak-Kanak Kurang Upaya di Thanh Xuan Peace Village, Vietnam | 5-24 .5.2008 | Hanoi, Vietnam | - | 12 orang pelajar Tahun 4 (Kursus Doktor Perubatan) |



PENYELIDIKAN DAN INOVASI 2008

Aktiviti Penyelidikan

Pelbagai geran penyelidikan yang melibatkan beberapa bidang telah ditawarkan kepada staf USM pada tahun 2008. Dengan adanya kemudahan geran yang pelbagai ini, USM dapat meningkatkan lagi potensi penyelidikan USM ke taraf dunia. Satu daripada cara untuk mencapai peningkatan ini adalah dengan mengambil pendekatan penyelidikan daripada berlainan disiplin untuk memanfaatkan kekuatan satu sama lain bagi kejayaan keseluruhan organisasi. Kecenderungan ini sekali gus mendorong penyelidik untuk berfikir keluar daripada sempadan biasa di samping menggalakkan perkongsian maklumat, penguasaan inovasi dan pengkomersilan.


Projek Penyelidikan yang Aktif

Pada tahun ini sahaja, sebanyak 2,486 projek penyelidikan aktif yang terdiri daripada 78 projek penyelidikan *Intensification of Research in Priority Areas (IRPA)*, 793 projek USM Jangka Pendek, 353 projek *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*, 471 projek penyelidikan agensi luar (termasuk bersama dengan USM), 26 projek *The Scientific Advancement Grant Allocation (SAGA)*, 251 projek *SCIENCEFUND*, 179 Insentif dan 335 Universiti Penyelidikan dilaksanakan oleh para penyelidik USM.

Jadual 18 berikut menunjukkan perincian projek yang aktif sepanjang tahun 2008 mengikut jenis geran.

Jadual 18: Perincian projek yang aktif sepanjang tahun 2008 mengikut jenis geran

| Jenis Geran | Bil. Projek Penyelidikan Perseorangan | | Bil. Projek Penyelidikan Berpasukan | | Jumlah | |
|-------------------------|---------------------------------------|--------------|-------------------------------------|--------------|--------------|-------------|
| | Bil. | Persentase | Bil. | Persentase | Jumlah | Persentase |
| USM Jangka Pendek | 148 | 18.7% | 645 | 81.3% | 793 | 100% |
| Agensi Luar | 145 | 30.8% | 326 | 69.2% | 471 | 100% |
| FRGS | 16 | 4.5% | 337 | 95.5% | 353 | 100% |
| Universiti Penyelidikan | 19 | 5.7% | 316 | 94.3% | 335 | 100% |
| SCIENCEFUND | 8 | 3.2% | 243 | 96.8% | 251 | 100% |
| Insentif | 179 | 100.0% | 0 | 0.0% | 179 | 100% |
| IRPA | 3 | 3.8% | 75 | 96.2% | 78 | 100% |
| SAGA | 0 | 0.0% | 26 | 100.0% | 26 | 100% |
| Jumlah | 518 | 20.8% | 1,968 | 79.2% | 2,486 | 100% |




Peruntukan Geran Penyelidikan

USM juga telah meluluskan peruntukan bagi sejumlah 1,051 projek penyelidikan baru dan sambungan yang melibatkan pembiayaan sebanyak RM87,120,419.15 kepada stafnya bagi tahun 2008. Peruntukan terbesar diluluskan bagi geran Universiti Penyelidikan iaitu sebanyak RM39,391,635.15. Perincian peruntukan mengikut jenis geran dapat dilihat di dalam Jadual 19 dan Carta 4.

Jadual 19: Peruntukan Geran (RM) Penyelidikan Yang Diluluskan Bagi Tahun 2008 Mengikut Jenis

| Jenis Geran | Bilangan Projek | Peruntukan Geran (RM) |
|-------------------------|-----------------|------------------------|
| Universiti Penyelidikan | 322 | RM39,391,635.15 |
| Agensi Luar | 102 | RM27,757,663.00 |
| SCIENCEFUND | 159 | RM11,766,617.00 |
| USM Jangka Pendek | 341 | RM5,042,988.00 |
| FRGS | 28 | RM2,566,516.00 |
| Insentif | 94 | RM470,000.00 |
| IRPA | 5 | RM125,000.00 |
| Keseluruhan | 1,051 | RM87,120,419.15 |


Carta 4: Peruntukan Geran Yang Diluluskan (RM) Bagi Tahun 2008 Mengikut Jenis



Pecahan jumlah peruntukan geran mengikut pusat pengajian adalah seperti di dalam Carta 5 mempamerkan perincian untuk peruntukan geran ini.



Carta 5



Anugerah Penyelidikan dan Kejayaan Yang Dicapai

Pada tahun 2008 juga, USM telah meneruskan usaha penggabungan tenaga penyelidik daripada pelbagai disiplin pengajian yang merentasi kepakaran melalui pembentukan kluster ke arah satu bentuk penyelidikan transdisiplin. Pelbagai penyelidikan yang berteraskan kaedah ini telah membuahkan kejayaan. Antara kejayaan yang membanggakan termasuk 15 pingat yang dimenangi di Pameran Malaysia Technology Expo (MTE) di PWTC, Kuala Lumpur pada 21 hingga 23 Februari 2008. Disamping itu juga, melalui Pameran *19th International Invention, Innovation, Industrial Design & Technology Exhibition (ITEX 2007)* yang berlangsung di KLCC, Kuala Lumpur pada 9 hingga 11 Mei 2008, sejumlah 24 pingat telah dimenangi daripada 24 produk penyelidikan yang dipertandingkan yang terdiri daripada sembilan pingat emas, sepuluh pingat perak, lima pingat gangsa manakala empat lagi terdiri daripada anugerah khas.

Selain daripada itu, sebanyak 10 pingat berjaya diraih semasa Bio Malaysia yang berlangsung pada 7 hingga 9 Oktober 2008. Daripada jumlah tersebut, pingat yang berjaya dikutip terdiri daripada satu emas, lima perak, empat gangsa.

| Ogos | Menguruskan pengeluaran skrol ijazah USM kepada seramai 6,693 orang graduan Universiti [graduan Ijazah Tinggi, Ijazah Pertama dan Diploma]. Seramai 12 orang pelajar Universiti [Ijazah Pertama/Diploma] telah ditamatkan pengajian kerana gagal mendaftar kursus tanpa alasan bagi pengajian Semester I, Sidang Akademik 2008/2009. |
| Disember | Sebanyak 92% daripada keseluruhan pelajar Ijazah Pertama dan Diploma yang layak mendaftar kursus secara 'online' atau E-Daftar bagi pengajian Semester II, Sidang Akademik 2008/2009. |
| Januari - Disember | Telah mengeluarkan sebanyak 281 salinan transkrip akademik kepada seramai 131 bekas graduan Universiti [Ijazah Tinggi, Ijazah Pertama dan Diploma]. Seramai 35 orang bekas graduan Ijazah Pertama Universiti telah melaporkan kehilangan skrol ijazah mereka dan digantikan dengan surat 'Pengesahan Pengijazahan'. |

Bahagian ini juga telah menerima lawatan sambil belajar daripada dua IPTA luar. Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat dan membincangkan tentang amalan terbaik dalam Pengurusan Akademik di USM. IPTA yang terlibat ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 13 Oktober 2008 dan Universiti Teknikal Malaysia (UTEM) pada 14 Oktober 2009.

Bahagian Pengurusan Akademik juga telah berjaya melaksanakan sasaran kerja tahunannya dengan baik dan berkesan. Seminar SPA@IPT 2008 dan lawatan dari IPTA menunjukkan pengiktirafan dan keupayaan BPA dalam merealisasikan pengukuhan pentadbiran selaras dengan program pemacuan ke arah kecemerlangan.

Latihan Staf

Pengenalan

Pada tahun 2008, Unit Latihan telah menggunakan Sistem Pembangunan Profesional Berterusan (*Continuous Professional Development*) ataupun MyCPD yang telah dilancarkan oleh Y.Bhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara pada 24 Januari 2008. Hal ini menjadikan USM sebagai agensi awam pertama di Malaysia menjalankan sistem tersebut untuk tujuan pembangunan dan peningkatan kompetensi staf.

MyCPD ialah proses pembelajaran sepanjang hayat untuk membangunkan dan meningkatkan kompetensi individu. Secara umum MyCPD merangkumi aktiviti pengembangan pengetahuan kemahiran dan sikap yang membolehkan staf:

- memahami dan mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran baru dalam bidang perjawatan masing-masing
- menghadapi perubahan dan cabaran dalam pembangunan kerjaya
- sentiasa menghayati nilai-nilai murni dan sikap positif
- menyokong pencapaian objektif PTK

Aktiviti yang ditawarkan dalam program MyCPD adalah kursus Jangka Pendek, Kursus Jangka Sederhana/Panjang, Pengembangan Ilmu dan Kemahiran, Aktiviti Badan Ikhtisas, Pengiktirafan Kepekaran dan Penerbitan/Penulisan.

Dalam konteks latihan di bawah Kursus Jangka Pendek, aktiviti yang di berikan penekanan sepanjang tahun 2008 adalah seperti berikut:

1. Latihan Dalam Perkhidmatan
2. Pembangunan Staf – Program USMku Gemilang
3. Kursus Induksi
4. Kursus CPD untuk Staf Akademik
5. Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran
6. Kursus Kenegaraan
7. Latihan Anjuran Agensi Luar

| Bil | Gred | Mata Minima CPD |
|-----|---------------------------|-----------------|
| 1 | Turus/Jusa/Akademik 45-54 | 10 |
| 2 | 41 hingga 54 | 30 |
| 3 | 27 hingga 40 | 25 |
| 4 | 17 hingga 26 | 20 |
| 5 | 1 hingga 16 | 10 |

Berikut adalah jadual mata minima CPD yang perlu dikumpul oleh staf tetap dan staf kontrak:

Latihan Dalam Perkhidmatan

Bagi latihan dalam perkhidmatan pula, kursus yang ditawarkan oleh Unit Latihan adalah mengikut sektor iaitu Sektor Sains dan Teknologi, Sektor Pentadbiran, Sektor Sosial, Sektor Perubatan dan Kesihatan dan Sektor Kepimpinan.

Pada sepanjang tahun 2008, jumlah penyertaan staf dalam latihan yang dijalankan mencecah sebanyak 30,370 orang staf. Jumlah ini adalah sebanyak tiga kali ganda jumlah penyertaan staf pada tahun 2007. Hal ini disebabkan oleh impak sistem MyCPD yang diimplementasikan di USM. Jumlah penyertaan ini dapat dilihat secara terperinci dalam jadual yang berikut:

Penyertaan Staf USM ke Program Latihan 2008 Mengikut Kumpulan Perkhidmatan.

| Bil | Kumpulan/Gred | Jumlah |
|--------|-------------------------------|--------|
| 1 | Tertinggi Utama | 42 |
| 2 | Gred Khas | 490 |
| 3 | 45 hingga 54 (Akademik) | 7,543 |
| 4 | 41 hingga 54 (Bukan Akademik) | 5,056 |
| 5 | 27 hingga 40 | 5,824 |
| 6 | 17 hingga 26 | 7,561 |
| 7 | 1 hingga 16 | 3,854 |
| Jumlah | | 30,370 |

Pembangunan Organisasi (Program USMku Gemilang)

Pembangunan Kompetensi Umum untuk semua staf di USM dalam tahun 2008 telah distrukturkan semula ke dalam satu bentuk program khas yang diberi nama USMku Gemilang. Program ini telah dibahagikan kepada beberapa siri dan penyertaan adalah mengikut gred perkhidmatan, yakni gred 1 hingga 16, 17 hingga 26, 27 hingga 40 dan 41 hingga 54. Jumlah staf yang hadir dalam siri-siri program USMku Gemilang adalah seramai 3,930 orang staf.

Kursus Induksi

Sepanjang tahun 2008, seramai 505 orang staf baru telah menyertai Kursus Induksi. Daripada keseluruhan peserta, 147 orang merupakan staf Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang mengikuti empat siri Kursus Induksi dan 358 orang lagi merupakan staf dari empat cawangan kampus USM.

Kursus CPD Untuk Staf Akademik

Pada sepanjang tahun 2008, jumlah staf akademik yang telah menyertai program MyCPD ialah seramai 7,543 orang.

USM juga telah mendapat penghormatan daripada Universiti Teknologi Petronas (UTP) untuk mengendalikan Program Pembangunan Akademik ini di UTP pada 14 Mac 2008. Jumlah penyertaan adalah seramai 26 orang yang melibatkan staf akademik UTP.

Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran

Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran telah dibahagikan kepada tiga sesi disebabkan pertambahan dalam jumlah Staf Akademik pada tahun 2008. Ketiga-tiga sesi ini telah dijalankan di Kampus Induk dan Kampus Kejuruteraan. Jumlah penyertaan keseluruhan dalam ketiga-tiga sesi ini adalah seramai 88 orang dari keempat-empat kampus cawangan USM.

Kursus Kenegaraan

Pada sepanjang tahun 2008, seramai 217 staf Kampus Induk dan Kejuruteraan telah menghadiri Kursus Kenegaraan anjuran Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Kursus ini merupakan kursus wajib untuk staf baru sebagai penjawat awam. Ia bertujuan untuk menanamkan semangat patriotisme dan melatih disiplin diri serta mendedahkan staf kepada tahap fizikal masing-masing.

Penerbitan

Unit Latihan juga telah menerbitkan buku 'Transformasi Pengurusan Latihan – Pendekatan Universiti Sains Malaysia' yang dilancarkan pada 22 Ogos 2008 oleh Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi semasa Seminar Pengurusan Akademik (SPA) di Langkawi.

Selain daripada itu, Unit Latihan juga telah menerbitkan 'Buletin Latihan' sebanyak dua kali penerbitan sepanjang tahun 2008.

Kursus Anjuran Agensi Luar

Sepanjang tahun 2008 seramai 178 orang staf USM telah dihantar untuk mengikuti pelbagai kursus dalam dan luar negara melalui Tabung Latihan (Akademik) dan tabung latihan (Bukan Akademik). Daripada jumlah tersebut seramai 79 orang terdiri daripada staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik), 52 orang staf Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik dan kumpulan Sokongan seramai 47 orang staf.

Penjanaan Kewangan Unit Latihan

Sebanyak 350 buah agensi dengan jumlah staf seramai 3,025 telah menyertai program latihan yang dianjurkan oleh Unit Latihan. Janaan kewangan yang telah berjaya dikumpul berjumlah sebanyak RM1,052,195 berbanding RM685,706 pada tahun 2007.


Rumusan

Kejayaan Unit Latihan melaksanakan pelbagai program latihan sepanjang 2008 adalah hasil daripada kegigihan dan kesungguhan semua pihak dalam merancang, melaksanakan dan memantau program latihan Universiti. Komitmen yang ditunjukkan oleh semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung sememangnya memberi sumbangan kepada hasil yang telah dicapai. Unit Latihan, Jabatan Pendaftar akan terus komited membantu Universiti dalam menjayakan agenda pembangunan modal insan di bawah Universiti APEX.

JABATAN BENDAHARI

Latar Belakang

Pada awal penubuhan Universiti Sains Malaysia (Universiti) dalam bulan Mei 1969, Jabatan Bendahari yang dikenali sebagai Perbendaharaan beroperasi sebagai sebahagian daripada Unit Pentadbiran Pusat dan beroperasi di Kampus Maktab Perguruan Persekutuan di Gelugor. Mulai Bermula pada tahun 1970, Perbendaharaan yang kini telah menjadi entiti berasingan pada penghujung tahun 1969 dan dikenali sebagai Pejabat Bendahari bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal kewangan, pembangunan fizikal dan penyelenggaraan kampus serta bangunan Universiti. Apabila Universiti berpindah ke kampus tetap di Minden dalam bulan Jun 1971, Pejabat Bendahari telah diperuntukkan sebuah bangunan untuk terus beroperasi. Pada tahun 1983, tanggungjawab menguruskan pembangunan fizikal dan penyelenggaraan kampus serta bangunan telah dipindahkan kepada Jabatan Pembangunan.



Visi dan Misi

Visi Jabatan Bendahari adalah untuk menjadi pusat rujukan pengurusan kewangan yang menyokong aspirasi Universiti dan misinya pula adalah untuk menjadi pusat pengurusan kewangan mapan melalui pembangunan sistem teknologi dan perkhidmatan berintegriti di samping membina modal insan yang berinovasi lagi berhemah untuk mencapai kelestarian kewangan hari esok.

Objektif

1. Memperkukuh sistem perancangan dan perkhidmatan kewangan melalui proses belanjawan, perolehan, pengurusan aset dan pinjaman yang efektif dan efisien sejajar dengan pencapaian matlamat Universiti.
2. Meningkatkan kualiti pengurusan penerimaan sumber kewangan ke arah pembangunan lestari Universiti.
3. Mengurus perbelanjaan sumber kewangan mengikut proses pengagihan sumber berpandukan akta, dasar dan peraturan yang ditetapkan.
4. Memantapkan pelaksanaan prosedur kerja melalui proses kerja mapan mengikut amalan urus tadbir baik dan mengutamakan satu perkhidmatan, satu penyampaian dalam menyelaraskan pengumpulan maklumat.
5. Meningkatkan kualiti pelaporan kewangan dengan mengutamakan ciri-ciri ketepatan maklumat, keterangan berintegriti dengan berorientasikan sistem teknologi ke arah diseminasi maklumat yang berkesan.
6. Mengutamakan pembangunan modal insan yang memberi impak positif ke arah peningkatan kemahiran, berinovasi, kreatif dan beraspirasikan etika kerja yang berhemah.



Fungsi

- o Mengendali pengurusan Belanjawan Universiti, merangkumi Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Amanah, Pembangunan dan Enterprise
- o Mengurus pentadbiran harta Universiti
- o Mengurus pinjaman Komputer dan Kenderaan Universiti kepada staf
- o Mengurus permohonan pinjaman perumahan staf kepada pihak Perbendaharaan Malaysia
- o Mengurus insurans dan kenderaan rasmi Universiti
- o Mengurus perolehan dan kontrak Universiti
- o Mengendali pengurusan belanjawan, perolehan dan bayaran bagi kewangan penyelidikan Universiti merangkumi geran penyelidikan Universiti, Universiti Penyelidikan (RU) dan APEX
- o Mengurus bayaran kepada semua pembekal Universiti, merangkumi bayaran di bawah Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Amanah, Pembangunan dan Enterprise, Emolumen dan Tuntutan Staf serta Pembekal Korporat
- o Mengurus pelaburan dan tunai Universiti
- o Mengurus penerimaan dan hutang Universiti
- o Mengurus kewangan pelajar USM
- o Menyediakan sistem kewangan dan perakaunan Universiti yang efektif dan efisien selaras dengan keperluan Jabatan dan Universiti
- o Mengurus penyediaan penyata/laporan kewangan serta penjana laporan/statistik kewangan dan perakaunan USM
- o Mengurus perakaunan Universiti
- o Merancang dan merangka polisi perakaunan USM selaras dengan Peraturan Kewangan dan Standard yang diterima umum
- o Merancang dan merangka dasar perakaunan baru dan memantau pelaksanaan dasar-dasar perakaunan dan peraturan kewangan sedia ada.

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|-----------------|--|---|--|
| Lawatan | | | |
| 1 | Lawatan kerja Jabatan Bendahari USM ke Jabatan Bendahari UKM | 21.1.2008 | Bilik Mesyuarat Paras 3, Jabatan Bendahari, Bangunan Canselori, Universiti Kebangsaan Malaysia |
| 2 | Lawatan kerja Universiti Islam Antarabangsa (UIA) ke USM – (Pengurusan Penyelidikan USM) | 6.2.2008 | Bilik Mesyuarat Aras 3, Jabatan Bendahari, USM |
| 3 | Lawatan kerja Pematuhan dan Pemeriksaan Rekod Bayaran Caruman | 5.3.2008 | Bilik Mesyuarat Aras 3, Jabatan Bendahari, USM |
| Aktiviti | | | |
| 1 | Majlis Perutusan Tahunan Bendahari – 2008 | 13.2.2008 | Dewan Bankuet, Kampus Induk, USM |
| 2 | Majlis Persaraan Puan Mawan Nooraini Ismail – Bendahari (peringkat Jabatan) | 1.4.2008 | Dewan Bankuet, Kampus Induk, USM |
| 3 | Majlis Persaraan Puan Mawan Nooraini Ismail – Bendahari (peringkat Bangunan Canselori) | 2.4.2008 | Foyer Bangunan Canselori, Kampus Induk, USM |
| 4 | Majlis Persaraan Encik Lim Hwee Hong (W54) | 9.4.2008 | Dewan Bankuet, Kampus Induk, USM |
| 5 | Aktiviti Gotong Royong Jabatan Bendahari | 11.7.2008 | Jabatan Bendahari Kampus Induk, USM |
| 6 | Aktiviti Tazkirah Jabatan Bendahari | Setiap Jumaat (pagi) sepanjang bulan Ramadhan | Surau Bangunan Canselori, Kampus Induk, USM |
| 7 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Bendahari | 29.10.2008 | Bangunan CO 4, Kampus Induk, USM |

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Tempat |
|---------------------------|---|-----------------|--|
| Latihan / Kursus | | | |
| 1 | Modul Bil Pelbagai | 17.1.2008 | Bilik Latihan Aras 3, Jabatan Bendahari, USM |
| 2 | Modul Penyesuaian Bank | 18.1.2008 | Bilik Latihan Aras 3, Jabatan Bendahari, USM |
| 3 | Asas Sistem Kewangan dan Perakaunan Berkomputer | 12 – 13 .2.2008 | Bilik Latihan Aras 3, Jabatan Bendahari, USM |
| 4 | Kursus Pengurusan Kontrak (Kerja/Bekalan/Perkhidmatan) | 27.3.2008 | Bilik Seminar PTPM, USM |
| 5 | Taklimat Pengurusan Aset | 16.4.2008 | Bilik Seminar PTPM, USM |
| 6 | Kursus Pengurusan Tunai dan Terimaan Hasil Kerajaan | 29.4.2008 | Bilik Unit Latihan, Aras 2, Canselor, USM |
| 7 | Bengkel Pengurusan Dokumentasi ISO 9001 : 2000 | 6 – 8 .5.2008 | Hotel Vistana Pulau Pinang |
| 8 | Taklimat Pengurusan Aset (Siri II) | 24.7.2008 | Bilik Persidangan, Pusat Pengajian Pengurusan, USM |
| 9 | Taklimat Pengurusan Aset (Siri III – Kampus Kesihatan) | 11.8.2008 | Bilik Persidangan Utama, Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan |
| 10 | Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Peringkat Jabatan Bendahari | 29.10.2008 | Bangunan CO 4, Kampus Induk, USM |
| 11 | Kursus Asas Perakaunan (W17) | 20 – 21 .8.2008 | Unit Latihan, Jabatan Pendaftar, USM |
| 12 | Taklimat Pengurusan Bayaran dan Buku Vot Universiti | 27.8.2008 | Bilik Seminar, Pusat Kajian Antarabangsa, USM |
| 13 | Taklimat Pengurusan Wang Amanah Universiti | 13.11.2008 | Bilik Seminar, Institut Pengajian Siswazah, USM |
| Senarai Ziarah PTJ | | | |
| 58 | Perbincangan isu-isu kewangan bersama PTJ berhubung Belanjawan, Perolehan, Pengurusan Aset, Pinjaman dan Pentadbiran (Pinjaman Kenderaan/Komputer/Insurans) serta Pengurusan Perakaunan (Wang Panjar Runcit/Isu-Isu Pembayaran) | 28.5.2008 | Pusat Pengajian Sains Fizik |
| | | 17.6.2008 | Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi |
| | | 31.7.2008 | Pusat Teknologi Pengajaran Multimedia |
| | | 19.8.2008 | Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia |
| | | 18.11.2008 | Pusat Sejahtera |
| | | 26.11.2008 | Pusat Pengajian Sains Komputer |

Pengenalan

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ditubuhkan pada tahun 1969 seiring dengan penubuhan Universiti Sains Malaysia. Perpustakaan terdiri daripada Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2, Perpustakaan Media di Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia dan Perpustakaan Pusat Islam yang terletak di Kampus Induk Pulau Pinang. Sementara itu Perpustakaan Hamdan Tahir yang ditubuhkan pada tahun 1980 bertempat di Kampus Kesihatan, Kelantan, Perpustakaan Kampus Kejuruteraan yang ditubuhkan pada tahun 1986 berada di Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal, Seberang Perai dan Perpustakaan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju yang ditubuhkan pada tahun 2002 bertempat di Kampus Kepala Batas.

Visi

Menjadi pemangkin ke arah perkembangan ilmu, kesarjanaan dan pendidikan sepanjang hayat untuk pembangunan lestari.

Misi

Menjadi sebuah perpustakaan akademik dan perpustakaan penyelidikan yang mempunyai sumber bernilai dan memberi perkhidmatan yang berkualiti untuk menyokong Universiti Sains Malaysia sebagai pusat kecemerlangan dalam pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pembangunan insan serta menyumbang ke arah kemajuan ilmu.

Matlamat

Menjadi dan memainkan peranan sebagai pusat kecemerlangan pembekalan sumber maklumat ilmiah untuk menyokong rancangan akademik Universiti.

Sejajar dengan penganugerahan USM sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX, Perpustakaan turut juga memainkan peranan untuk merangka pelan strategik dan melaksanakan transformasi bagi membantu USM untuk mencapai matlamat menjadi antara 100 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2013 dan menjadi antara 50 universiti terbaik di dunia menjelang tahun 2020.

Bagi mencapai tujuan tersebut Perpustakaan telah mengekalkan usahanya untuk memberi perkhidmatan maklumat yang cemerlang melalui amalan sistem pengurusan berkualiti yang berterusan. Usaha ini telah menghasilkan kejayaan setelah Perpustakaan berjaya mengekalkan Pensijilan ISO 9001 : 2000 sekali lagi pada tahun ini selepas proses Audit Pemantauan (*Surveillance Audit*) oleh SIRIM QAS International Sdn.Bhd. yang dilaksanakan pada 30 dan 31 Disember 2008.

Perpustakaan juga terus menjalin perhubungan dengan komuniti iktisas dan profesional kepustakawanan pada peringkat negara dan antarabangsa menerusi penglibatan staf iktisas Perpustakaan dalam beberapa persidangan dalam dan luar negara seperti berikut:

- Tujuh orang staf PUSM telah menghadiri *The International Conference on Libraries Information & Society (ICOLIS 2008)*.
- Lima orang staf PUSM telah menghadiri *World Congress of Muslim Librarians and Information Science (Wcomlis 2008)*.

- Dua orang staf PUSM telah menghadiri *International Symposium on Quality Management 2008*.
- Dua orang staf telah menghadiri *Regional Workshop: Training the Trainer in Information Literacy (UNESCO)*.
- Seorang staf telah menghadiri *AKEPT International Conference 'Leadership In Higher Education: Framing The Future'*.

Aktiviti Sepanjang Tahun

Sepanjang tahun 2008 10 projek dan aktiviti untuk memantapkan pengurusan perpustakaan telah dijalankan:

| Tarikh | Aktiviti |
|-------------------------|--|
| 18-20.1.2008 | Bengkel Pelaksanaan 'Key Performance Indicators' (KPI) |
| 20-21.5.2008 | Bengkel Perpustakaan Peranan Ke Arah menyokong Universiti APEX |
| 21-22.10.2008 | Bengkel Perancangan MyCPD |
| 13-15 dan 28-30.10.2008 | Bengkel Pemurnian 'E-Doc' ISO 9000 : 2001 |
| 12-13.11.2008 | Bengkel Perancangan Strategik |
| 22-23.12.2008 | Forum Kepustakawanan bersama mantan Ketua Pustakawan |

Pada tahun ini juga, Perpustakaan telah menjalankan empat projek. Antaranya ialah untuk meningkatkan jumlah koleksi yang bernilai seperti di bawah:

- Projek Sejarah Lisan Dato' (Dr.) Anwar Fazal Mohamed
- Projek Kenangan Abadi Dato' Dr. Sharom Ahmat
- Projek Sejarah Lisan Allahyarham Datuk Hajjah Wan Johara Sultan
- Projek Sejarah Lisan Dato' Hajjah Ustazah Khairon Mohd Ali

Perpustakaan juga telah berjaya menganjurkan Program Jom Baca@PHS pada 17 November 2008. Program yang diadakan di Dewan Kuliah A ini bertujuan untuk berkongsi maklumat melalui bicara karya oleh Prof. Dr. Muhd Kamil Ibrahim, Pengarah Kampus UiTM Johor dan Encik Abdur-Razzaq Lubis, seorang penulis bebas.

Pameran

Beberapa pameran telah diadakan sepanjang tahun 2008. Pameran tersebut adalah seperti berikut:

| Bil | Gred | Mata Minima CPD |
|-----|---|-----------------------|
| 1 | Pameran Buku sempena <i>Brain Awareness Week</i> | 17.3.2008 – 11.4.2008 |
| 2 | Pameran <i>Brain & Mind</i> | 18 – 31.3.2008 |
| 3 | <i>Book Selection Week</i> (Anjuran Perpustakaan IPPT) | 1 – 4.4.2008 |
| 4 | Program Angkasawan Pertama Negara Dr. Sheikh Muzaphar | April – Oktober 2008 |

Aktiviti lain yang diadakan oleh Perpustakaan termasuk Majlis Anugerah Khidmat Cemerlang dan Cuti Sakit Sifar peringkat Perpustakaan yang diadakan pada 11 Jun 2008, bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada staf yang memperolehi markah 85 ke atas dan juga kepada staf yang tidak mengambil cuti sakit sepanjang tahun 2008. PUSM juga telah mengadakan Gotong Royong membersihkan kawasan dalam dan luar PUSM pada 26 Jun 2008. Program lain seperti Majlis Tahlil, Majlis Berbuka Puasa dan Majlis Jamuan Hari Raya juga telah dijalankan dengan tujuan merapatkan silaturahmi staf Perpustakaan.

Aktiviti Peringkat Antarabangsa

Bagi meneruskan usaha pengantarabangsaan, PUSM selaku Sekretariat *ASEAN University Network Inter-Library Online* (AUNILIO) telah bekerjasama dengan Sekretariat *ASEAN University Network* (AUN) bagi menyelaraskan 'The 5th AUNILIO Meeting' di International Vietnam University, Ho Chi Minh City, Vietnam pada 6 hingga 8 November 2008. Mesyuarat yang bertemakan "*Library Services of AUNILIO: Towards Integration*" itu telah dikelolakan oleh Vietnam National University – Ho Chi Minh City (VNU-HCM). Encik Mohd Pisol Ghadzali selaku Pengerusi telah mempengerusikan Mesyuarat tersebut. Di samping itu Encik Mohd Idris Hj Ali dan Encik Adnan Hj Sharif telah membentangkan kertas kerja bertajuk "Library Consortia: Universiti Sains Malaysia Experiences."

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia juga sekali lagi telah diberi kepercayaan menjadi Sekretariat AUNILIO untuk tempoh tahun 2009 hingga tahun 2013.

Pelawat-Pelawat

Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah banyak menerima kunjungan ramai pelawat dari luar. Sebanyak 27 buah institusi pengajian tinggi dari dalam dan luar negara serta lima buah pusat khidmat dan jabatan luar dan dalam negara telah melawat Perpustakaan. Jumlah pelawat dari IPT serta pelawat dan lain-lain jabatan ialah 1,218 orang.

Perpustakaan juga telah menerima seramai 6,002 orang pelajar sebagai pelawat daripada 108 buah sekolah.

Perkhidmatan dan Kemudahan

Perkhidmatan yang berkualiti dan berkesan kepada pengguna diteruskan dengan pemantapan berterusan sistem bersepadu dalam talian dari ILMU Perdana untuk seluruh rangkaian PUSM dan sistem keselamatan Perpustakaan (menggunakan RFID). Laman web Perpustakaan (www.lib.usm.my), (www.kck.usm.my/pustaka), (<http://library.eng.usm.my/englib>) yang merupakan portal kepada beberapa perkhidmatan secara elektronik mencatatkan sejumlah 618,373 pengguna dan 24,215,539 *hits* pada tahun 2008.

Ahli berdaftar Perpustakaan USM pada tahun 2008 berjumlah 33,261 orang. Keahlian Perpustakaan terdiri daripada pelajar, staf akademik/pentadbiran, dan orang awam yang terdiri daripada pekerja sektor korporat, awam serta industri dan perdagangan. Perpustakaan telah merekodkan sebanyak 1,225,899 kunjungan pengguna sementara perkhidmatan sirkulasi melibatkan pinjaman sejumlah 368,745 buah buku. Jadual 20 menunjukkan statistik perkhidmatan PUSM.

Jadual 20: Statistik Perkhidmatan

| Kampus | Keahlian | Kunjungan | Pinjaman |
|----------------------------------|---------------|------------------|----------------|
| Perpustakaan Hamzah Sendut 1 & 2 | 25,214 | 959,273 | 244,027 |
| Perpustakaan Hamdan Tahir | 5,862 | 198,655 | 82,083 |
| Perpustakaan Kampus Kejuruteraan | 1,928 | 66,927 | 41,262 |
| Perpustakaan IPPT | 257 | 1,044 | 1,373 |
| Jumlah | 33,261 | 1,225,899 | 368,745 |

Aktiviti dalam Program Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat terus dipertingkatkan dalam tahun 2008. Pada keseluruhannya sebanyak 190 bengkel dan sesi latihan telah dapat dijalankan oleh Perpustakaan Hamzah Sendut yang melibatkan 2,302 pelajar.

Semasa Orientasi Perpustakaan, Taklimat Pengenalan Perpustakaan telah dihadiri oleh 4,191 pelajar baru sementara 2,366 pelajar telah menyertai Latihan KRISALIS (Katalog Atas Talian Perpustakaan). Taklimat kembara (*roadshow*) bagi mempromosikan perkhidmatan dan perolehan baru telah dijalankan di tiga buah Pusat Pengajian.

Perkhidmatan maklumat elektronik terus meningkat dengan pengekalan/pembaharuan langganan pangkalan data yang penting dan sesuai untuk pengguna. Perkhidmatan ini mencatatkan jumlah pencarian maklumat sebanyak 1,271,782. Penggunaan buku elektronik juga telah menampakkan peningkatan. Pada sepanjang tahun 2008, sejumlah 171,793 penggunaan buku elektronik oleh pengguna perpustakaan telah dicatat.

Peruntukan dan Koleksi

Pada tahun 2008, Perpustakaan Hamzah Sendut telah menerima peruntukan sebanyak RM20,038,400.00. Dari jumlah ini, sebanyak RM8,103,400.00 adalah untuk pembelian buku dan bahan media dan RM12,435,000.00 adalah untuk pembaharuan dan langganan majalah serta langganan pangkalan data elektronik.

Untuk kemudahan ahli-ahlinya, pangkalan data elektronik (majalah dan buku) termasuk pangkalan data berkelompok (*aggregated databases*) terus dilanggan oleh PUSM pada tahun 2008.

Sementara itu, pangkalan data baru yang telah dilanggan pula adalah seperti berikut;

1. *Futures Option – Datastream*
2. *Investext*
3. *ACM Digital Library*
4. *A to Z (Serial Solution)*
5. *BMJ Clinical Evidence*
6. *BMJ Learning*
7. *Wiley – Blackwell Collection*

Melalui peruntukan yang diterima juga, Perpustakaan Hamzah Sendut telah berupaya menambahkan stok bahan ilmiah baru sebanyak 27,143 bahan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 1,055,692 naskah. Koleksi majalah langganan dan hadiah/pertukaran terdiri daripada 4,878 judul dan jumlah ini tidak termasuk judul majalah yang terdapat dalam pangkalan data yang dilanggan. Jadual 20 menunjukkan maklumat perbelanjaan buku, jurnal dan pangkalan data elektronik mengikut kampus dan Jadual 21 menunjukkan maklumat koleksi Perpustakaan untuk tahun 2008.



Jadual 21: Koleksi Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

| Kampus | Buku dan Majalah Berjilid | Majalah (Judul) |
|----------------------------------|---------------------------|-----------------|
| Perpustakaan Hamzah Sendut 1 & 2 | 796,730 | 3,525 |
| Perpustakaan Hamdan Tahir | 138,910 | 866 |
| Perpustakaan Kampus Kejuruteraan | 111,572 | 444 |
| Perpustakaan IPPT | 8,480 | 43 |
| Jumlah | 1,055,692 | 4,878 |

PUSM telah meningkatkan usaha dalam kerja pendigitan di mana sebanyak 13,341 (**eprints.usm.my**) bahan telah didigit terdiri daripada, bahan rujukan, Bahan Perperiksaan Tahap Kecekapan, keratan akhbar, kertas soalan peperiksaan, abstrak tesis, Koleksi Artikel Naib Canselor, Koleksi Sasterawan Negara, Buletin MIDAS dan lain-lain.

Latihan Staf

Kekuatan sesebuah organisasi terletak pada keupayaan mengurus dan membangunkan modal insan dalam menghadapi cabaran dan perubahan-perubahan yang sentiasa berlaku terutamanya dalam teknologi maklumat. Berasaskan kepada keperluan pelanggan, pemacuan matlamat APEX dan perkembangan ICT, pelbagai latihan berkaitan telah dijalankan untuk staf dalam usaha meningkatkan kemahiran dan pengetahuan staf pada semua peringkat. Staf juga telah dihantar untuk menghadiri kursus/latihan yang dianjurkan oleh USM ataupun badan-badan luar. Sejumlah 2,640 penyertaan daripada staf telah direkod untuk 348 sesi latihan yang dijalankan sepanjang tahun 2008 seperti di Jadual 22 berikut:

Jadual 22: Kursus/Bengkel, Latihan, dll. yang dihadiri staf

| Perkara | Bilangan Kursus/Latihan/dsb. | Bilangan Peserta |
|------------------------|------------------------------|------------------|
| Kursus/Bengkel | 117 | 642 |
| Seminar/Persidangan | 36 | 259 |
| ICT: Demo/Latihan | 61 | 534 |
| Taklimat/Ceramah/Forum | 34 | 585 |
| Jumlah | 348 | 2,680 |

(Nota: Terdapat staf yang menghadiri lebih daripada satu jenis latihan)

Penerbit USM

Pada tahun 2008 Penerbit Universiti Sains Malaysia (Penerbit USM) meneruskan langkah ke arah menjadi sebuah penerbit ilmiah yang berwibawa dalam penerbitan buku dan juga jurnal peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Penerbitan

Pada tahun 2008 sebanyak 63 penerbitan baharu telah berjaya diterbitkan oleh Penerbit USM. Penerbitan ini terdiri daripada 27 buku, 11 siri syarahan dan 25 isu jurnal. Senarai terbitannya adalah seperti berikut:

| Bil. | Penulis / Tajuk | ISBN |
|------|--|-------------------|
| 1 | Hashim Othman. <i>Pengajaran Terancang Bahasa Melayu untuk Pendidikan Khas</i> | 978-983-861-310-1 |
| 2 | Narimah Samat dan Tarmiji Masron. <i>Sistem Maklumat Geografi dalam Analisis Guna Tanah</i> | 978-983-861-340-8 |
| 3 | Azman Azwan Azmawati dan Azlena Zainal (Editor). <i>Pengaplikasian Teknik Berfikir</i> | 978-983-861-359-0 |
| 4 | Sohaimi Abdul Aziz (Editor). <i>Cakerawala Penulisan: Sejarah dan Intelektualisme: Sumbangan Penulis-Penulis di Pulau Pinang</i> | 978-983-861-336-1 |
| 5 | Jelani Harun. <i>Undang-Undang Kesultanan Melayu dalam Perbandingan</i> | 978-983-861-341-5 |
| 6 | Mohd Radzi Othman, Atikullah Abdullah, Noor Shakirah Mat Akhir, Mohd Asri Zainul Abidin, Jasni Sulong, Mohd Khairul Anwar Osman dan Rokiah Awang (Editor). <i>Warisan al-Hadis: Antara Teras dengan Dinamika Pemikiran</i> | 978-983-3986-08-8 |
| 7 | Hugh Byrd. <i>Energy and Ecology: A View of Malaysia Beyond 2020</i> | 978-983-861-357-6 |
| 8 | Hamidi Abdul Aziz. <i>Pencemaran Bunyi: Teori, Sumber, Perundangan dan Kawalan</i> | 978-983-861-347-7 |
| 9 | Noor Shakirah Mat Akhir. <i>Al-Ghazali and His Theory of the Soul: A Comparative Study</i> | 978-983-3391-79-6 |
| 10 | K. Anbalakan. <i>Identiti India di Malaysia</i> | 978-983-861-313-2 |
| 11 | Nik Norulaini Nik Ab Rahman. <i>Penggunaan Risalah Data Keselamatan Bahan</i> | 978-983-861-331-6 |
| 12 | Usman Haji Yaakob. <i>Kesihatan dan Kematian Bayi di Kedah</i> | 978-983-861-365-1 |
| 13 | Abdul Rahman Ismail dan Haron Daud (Editor). <i>Sulalat-us-Salatin (Sejarah Melayu): Cerakinan Sejarah, Budaya dan Bahasa</i> | 978-983-861-367-5 |

| | | |
|----|--|--|
| 14 | Muhammad Haji Salleh (Editor). <i>Sejarah Awal Pulau Pinang</i> | 978-983-861-356-9 |
| 15 | Fred Dallmayr. <i>Post-secular Faith: Toward A Religion of Service</i> | 978-983-861-376-7 |
| 16 | Mohamed Izham Mohamed Ibrahim. <i>Farmakoekonomi untuk Profesional Kesihatan</i> | 978-983-3986-09-5 |
| 17 | Hillol Kanti Pal. <i>Atlas of Craniovertebral Junction Surgery: Problems and Solutions</i> | 978-983-861-351-4 |
| 18 | Muhammad Azizan Sabjan. <i>The People of the Book and the People of a Dubious Book in Islamic Religious Tradition</i> | 978-983-3391-80-6 |
| 19 | Jelani Harun. <i>Bustan al-Salatin (The Garden of Kings): A Malay Mirror for Rulers</i> | 978-983-861-369-9 |
| 20 | Adibah Ibrahim (Editor). <i>The Practical Labour Suite Management</i> | 978-983-861-318-5 |
| 21 | Mohd Zubir Mat Jafri, Khiruddin Abdullah, Lim Hwee San dan Nasirun Mohd Saleh (Editor). <i>Astronomi: Pelestarian di Malaysia</i> | 978-983-861-358-3 |
| 22 | Nik Norulaini Nik Ab Rahman. <i>Audit Alam Sekitar dan Kaedahnya</i> | 978-983-861-380-4 |
| 23 | Md. Roslan Hashim. <i>Reka Bentuk dan Realisasi Spektroskopi Jelmaan Fourier Inframerah Jauh</i> | 978-983-861-378-1 |
| 24 | Ahmad Sofiman Othman, Niels Jacobsen dan Mashhor Mansor. <i>Cryptocoryne of Peninsular Malaysia: A Portrait of an Enchanting Plant Genus</i> | 978-983-861-379-8 (h/cover) 978-983-861-377-4 (s/cover) |
| 25 | How Guan Aun dan Ong Boon Hua. <i>Calculus Volume 2</i> | 978-983-861-385-9 |
| 26 | See Ching Mey (Penyunting). <i>Adaptasi Pementoran dalam Organisasi</i> | 973-983-861-386-6 |
| 27 | Azhari-Karim. <i>Training Guide for Trainers</i> | 978-983-861-381-1 |

SIRI SYARAHAN UMUM

| Bil. | Penulis / Tajuk | ISBN |
|------|--|-------------------|
| 1 | See Ching Mey. <i>Tenang tetapi Tak Tenteram</i> . 2006/Bil. 4. | 978-983-3986-21-7 |
| 2 | Norazmi Mohd Nor. <i>Penyelidikan dan Pembangunan Vaksin Malaria dan Tuberkulosis</i> . 2003/Bil. 3 | 978-983-861-354-5 |
| 3 | Rusli Nordin. <i>Keselamatan dan Kesihatan Pekerja dalam Sektor Pertanian di Malaysia</i> . 2000/Bil. 27 | 978-983-861-331-6 |
| 4 | Dzulkifli Abdul Razak. <i>Menjangkau Bintang, Meraih Mercu</i> . Siri Perutusan Tahunan Naib Canselor 2008 | 978-983-3986-28-6 |

| | | |
|----|--|-------------------|
| 5 | Yeap Guan Yeow. <i>Hablur Cecair: Penyelidikan dan Impaknya di Malaysia</i> . 2006/Bil. 6 | 978-983-861-371-2 |
| 6 | Ismail Ab Rahman. <i>Proses Sol-Gel: Sejauh Manakah Sumbangannya kepada Teknologi Seramik?</i> 2006/Bil. 5 | 978-983-861-372-9 |
| 7 | Jamil Ismail. <i>Mengenali Secara Dekat Getah Asli Terepokside</i> . 2004/Bil. 8 | 978-983-861-366-8 |
| 8 | Aminuddin Ab. Ghani. <i>Pengurusan Sungai Mapan: Dari Perspektif Kejuruteraan Pengangkutan Endapan dan Keseimbangan Sungai</i> . 2007/Bil. 1 | 978-983-861-382-8 |
| 9 | Abdul Rashid Abdul Aziz. <i>Industri Pembinaan Malaysia dalam Era Globalisasi dan Liberalisasi</i> . 2006/Bil. 7 | 978-983-861-392-7 |
| 10 | Mohd. Zaid Abdullah. <i>Pengimejan Berkomputer: Trend Semasa dan Akan Datang</i> . 2006/Bil. 8 | 78-983-861-396-5 |
| 11 | Ibrahim Lutfi Shuaib. <i>Pengimejan dan Informatik Barah Tulang</i> . 2007/Bil. 2 | 978-983-861-393-4 |

JURNAL

| Bil. | Tajuk | ISSN | Jilid/Isu/Tahun |
|------|--|-----------|---------------------------------|
| 1 | Asian Academy of Management Journal | 1394-2603 | Vol 13 (1) 2008 |
| 2 | Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society | 0126-6705 | Vol 13 (1) 2008 |
| 3 | Bulletin of the Malaysian Mathematical Sciences Society | 0126-6705 | Vol 13 (2) 2008 |
| 4 | International Journal of Asian-Pacific Studies (e-jurnal) | 1823-6243 | Vol 4 (1) 2008 |
| 5 | International Journal of Asian-Pacific Studies (e-jurnal) | 1823-6243 | Vol 4 (2) 2008 |
| 6 | Journal of Bioscience (sebelum ini dikenali sebagai <i>Jurnal Biosains</i>) | 1985-5303 | Vol 19 (1) 2008 |
| 7 | Journal of Bioscience (sebelum ini dikenali sebagai <i>Jurnal Biosains</i>) | 1985-5303 | Vol 19 (2) 2008 |
| 8 | Journal of Construction in Developing Countries | 1823-6499 | Vol 13 (1) 2008 |
| 9 | Journal of Construction in Developing Countries | 1823-6499 | Vol 13 (2) 2008 (Special Issue) |
| 10 | Journal of Physical Science | 1675-3402 | Vol 19 (1) 2008 |
| 11 | Journal of Physical Science | 1675-3402 | Vol 19 (2) 2008 |
| 12 | Jurnal Ilmu Kemanusiaan | 1394-9330 | Vol 13 2006 |
| 13 | Jurnal Ilmu Kemanusiaan | 1394-9330 | Vol 14 2007 |

| | | | |
|----|--|------------|---------------------|
| 14 | Kemanusiaan The Asian Journal of Humanities (sebelum ini dikenali sebagai <i>Jurnal Ilmu Kemanusiaan</i>) | 1394-9330 | Vol 15 2008 |
| 15 | Jurnal Pendidik dan Pendidikan | 0126-7272 | Vol 23 2008 |
| 16 | Malaysian Journal of Distance Education | 1511-6433 | Vol 9 (1) 2007 |
| 17 | Malaysian Journal of Distance Education | 1511-6433 | Vol 9 (2) 2007 |
| 18 | Malaysian Journal of Medical Sciences | 13-94-195X | Vol 15 (1) 2008 |
| 19 | Malaysian Journal of Medical Sciences | 13-94-195X | Vol 15 (2) 2008 |
| 20 | Malaysian Journal of Medical Sciences | 13-94-195X | Vol 15 (3) 2008 |
| 21 | Malaysian Journal of Medical Sciences | 13-94-195X | Vol 15 (4) 2008 |
| 22 | Kajian Malaysia | 0127-4082 | Vol 24 (1 & 2) 2006 |
| 23 | Kajian Malaysia | 0127-4082 | Vol 25 (1) 2007 |
| 24 | Journal of Engineering Sciences | 1823-3430 | Vol 4 2008 |
| 25 | Asian Academy of Management Journal of Accounting and Finance | 1823-4992 | Vol 3 (2) 2007 |

Di samping penerbitan baharu tersebut, sebanyak 13 tajuk penerbitan Penerbit USM telah diulang cetak untuk memenuhi permintaan pasaran. Tajuk-tajuk berkenaan ialah:

| Bil. | Tajuk | ISBN |
|------|---|-------------------|
| 1 | <i>Gerakan Pembaharuan Islam: satu kajian di negeri Perlis dan hubung kaitnya dengan Malaysia</i> | 983-861-098-4 |
| 2 | <i>Sorotan Terpilih dalam Sejarah Malaysia</i> | 983-861-204-8 |
| 3 | <i>Pentadbiran dan Pengurusan Harta Pusaka dalam Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi</i> | 983-2514-76-2 |
| 4 | <i>Nasionalisme dan Revolusi di Malaysia dan Indonesia</i> | 983-3391-56-7 |
| 5 | <i>Internet dalam Pendidikan</i> | 983-861-312-6 |
| 6 | <i>Pemikiran Kritis dan Logik</i> | 983-2514-49-5 |
| 7 | <i>C++ Programming: An Introduction</i> | 978-983-861-332-3 |
| 8 | <i>Warisan al-Quran: Sosiobudaya</i> | 983-2514-45-2 |
| 9 | <i>Warisan al-Quran: Peradaban Manusia</i> | 983-2514-41-X |

| | | |
|----|--|-------------------|
| 10 | <i>Warisan al- Quran: Sosioekonomi</i> | 983-2514-47-9 |
| 11 | <i>Setaman Pantun Merdeka</i> | 978-983-861-349-1 |
| 12 | <i>Internet dalam Pendidikan</i> | 983-861-312-6 |
| 13 | <i>Farmasi dan Ubat-ubatan</i> | 983-861-309-6 |

Pemasaran

Di samping penerbitan baharu tersebut, sebanyak 13 tajuk penerbitan Penerbit USM telah diulang cetak untuk memenuhi permintaan pasaran. Tajuk-tajuk berkenaan ialah:

| Bil | Bulan | Tarikh | Aktiviti | Tempat |
|-----|----------|-------------------|---|--|
| 1 | Januari | 5. 1. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Detik Manis Bersama Angkasawan | Foyer Dewan Tuanku Syed Putra, USM |
| 2 | | 7 –9. 1. 2008 | Hari Jualan Buku Penerbit USM | Foyer Perpustakaan Hamzah Sendut I |
| 3 | | 9. 1. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena persidangan <i>The Second International Conference in the History of Medicine in Southeast Asia</i> | Hotel Evergreen Laurel, Penang |
| 4 | | 29. 1. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah 1429 | Dewan Budaya, USM |
| 5 | Februari | 1-6. 2. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Pesta Buku dan Multimedia Terengganu | Pusat Dagangan Terengganu (TTC), Kuala Terengganu |
| 6 | | 18–21. 2. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Anugerah MAPIM 2007 | Auditorium Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya |
| 7 | Mac | 5–6. 3. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Seminar Antarabangsa Andalusia 1300 Tahun | Dewan Budaya, USM |
| 8 | | 10–13. 3. 2008 | Pesta Buku Akademik Universiti Malaya 2008 | Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, Kuala Lumpur |
| 9 | April | 4–13. 4. 2008 | Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur di Dewan Tun Razak 2 | Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur |
| 10 | | 20-22. 4. 2008 | National Research & Innovation Competition | Dewan Utama Pelajar |
| 11 | Mei | 8. 5. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Ceramah Falsafah Kecantikan dari perspektif Islam oleh Y.Bhg Dato' Ismail Kamus anjuran SEFSI | Dewan Budaya, USM |
| 12 | | 29. 5. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Program Siri Sejarah Lisan USM 40 Tahun keempat – YB Tan Sri Dato' Seri Musa Mohamad | Dewan Persidangan Universiti |
| 13 | Jun | 18-20. 6. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena 2nd Penang International Postgraduate Conference, anjuran Postgraduate Student, USM | Dewan Kuliah U, USM |
| 14 | Julai | 15-17. 7. 2008 | Hari Jualan Buku 2008 | Foyer Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) |
| 15 | | 25-27. 7. 2008 | Pameran dan Jualan Buku sempena Program Heboh Buku 2008 | Queensbay Mall, Pulau Pinang |
| 16 | Ogos | 31. 7 – 3. 8 2008 | Pesta Buku Malaysia 2008 | Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur |

| | | | | |
|----|----------|-----------------|---|---|
| 17 | Oktober | 21. 10. 2008 | Jualan dan pameran buku sempena Siri Syarahan ISDEV Ke-7: "Malay-Muslim Politics: Problems and Solutions" oleh Tan Sri Dato' Hj Muhyiddin Hj Mohd Yassin - Anjuran ISDEV dan Yayasan Nurul Yaqeen | Dewan Budaya, USM |
| 18 | | 29-30. 10 .2008 | Pameran & Jualan Buku sempena Persidangan Kebangsaan Persekitaran dan Kesihatan - Anjuran PP Sains Kesihatan USM | Hotel Grand Riverview Kota Bharu |
| 19 | | 29-30. 10. 2008 | Seminar Kebangsaan Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari: Fiqh dan Pemikiran Islam Lestari untuk Kesejahteraan Sejagat - Anjuran bersama Bahagian Pengajian Islam PPIK dan JAKIM | Dewan Persidangan Universiti USM. |
| 20 | Disember | 16-21. 12.2008 | Pameran Buku Antarabangsa Pulau Pinang, PISA | Penang International Sport Arena (PISA) |
| 21 | | 23-24. 12. 2008 | Jualan Buku sempena Persidangan Kebangsaan Kesusasteraan Remaja | Dewan Budaya |
| 22 | | 24. 12. 2008 | Mesyuarat Operasi MAPIM | Tingkat 29 Menara DBP, KL |

Latihan

Sebagai usaha meningkatkan kemahiran bakal penulis, tenaga editorial, pengeluaran dan pemasarannya, empat bengkel telah diadakan dengan kerjasama beberapa pihak seperti Unit Latihan, Jabatan Pendaftar dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), iaitu:

- i. Bengkel Penulisan Makalah Ilmiah (Sains) pada 18 Jun 2008 di Kompleks Eureka, USAINS. Fasilitator: Profesor John F. Leslie (Kansas States University)
- ii. Bengkel Penulisan Makalah Ilmiah (Sastera) pada 1 Disember 2008 di Kompleks Eureka, USAINS. Fasilitator: Profesor Emeritus Dato' Dr. Asmah Haji Omar (Universiti Malaya)

iii. Ceramah 1

Gearing USM Journals Towards Being Indexed and Abstracted in Databases pada 22 Mei 2008, jam 9.30 pagi di Taman Buku, Penerbit USM, Bangunan D36 (anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bersama Penerbit Universiti Sains Malaysia) oleh Profesor Peter Brimblecombe, Ahli Lembaga Penasihat SCOPUS, dan Ketua Editor Atmospheric Environment (Elsevier). Ini diikuti dengan perbincangan dengan Ketua-ketua Sidang pengarang Jurnal USM.

iv. Ceramah 2

Publishing in High Impact Factor Journals: How Not to Get Rejected! Pada 22 Mei 2008, jam 2.30 petang di Dewan Kuliah C, USM (anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) bersama Penerbit Universiti Sains Malaysia) oleh Profesor Peter Brimblecombe, Ahli Lembaga Penasihat SCOPUS dan Ketua Editor Atmospheric Environment (Elsevier).

v. Ceramah 3

Tips for Successful Publishing in Indexed Journals pada 16 Disember 2008, jam 2.30 petang di Auditorium 1, Kompleks Eureka, USAINS (anjuran Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dengan kerjasama Penerbit Universiti Sains Malaysia) oleh Profesor Peter Williams, Pengarah Materials Science Research Centre, Wales, United Kingdom dan Ketua Editor Food Hydrocolloids (Elsevier).

Untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran semua kategori staf pula 10 program Latihan Dalam Perkhidmatan peringkat jabatan telah dilaksanakan:

- i. Sanggar Kerja Penerbitan pada 9 hingga 11 Mei 2008 di Bayview International Beach Resort Hotel, Batu Feringgi.
- ii. Bengkel Kemahiran Tatabahasa dalam Penulisan dan Penyuntingan pada 13 hingga 14 Mei 2008 di Penerbit USM.
- iii. Bengkel Desktop Support Engineering (DSE) di PPPKT pada bulan Mei hingga Jun 2008.
- iv. Kursus Bahasa Inggeris bagi Staf USM yang disertai oleh 3 orang staf sokongan pada 20 Jun hingga 1 Julai 2008 di Pusat Bahasa dan Terjemahan.
- v. Kursus Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja yang diadakan pada 5 Jun 2008.
- vi. Kursus Induksi Khusus Staf Kumpulan 2 yang diadakan pada 24 Julai 2008.
- vii. Bengkel Perolehan Manuskrip untuk Pegawai-Pegawai Penerbitan yang diadakan pada 30 dan 31 Julai 2008.
- viii. Kursus Peningkatan Prestasi Komputer pada 4 Ogos 2008 dan Kursus Penyelesaian Masalah Secara Manual pada 14 Ogos 2008 yang dianjurkan oleh Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi.
- ix. Kursus USMku Gemilang (Staf Gred 27) yang diadakan pada 12 Ogos 2008. Bengkel Aplikasi *ChemDraw* yang diadakan pada 5 November 2008.
- xi. Kursus Induksi Umum & Kursus (Kumpulan Pengurusan & Profesional - Gred A & B) yang diadakan pada 6 hingga 21 November 2008.
- xii. Bengkel Pemurnian Panduan Editorial untuk Pegawai Penerbitan (N41) yang diadakan pada 11 hingga 12 November 2008.

Pengenalan

Bahagian Pembangunan Korporat telah ditubuhkan pada bulan Februari 2000 dan diletak sebagai sebuah bahagian di bawah Jabatan Canselori. Pada awal penubuhannya, Bahagian ini telah menjalankan tiga fungsi iaitu Pembangunan Strategik, Jaminan Kualiti dan Perkhidmatan Maklumat Eksekutif (EIS). Program Kampus Sejahtera yang dilancarkan pada tahun 2000 juga telah dimasukkan di bawah Bahagian ini. Pada 10 Disember 2005, Mesyuarat Majlis Eksekutif Naib Canselor telah menukarkan Bahagian ini kepada Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat (BPLK) memandangkan peranannya yang semakin besar dalam menyokong dan menumpukan perhatian kepada program alam sekitar dan kelestarian. Pada tahun 2008, fungsinya semakin meningkat dengan penglibatannya dalam aktiviti-aktiviti pembangunan pelbagai dasar Universiti di samping menyokong aktiviti Pusat Kepakaran Serantau yang semakin mengembang.

Objektif

Keputusan Kerajaan untuk memperbadankan universiti-universiti telah memulakan langkah untuk menubuhkan institusi yang berdikari sepenuhnya. Keadaan ini mewujudkan keperluan untuk menumpukan kepada pencapaian pulangan maksimum daripada penggunaan optimum sumber-sumber yang dipunyai oleh Universiti. Bagi mencapai tujuan ini, BPLK telah ditubuhkan untuk menyediakan rangka kerja bagi menentukan polisi, standard, panduan dan memantau langkah-langkah yang akan memandau kedayasaingan Universiti dalam dua aktiviti utamanya iaitu pendidikan dan penyelidikan.

Aktiviti BPLK

1. Penyelarasan Pelan Strategik USM

BPLK menyelaras pembangunan pelan strategik untuk meningkatkan kecekapan staf, meningkatkan sistem akademik, melindungi alam sekitar, menetapkan struktur organisasi, mengguna pakai teknologi pintar dan mengkaji semula sistem pengurusan.

Bahagian ini berupaya mencari peluang-peluang yang membolehkan universiti menjalankan aktiviti perniagaan dan penyelidikan dengan organisasi tempatan dan antarabangsa secara cekap. Bahagian ini juga bertekad untuk melindungi hak-hak harta intelek universiti dan stafnya melalui sistem pemantauan yang ketat dan panduan yang rapi.

2. Perkhidmatan Maklumat Eksekutif

Perkhidmatan Maklumat Eksekutif menjadi pembekal utama maklumat pengurusan yang berauthoritatif berteraskan teknologi maklumat dengan penggunaan kaedah-kaedah statistik. Selaras dengan status universiti sebagai Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX, Perkhidmatan Maklumat Eksekutif telah diberikan tanggungjawab dalam menyediakan petunjuk prestasi universiti dan pusat tanggungjawab berdasarkan kriteria universiti penyelidikan. Maklumat-maklumat pengurusan dan petunjuk prestasi ini amat berguna untuk membantu pegawai tertinggi universiti membuat keputusan dalam usaha mereka untuk mengimbangkan pelan jangka masa pendek dengan keperluan jangka masa panjang. Dalam melaksanakan peranan penting sebagai sumber maklumat yang bersepadu dan strategik, Perkhidmatan Maklumat Eksekutif mengimplementasikan proses

pengumpulan dan pengurusan data secara sistematik menggunakan kaedah-kaedah terkini dan penjana data statistik yang mesra pengguna.

3. Pembangunan Jaminan Kualiti

Bagi memastikan tumpuan terus diberikan ke atas kualiti program dan perkhidmatan USM, Unit Pembangunan Jaminan Kualiti telah ditubuhkan untuk membangunkan strategi kualiti yang komprehensif untuk Universiti. Standard akademik dijamin melalui satu sistem pemeriksa luar dan diaudit oleh perunding luar. Perbincangan, taklimat dan bengkel sering diadakan dengan SIRIM untuk bertukar idea dan untuk melatih staf universiti.

4. Sekretariat Petunjuk Prestasi Utama (KPI) USM

Jawatankuasa Petunjuk Prestasi utama (KPI) USM dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa). Sekretariat Petunjuk Prestasi utama (KPI) USM diletakkan di bawah Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat USM. Antara fungsi sekretariat ini adalah untuk menganjurkan bengkel pengisian borang soal-selidik, mengumpul data, menilai dan melakukan kerja-kerja audit ke atas prestasi Pusat-Pusat Pengajian dan Pusat-Pusat di USM untuk menentukan KPI setiap organisasi bagi menjamin universiti mencapai matlamatnya sebagai sebuah Universiti Penyelidikan (RU). Suatu jawatankuasa kecil yang diletakkan di bawah jawatankuasa induk telah ditubuhkan pada awal tahun 2007 untuk memantau pencapaian universiti berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh Majlis Penyelidikan Universiti.

5. Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)

Bahagian Pembangunan Lestari dan Korporat USM ialah pusat sehenti bagi mengendalikan proses menandatangani MoU/MoA dengan organisasi luar. Bahagian ini bekerjasama dengan Unit Perundangan USM dan Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan USM untuk membantu Pusat Pengajian dan Pusat-pusat dalam aspek perundangan dan bahasa dalam menyediakan dokumen MoU dan MoA yang akan ditandatangani dengan institusi lain. Pada tahun 2008, sebanyak 73 Memorandum Persefahaman, dua Memorandum Perjanjian telah ditandatangani dengan pihak luar. Dokumen berbentuk Perjanjian pula ialah sebanyak 46 manakala dokumen berbentuk kerjasama ialah sebanyak dua sahaja pada tahun ini.

6. Program Pembangunan Kampus Sejahtera

Genesis Kampus Lestari

Kampus Sejahtera, satu inovasi USM yang unik, telah dimulakan pada tahun 2001 oleh Naib Canselor, Y.Bhg. Tan Sri Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak sebagai Program Kampus Sejahtera. 'Sejahtera' dalam bahasa Melayu merangkumi maksud keamanan, keharmonian, ketenangan, kesejahteraan dan kesihatan. Tidak ada padanan yang tepat bagi perkataan ini dalam bahasa Inggeris. Sebagai satu konsep, Kampus Sejahtera bertujuan untuk memimpin semua anggota masyarakat USM daripada pihak pentadbir hingga kepada para pensyarah, pelajar dan kakitangan sokongan agar dapat memberi komitmen yang sepenuhnya kepada universiti. Setiap individu mempunyai peranan masing-masing menerusi inisiatif peribadi, sifat positif, tindakan proaktif dan semangat sukarelawan dalam membentuk pembangunan kampus.

Kampus Sejahtera merupakan satu kerangka yang mempunyai lima nilai asas. Nilai yang pertama ialah untuk membentuk dan membina minda setiap individu agar bertanggungjawab terhadap kampus. Nilai yang kedua memberi tumpuan kepada usaha untuk membentuk ruang fizikal dan sosial yang sesuai untuk bekerja, bermain dan belajar. Ketiga, setiap amalan dalam kampus perlu menguar-uarkan kebaikan pembangunan lestari yang bersifat mesra alam, mesra pejalan kaki, mesra orang dan mesra kerja dan pada masa yang sama menggalakkan cara hidup yang sihat. Nilai yang keempat ialah peruntukan perkhidmatan penjagaan gigi dan kesihatan kepada pelajar dan staf. Akhir sekali, Kampus Sejahtera menyokong sebarang aktiviti atau projek yang menyebarkan usaha ke arah membentuk kampus lestari.

Kempen *'The White Coffin'* dan kempen *'Say No To Plastic Bags'* merupakan antara aktiviti berpusatkan pelajar yang dijalankan pada tahun 2008. Aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan melalui Program Kampus Sejahtera termasuk *Earth Hour 2008*, Program Kitar Semula, Program Ofis Hijau, Program Berbasikal, Kafeteria Sejahtera dan Program Tanaman Pokok yang dapat meyumbang kepada hidup yang sihat dan kehidupan lestari. Aktiviti susulan termasuk *'Tapau-mania'* yang dilaksanakan dengan sokongan daripada pihak Tupperware untuk menggalakkan masyarakat kampus untuk membawa bekas guna semula apabila membeli makanan di kantin-kantin dalam kawasan kampus untuk dibawa pulang. Satu lagi aktiviti susulan ialah projek SMS Mi (Senyum, Mesra, Saling Menyayangi) yang menggalakkan jalinan persahabatan dan perasaan muhibah dalam kalangan masyarakat kampus dan juga menyampaikan mesej kempen *'Say No To Plastic Bags'* dengan cara yang mesra. Sebuah monograf yang memberi fokus kepada aktivisme persekitaran akan diterbitkan, yang akan memaparkan pandangan peribadi dan pengalaman para pelajar dan staf.

7. Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dalam bidang Pendidikan untuk Pembangunan Lestari

Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dan wilayah utara Semenanjung Malaysia mempunyai matlamat untuk memupuk kefahaman tentang pembangunan lestari, dan seterusnya memperkenalkan konsep ini dalam kandungan dan amalan pendidikan. Ia juga berhasrat untuk membentuk satu kerangka, termasuk polisi, untuk memudahkan usaha untuk memperkenalkan pembangunan lestari ke dalam proses pembuatan keputusan. Universiti Sains Malaysia (USM), sebagai peneraju Pusat Kepakaran Serantau ini, bekerjasama dengan institusi pendidikan formal, Kementerian Pendidikan dan Alam Sekitar, majlis perbandaran dan pihak berkuasa kemajuan dan pembangunan untuk mencapai matlamatnya. Sasaran utamanya pada peringkat awal ialah golongan pelajar, dan Kampus USM menjadi tapak ujian untuk inovasi dalam bidang pembangunan lestari yang kemudiannya diperkenalkan kepada masyarakat umum.

Menjelang ulang tahunnya yang ke-empat, Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang telah berjaya mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah pusat yang komited terhadap usaha-usaha untuk menangani keperluan dan cabaran pembangunan lestari dengan menggunakan kerangka pendidikan yang berupaya untuk menjamin kelestarian di rantau ini. Laporan ini menghuraikan aktiviti Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang pada tahun 2008:

- Memandangkan konsep Pendidikan untuk Pembangunan Lestari bukanlah sesuatu yang baru, terutamanya dalam kalangan pemain-pemain utama masyarakat madani di Pulau Pinang yang telah sekian lama bergerak secara aktif dalam isu-isu alam sekitar dan hak asasi manusia, cara yang menarik dan sesuai untuk mempromosikan konsep ini amat penting sekali. Terdapat sekurang-kurangnya tiga elemen baru yang disokong dan ditekankan oleh rangkaian serantau ini dalam skim pelaksanaannya - satu proses pendidikan melalui usaha mengorientasi semula pendekatan-pendekatan sedia ada supaya terarah kepada pembangunan lestari, satu pendekatan transdisiplin di mana aspek-aspek sosial, ekonomi dan persekitaran di ambil kira secara bersama, dan penglibatan ahli-ahli rangkaian pada pelbagai tahap dan pelbagai pemegang taruh. Pendekatan ini mengandaikan bahawa ketiga-tiga elemen ini belum wujud lagi dan amat diperlukan untuk melonjakkan gerakan masyarakat madani di Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi, terutamanya dari perspektif pembangunan lestari. Sehubungan dengan itu, dua mekanisme telah dibentuk untuk menangani isu struktur tadbir urus yang fleksibel dan panduan untuk tindakan selanjutnya. Untuk mengkaji perkara ini secara lebih mendalam, satu kajian bersama telah dijalankan oleh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dan *United Nations University-Global Environmental Information Centre (UNU-GEIC)* bertajuk *"Sustainability in Penangite Accent"*. Kajian ini meneliti dan membincangkan pelbagai isu yang melibatkan pemegang taruh kelestarian di Pulau Pinang, dan laporannya telah diterbitkan dalam bentuk buku kecil (*booklet*) oleh Universiti Sains Malaysia.
- Pulau Pinang telah menyaksikan pelbagai usaha kerjasama dari kalangan pelbagai pemegang taruh yang ingin berusaha ke arah pembangunan lestari. Satu contoh yang penting ialah *Sustainable Penang Initiative (SPI I)*. Ia telah dilaksanakan oleh satu jawatankuasa pemandu yang mewakili organisasi-organisasi utama dan beberapa kumpulan lain berdasarkan isu-isu yang dikenal pasti seperti kelestarian ekologi, keadilan sosial, daya pengeluaran ekonomi, kepelbagaian budaya, penglibatan umum, dan pembangunan lestari yang seimbang. Struktur yang sama telah digunakan dalam program susulan yang dikenali sebagai SPI II. Dalam hal ini, Khazanah Nasional, SERI dan Universiti Sains Malaysia (melalui Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang) telah bekerjasama untuk menganjurkan Bengkel SPI II: *Livable and Sustainable Cities* pada 28-29 Julai 2008 untuk membentuk kerangka untuk SPI II. Bengkel ini telah mengenal pasti enam bidang fokus utama bagi SPI II: Bandar sebagai Ruang Hidup, Bandar sebagai Hab Transaksi, Bandar sebagai Hab Pengetahuan, Bandar sebagai Ruang Sivik dan Demokratik, Bandar sebagai Hab Budaya, dan Bandar sebagai Ruang Lestari. Siri bengkel ini akan terus dilaksanakan.
- Promosi Kelestarian dalam Pendidikan dan Penyelidikan Pasca Siswazah atau *The Promotion of Sustainability in Postgraduate Education and Research (ProSPER.Net)* merupakan satu rangkaian yang melibatkan beberapa institusi pengajian tinggi utama di rantau Asia dan Pasifik yang komited untuk bekerjasama untuk menyepadukan elemen Pembangunan Lestari dalam kurikulum dan kursus pasca siswazah. Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang telah berjaya menganjurkan salah satu mesyuarat ProSPER.Net di USM pada tahun 2008. Institusi-institusi yang terlibat mempunyai program pendidikan

dan penyelidikan yang kukuh dalam bidang pembangunan lestari dan bidang-bidang lain yang berkaitan. Penggabungan bidang akademik dan penyelidikan ProSPER.Net merupakan usaha oleh UNU-IAS untuk membentuk kefahaman tentang Pendidikan untuk Pembangunan Lestari dan juga tentang Pembangunan Lestari sendiri dan seterusnya menggalakkan aplikasi konsep-konsep ini pada peringkat pasca siswazah. Pembentukan rangkaian dan pelaksanaan aktiviti bersama ini disokong buat masa ini oleh Kementerian Alam Sekitar Jepun.

- Penglibatan masyarakat Pulau Pinang sendiri dalam Pendidikan untuk Pembangunan Lestari dapat dilihat melalui pelbagai aktiviti yang dianjurkan oleh pemegang taruh, misalnya *Young Environmentalist Scheme* (YES). Dalam program tahunan yang dianjurkan dan dilaksanakan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM) sebagai salah satu pemegang taruh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang yang aktif dan dikenali, sekumpulan pelajar sekolah rendah dan menengah telah diberi pendedahan dan latihan tentang kesedaran alam sekitar oleh salah satu pemegang taruh Pusat Kepakaran Serantau. Program ini telah pun berjalan selama beberapa tahun sebelum penubuhan Pusat Kepakaran Serantau.
- Satu lagi program Pendidikan untuk Pembangunan Lestari dari aspek alam semula jadi ialah Anak-anak Kota (*Children of the City*) yang dirancang dan dilaksanakan oleh Sahabat Alam Malaysia (SAM). Melalui program ini, pelajar-pelajar peringkat menengah dan universiti diberi pendedahan tentang beberapa amalan unik masyarakat Pulau Pinang dari pelbagai budaya, misalnya pembuatan pakaian dan makanan tradisional dan juga lawatan ke masjid, gereka dan kuil bersejarah. Proses sinergi yang terhasil daripada perkongsian antara universiti dengan masyarakat ini telah diperkukuhkan lagi baru-baru ini melalui beberapa inisiatif. Salah satu program penting untuk tujuan ini ialah Latihan untuk Jurulatih atau *Training for Trainers*. Dirasakan penting agar ahli-ahli utama Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dilatih melalui satu program sepunya untuk membentuk saling faham tentang hala tuju dan kandungan aktiviti Pusat Kepakaran Serantau. Proses sebegini bukan sahaja membentuk sinergi yang lebih kukuh dalam kalangan mereka sebagai penggerak Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang tetapi juga memupuk rasa kesepunyaan terhadap Pusat Kepakaran Serantau.
- Projek Warga atau *The Citizenship Initiative Project* untuk pelajar sekolah menengah merupakan satu lagi program yang diterajui oleh Pejabat Antarabangsa USM dan Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang. Objektif program ini ialah untuk melatih pelajar sekolah menengah untuk melaksanakan aktiviti penyelesaian masalah dalam masyarakat mereka. Para pelajar akan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli jawatankuasa dan seterusnya mengenal pasti beberapa masalah dalam kawasan kediaman atau kampung mereka. Seterusnya mereka akan mencadangkan beberapa jalan penyelesaian. Melalui proses ini, para pelajar tersebut akan mempelajari pelbagai kemahiran seperti membuat keputusan, berkomunikasi dan menyelesaikan masalah, di samping mempelajari nilai-nilai penting dalam kehidupan sebenar.
- Salah satu cabaran dalam sistem pendidikan Malaysia ialah mengorientasikan semula proses pendidikan formal berpusat untuk Pendidikan untuk Pembangunan Lestari. Walau bagaimanapun, melalui reputasinya dan juga rangkaianannya, Pusat Kepakaran

Serantau telah berjaya melibatkan guru-guru di rantau ini dalam sebuah bengkel untuk memberi pendedahan kepada mereka tentang prinsip-prinsip Pendidikan untuk Pembangunan Lestari. Bengkel ini juga menjadi input penting untuk penyetempatan kandungan Pendidikan untuk Pembangunan Lestari. Untuk mencapai matlamat yang dinyatakan, bengkel bertajuk "*The Situational Analysis of the Malaysian Primary Education System towards Sustainable Development*" telah dilaksanakan. Bengkel ini merupakan sebahagian daripada siri pertemuan pakar di bawah *UNESCO Participatory Grant* yang telah dianugerahkan kepada Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang melalui USM.

Pada bengkel tersebut, para guru telah didedahkan kepada konsep Pendidikan untuk Pembangunan Lestari dan telah memberi pendapat mereka tentang kelestarian dan kaitannya dengan kurikulum sekolah rendah di Malaysia pada masa kini dalam pelbagai subjek yang berbeza berdasarkan apa yang telah diajar. Bengkel ini seterusnya membawa kepada sebuah persidangan, iaitu "*The First Conference on the Situational Analysis of the Malaysian Primary Education System towards Sustainable Development*" yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) oleh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang pada 25-26 Februari 2008.

Lebih daripada 40 orang guru sekolah rendah di Malaysia dari pelbagai latar belakang dan sekolah telah berkumpul bersama-sama dengan beberapa orang pendidik, wakil-wakil Kementerian Pelajaran, wakil-wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan dan golongan akademik untuk mengkaji dan membincangkan cara untuk menangani isu kelestarian dalam kurikulum sekolah rendah di Malaysia.

Output persidangan peringkat kebangsaan ini telah dikumpulkan dan diringkaskan dalam "*The Declaration of Malaysia on Primary Education System towards Sustainable Development*" pada hari terakhir persidangan tersebut. Deklarasi ini akan digunakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam proses membuat keputusan pada masa hadapan.

- Sebagai susulan daripada persidangan ini, satu pertemuan pakar untuk membincangkan isu kelestarian dalam sistem pendidikan peringkat rendah di Malaysia telah diadakan di Kuala Lumpur pada 15 Mac 2008 untuk membincangkan hasil daripada pertemuan pakar, bengkel dan persidangan "*Education for Sustainable Development in the Malaysian Primary School System*" yang telah diadakan.

Lebih daripada 15 pakar, pendidik, wakil Kementerian Pelajaran Malaysia, ahli-ahli Pertubuhan Bukan Kerajaan dan para akademik mengambil bahagian dalam mesyuarat ini yang bertujuan untuk menyediakan laporan akhir tentang "*The Situational Analysis of the Malaysian Primary Education System towards Sustainable Development*". Laporan akhir ini akan digunakan sebagai satu syor tentang Pendidikan untuk Pembangunan Lestari dalam sistem pendidikan peringkat rendah di Malaysia kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Satu program telah dijalankan pada 23 April 2008 di Tadika USM untuk mendidik kanak-kanak tentang penanaman pokok dan pengkomposan dalam bahasa yang mudah dan

dalam suasana yang santai dan menyeronokkan. Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang percaya bahawa konsep kelestarian ini perlu dipupuk dalam kalangan generasi muda dari peringkat awal lagi. Program sebegini merupakan satu permulaan yang baik untuk memenuhi objektif penting Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang.

- “*The Campus-Wide Recycling Program*” merupakan projek berterusan yang merupakan ‘projek strategik’ awal untuk menyemai kesedaran tentang kepentingan kitar semula dan membentuk kumpulan utama dalam kalangan pelajar dan staf. Sekumpulan 50 orang pelajar telah dilatih untuk menjadi pejuang kitar semula. Untuk melatih para pelajar ini, satu bengkel iaitu “*Certified Recycling Practitioners (CRP) Workshop*” telah dianjurkan oleh pemegang taruh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang pada 24 Januari 2008. Peserta bengkel ini telah dilatih tentang aliran kitar semula yang terkini. Para pelatih ini akhirnya akan menyumbang pengetahuan mereka tentang kitar semula dalam aktiviti kitar semula kampus yang dijalankan sebagai acara bulanan.
- “*The Sustainability Education Exposure in Penang*” merupakan satu lagi projek tahunan Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang di mana sekumpulan pelajar dari Yokohama National University yang diiringi oleh pensyarah mereka dan wakil *Japan International Cooperation Agency* (JICA) membuat lawatan ke Pusat Kepakaran Serantau di USM. Dua bentuk pendedahan sebegini telah dilaksanakan pada 9-15 Mac 2008 dan 8-13 Mac 2009. Dalam program ini, para pelajar bertukar-tukar pandangan dengan para pelajar di USM tentang pembangunan lestari dan isu-isu yang berkaitan. Melalui program ini, delegasi Jepun dan juga pelajar USM berpeluang untuk memahami pandangan masing-masing. Delegasi dari Jepun ini juga telah diberi taklimat tentang tarikan sejarah dan kebudayaan di Malaysia. Mereka juga diperkenalkan kepada beberapa aktiviti Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dan USM yang berkaitan dengan pembangunan lestari.
- “*Sustainability Leadership Program: Student Leaders’ Module*” merupakan satu lagi aktiviti penting yang dianjurkan oleh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang di USM. Program ini yang dijalankan pada 26-28 April 2008 telah mensasarkan ahli-ahli Majlis Perwakilan Pelajar USM dan juga pemimpin pertubuhan pelajar yang terpilih.

Program ini dibentuk untuk memberi pendedahan kepada peserta tentang kemahiran dan kecekapan yang berkaitan dengan kepemimpinan lestari dan juga untuk memupuk sikap lestari dalam kalangan peserta. Program ini juga bertujuan untuk mendedahkan para peserta kepada langkah-langkah praktikal supaya mereka terdorong untuk berusaha ke arah mencapai kejayaan dalam kehidupan akademik khususnya dan juga kehidupan mereka secara amnya selaras dengan konsep lestari.

Melalui program ini, para pelajar dibekalkan dengan kemahiran berfikir secara berkesan dan praktikal yang relevan supaya mereka dapat melahirkan idea-idea yang berkualiti dalam persekitaran yang amat mencabar. Program ini juga membantu mereka untuk membentuk strategi perancangan dan pelaksanaan yang mengambil kira konsep lestari. Mereka juga diberi panduan untuk memperbaiki cara hidup dan kemahiran berkomunikasi supaya mereka dapat muncul sebagai yang terbaik dalam kalangan yang terbaik.

- Kesihatan lestari merupakan satu bidang yang sering dipromosikan oleh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dalam agendanya selaras dengan Pusat Kepakaran Serantau yang lain. Kesihatan lestari dipilih sebagai satu bidang fokus memandangkan Pusat Kepakaran Serantau ini telah mencapai satu tahap di mana ia boleh berusaha untuk membentuk kumpulan kerja bertema berdasarkan minat dan bidang pengkhususan setiap Pusat Kepakaran Serantau. Untuk melaksanakan strategi ini, Pusat Kepakaran Serantau telah menjadi tuan rumah “*The International Sustainable Health Workshop*” di Kampus Kesihatan USM di Kota Bharu pada 21-23 Mei 2008. Bengkel peringkat antarabangsa ini telah menghimpunkan lebih daripada 30 orang pakar dalam bidang pembangunan lestari dari pelbagai pelusuk dunia. Jaringan antarabangsa Pusat Kepakaran Serantau, UNU-IAS dan UNU-IIGH memainkan peranan utama dalam bengkel ini dengan menyumbangkan sumber kewangan dan kepakaran mereka. Bengkel ini juga menjadi mesyuarat persediaan untuk Persidangan Antarabangsa ke-3 Pusat Kepakaran Serantau di Barcelona, Sepanyol. Dalam bengkel ini, cabaan, keperluan, kapasiti dan aktiviti setiap Pusat Kepakaran Serantau dari segi Kesihatan Lestari telah dibincangkan dan cadangan untuk aktiviti bersama juga dirangka. Bengkel ini yang julung-julung kali diadakan juga membentuk sinergi yang lebih kukuh bukan sahaja dalam kalangan pemegang taruh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang tetapi juga dalam kalangan Pusat-Pusat Kepakaran Serantau yang lain.

- Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang juga sedar bahawa latihan dan pendidikan untuk pembangunan lestari perlu di rancang dan dilaksanakan secara lebih berkesan berbanding kaedah sedia ada. USM telah membuat keputusan untuk melabur dalam bidang ini untuk menjadikan Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang sebagai hab latihan bagi Pendidikan untuk Pembangunan Lestari. Untuk mencapai matlamat ini, Wacana Kelestarian APEX telah dibentuk sebagai pelantar untuk mengumpulkan para akademik USM dan pakar luaran untuk dialog yang berkaitan dengan kelestarian dan pertukaran idea.

Untuk tujuan ini, mesyuarat pertama iaitu “*First Consultative Meeting on Development of Generic Model for Faculty Training for Sustainable Development*” diadakan pada 1 April 2008 di Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang di USM. Mesyuarat ini mengumpulkan beberapa orang pegawai utama USM dan wakil fakulti yang berbeza untuk membincangkan agenda pembangunan lestari arus perdana dan untuk membentuk Kumpulan Perunding Pembangunan Lestari. .

- Dari segi penyelidikan dan penerbitan, beberapa projek yang penting telah dilaksanakan oleh Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang di USM. Penerbitan makalah bertajuk “*Regional Centre of Expertise as a Platform for Sustainability: A Case Study of Universiti Sains Malaysia, Penang*” dalam *Emerald International Journal of Sustainability in Higher Education* merupakan titik permulaan untuk USM berkongsi pengalamannya dalam mempromosikan agenda pembangunan lestari melalui peranan kepemimpinannya di Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dengan menggunakan “pendekatan dalam-luar” atau “*inside-out approach*”.

- Usaha Pusat Kepakaran Serantau Pulau Pinang dalam mempromosikan pandangannya tentang pembangunan lestari juga telah membawa kepada penerbitan sebuah makalah dalam *Journal of the World Universities Forum* yang bertajuk “Universities in the 21st Century: In Search of a New Metaphor: An Inside-Out Model of Universiti Sains Malaysia”. Tujuan makalah ini ialah untuk menghuraikan idea tentang universiti, terutamanya dalam konteks hubungannya dengan masyarakat. Ia cuba untuk meninjau metafora yang telah memacu fungsi dan cara universiti beroperasi. Ia juga mempersoalkan struktur sedemikian dan mencadangkan bahawa universiti, dalam kerangka “misinya yang ketiga”, amat memerlukan satu “metafora” baru yang berlandaskan strukturnya yang unik dan bukan melalui penghayatan yang berdasarkan daya luaran terutamanya daripada pihak industri. Dalam mendokong idea-idea ini, makalah tersebut menghuraikan pengalaman Universiti Sains Malaysia sebagai universiti penyelidikan terkemuka di Malaysia dan pada masa yang sama menjadi sebuah Universiti Dalam Taman dan juga diiktiraf sebagai Pusat Kepakaran Serantau dalam bidang Pendidikan untuk Pembangunan Lestari.

8. Program Warga Sejahtera

Tahun 2008 merupakan tahun ketiga Program Warga Sejahtera dilancarkan di USM. Sekretariat Warga Sejahtera (SWS) merupakan sebuah unit kecil yang mengerakkan program ini bagi membantu warga staf dalam usaha meningkatkan keupayaan diri melalui tindakan “membersih diri” dari gejala negatif. Aktiviti Program Warga Sejahtera anjuran SWS dalam memenuhi tanggungjawab membantu warga kampus dan masyarakat sekeliling adalah seperti berikut:

A. Tindakan Pemantapan Program

i. Taklimat Penyelaras Latihan Pusat Tanggungjawab.

Dua taklimat telah diadakan untuk Penyelaras-Penyelaras Latihan Pusat Tanggungjawab bagi menjelaskan peranan Sekretariat ini dalam membantu warga staf. Satu taklimat di Kampus Induk dan satu lagi di Kampus Kejuruteraan diadakan dengan tujuan untuk memantapkan program dan perjalanan aktiviti Program Warga Sejahtera,

ii. Bengkel Pemantapan Program Warga Sejahtera.

Bagi memantapkan perjalanan SWS, satu bengkel telah diadakan 1 April, 2008. Bengkel ini disertai oleh 30 orang warga staf (akademik dan bukan akademik) yang mewakili pelbagai bahagian dan Pusat Pengajian dalam universiti. Pada akhir bengkel, peserta telah menyenaraikan beberapa ‘masalah’ pokok yang perlu diberi perhatian segera dan tindakan sewajarnya bagi membantu universiti mensejahterakan warganya.

B. Khidmat Kaunseling kepada Warga Staf.

Hasil dari usaha berterusan SWS melalui penglibatannya dalam menyediakan pelbagai aktiviti universiti pada tahun ini, lebih ramai warga staf telah tampil untuk mendapatkan khidmat yang disediakan. Mereka telah mula menjadi lebih bersedia untuk berkongsi perasaan dan pengalaman dalam usaha mencari jalan terbaik bagi mengatasi kesulitan yang dihadapi.

i. Terapi Bersemuka

Seramai 21 orang warga staf telah datang dan mendapatkan khidmat Kaunselor. Di samping itu, dua keluarga telah berjaya mengatasi kes masing-masing setelah mendapatkan khidmat yang disediakan.

ii. Terapi Kelompok

Khidmat ini dilaksanakan melalui aktiviti **Kem Remaja S.E.H.A.T.** dan lain-lain aktiviti yang berbentuk berkelompok.

Kem Remaja S.E.H.A.T.

Pada tahun ini SWS hanya dapat mengendalikan satu Program sahaja. Namun begitu, perkhemahan pada tahun ini telah berjaya diadakan di luar kampus.

Perkhemahan ini diadakan di Lubuk Kelah Adventure Park, Sungai Siput, Perak. Programnya amat mencabar kerana 27 orang peserta yang mengikutinya telah didedahkan kepada berbagai aktiviti lasak seperti meredah hutan dan sungai. Hal ini amat membantu peserta dalam menghayati erti kehidupan dan memahami tanggungjawab. Aktiviti-aktiviti lain turut menyuntik rasa kasih terhadap keluarga, khususnya terhadap kedua ibu bapa.



C. Aktiviti Lain

i. Program Sejahtera Keluarga

Bagi menyemarakkan semangat kekitaan dan memupuk rasa kasih terhadap keluarga, dua buah PTJ telah menganjurkan program Sejahtera Keluarga dengan bantuan dan sokongan SWS.

- Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan (Disertai oleh 80 orang ahli keluarga)
- Jabatan Pembangunan Kampus Kejuruteraan (Disertai 115 orang ahli keluarga)

ii. Pembangunan Staf

• Kem Kesihatan Keluarga:

Bagi mewujudkan kesedaran di kalangan warga staf tentang pentingnya kesihatan dalam keluarga, SWS dengan kerjasama 'Nur Sejahtera' LPPKN Negeri Pulau Pinang, telah menganjurkan Kem Kesihatan Keluarga. Melalui aktiviti ini warga staf telah didedahkan kepada berbagai perkara penting mengenai kesihatan keluarga.

• Bengkel Bina Diri:

Pada tahun ini dua Bengkel telah diadakan bagi membantu warga staf dari PTJ berikut:

- Bengkel Pertama: Melibatkan sembilan orang Staf dari Jabatan Pembangunan (Kampus Induk);
- Bengkel Kedua: Melibatkan 11 orang Staf (Kampus Induk) dari Gabungan 3 buah PTJ
- P.P.Sains Fizik 5 orang
- Perpustakaan 3 orang
- P.P.Tek.Industri 3 orang

• Motivasi Kerja dan Imej Diri

Program Motivasi Kerja dan Imej diri telah diadakan untuk kumpulan staf berkenaan:

- Staf Pusat Pengajian Sains Fizik
- Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
- Staf Pusat Pengetahuan, Komunikasi dan Teknologi (Kampus Kejuruteraan)

• Bina Pasukan

Membantu Unit Latihan, Jabatan Pendaftar mengendalikan aktiviti berkaitan terhadap staf Institut Penyelidikan Perubatan Molekul - INFORMM.

• Latihan Khusus

Memberi latihan khusus tentang Asas dan Kemahiran Kaunseling kepada ahli-ahli Unit Tindakan Kesejahteraan (UTK) Kampus Kejuruteraan dan seterusnya menubuhkan UTK bagi membantu rakan yang sedang menghadapi kesulitan dan memerlukan bantuan.

• Lain-lain Aktiviti Pembangunan Staf

Membantu Unit Latihan, Jabatan Pendaftar melatih dan mengendalikan kursus-kursus yang berkaitan pembangunan staf bagi meningkatkan keberkesanan staf dalam menjalankan tugas harian.

D. Aktiviti Pembangunan Pelajar

- Dengan kerjasama Kafe@teen - LPPKN Negeri Pulau Pinang, SWS telah berjaya menganjurkan forum Bicara Remaja Prihatin - Hargai Dirimu. Forum ini dihadiri oleh 160 orang siswa/i dan warga staf.
- Membantu Kelab PEMADAM Universiti menganjurkan seminar Membanteras Dadah 2008 sebagai tindakan berterusan pihak universiti dalam memerangi najis dadah.

E. Aktiviti dengan Masyarakat

SWS juga komited dalam membantu dan membangunkan masyarakat setempat. Sehubungan itu, dari masa ke semasa pegawai yang bertugas akan berkunjung ke sekolah-sekolah berhampiran dan ke kampus cawangan bagi membantu melancarkan program-program anjuran organisasi luar melalui kerjasama dan bantuan pihak universiti. Melalui ceramah Keibubapaan dan Pembangunan Diri, masyarakat sekeliling dimaklumkan tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak dan kaedah-kaedah berkesan dalam menangani karenah mendidik anak-anak. Dengan perkhidmatan yang diberi, masyarakat sekeliling turut mendapat limpahan perkhidmatan daripada kewujudan Program Warga Sejahtera di Universiti Sains Malaysia. Antara aktiviti yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Ceramah Hari Kualiti • Guru-guru Sekolah Men.Keb.Sungai Ara
Bayan Lepas, Pulau Pinang

Ceramah Kecemerlangan Organisasi • Staf Kolej Matrikulasi Pulau Pinang

Ceramah Cemerlangan Diri • Pelajar Kolej Matrikulasi Pulau Pinang
• Pelajar UiTM Merbok, Kedah

Ceramah Mempercepatkan Pencapaian • Pengetua/Guru Besar dan Warga PIBG:
Sekolah-sekolah S.Perai

Ceramah Hebat Diri • Pelajar Sekolah Menengah Changloon, Kedah

Ceramah Keibubapaan • PEMADAM Daerah Timur Laut, P.Pinang

Ceramah Kecemerlangan Diri • Pelajar S.K. Sri Kerian, P.Buntar, Perak
• Pelajar S.K. Jawi, Sg.Bakap, Seb.Perai Selatan
• Pelajar SMK Alor Pongsu, Bagan Serai, Perak

Ceramah Hari Kualiti • Jabatan Kimia, Pulau Pinang


Pendapatan Mengurus

Jumlah keseluruhan pendapatan mengurus USM bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2008 telah meningkat sebanyak 5.03 peratus, daripada RM756,387,444 pada tahun 2007 kepada RM794,417,636 pada tahun 2008. Sebanyak 91.3 peratus ataupun RM725,412,400 daripada jumlah ini adalah merupakan pemberian daripada kerajaan, 5.3 peratus ataupun RM41,709,667 merupakan hasil yuran pelajar dan 3.4 peratus ataupun RM27,295,569 merupakan hasil pelbagai sumber pendapatan yang lain. Butiran dan peratusan jumlah pendapatan mengurus ini dipaparkan dalam Jadual 22 dan Carta 6.

Jadual 22: Pendapatan Mengurus

| | Tahun 2008 | | Tahun 2007 | |
|--------------------|--------------|------------|--------------|------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Pemberian Kerajaan | 725.4 | 91.3 | 700.4 | 92.6 |
| Yuran Pelajar | 41.7 | 5.3 | 38.0 | 5.0 |
| Pendapatan Lain | 27.3 | 3.4 | 17.9 | 2.4 |
| Jumlah | 794.4 | 100 | 756.3 | 100 |


Carta 6: Punca Pendapatan Mengurus Tahun 2008




Perbelanjaan Mengurus

Jumlah perbelanjaan mengurus pula telah meningkat sebanyak 13.1 peratus iaitu daripada RM741,095,208 tahun 2007 kepada RM838,525,160 pada tahun 2008. Seperti yang dipaparkan di dalam Carta 7 yang berikut, sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan ini iaitu sebanyak 52.4 peratus ataupun RM439,124,408 adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan ini telah meningkat sebanyak 15.4 peratus jika dibandingkan dengan perbelanjaan emolumen tahun 2007. Manakala baki sebanyak 47.6 peratus atau RM399,400,752 pula adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan ini pula telah meningkat sebanyak 10.9 peratus yakni, daripada RM360,171,935 pada tahun 2007 kepada RM399,400,752 pada tahun 2008.

Carta 7: Perbelanjaan Mengurus Tahun 2008




Carta 8: Pecahan Perbelanjaan Mengurus Tahun 2008



Jadual 23 yang berikut secara terperinci menunjukkan perbandingan pecahan perbelanjaan mengurus yang telah dilakukan pada tahun 2007 dan 2008. Manakala Carta 8 menunjukkan pecahan terperinci perbelanjaan mengurus Universiti bagi tahun 2008.

Secara keseluruhannya, kekurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti telah menurun sebanyak 388.4 peratus pada tahun 2008 sekiranya dibandingkan dengan kelebihan pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2007. Kekurangan pendapatan atas perbelanjaan yang telah direkodkan untuk tahun ini adalah sebanyak RM44,107,524 berbanding dengan kelebihan RM15,292,236 pada tahun sebelumnya. Sehubungan dengan ini, jumlah baki kelebihan terkumpul perbelanjaan mengurus untuk tahun 2007 telah menurun sebanyak 122.8 peratus yakni sebanyak (RM8,210,946) berbanding dengan RM35,956,978 pada tahun 2007.

Carta 9: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Mengurus



Jadual 23: Pecahan Perbelanjaan Mengurus

| | Tahun 2008 | | Tahun 2007 | |
|----------------------------|--------------|------------|--------------|------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Emolumen | 439.1 | 52.4 | 380.9 | 51.4 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 250.4 | 29.9 | 212.8 | 28.7 |
| Pembelian Harta Modal | 46.4 | 5.5 | 54.2 | 7.3 |
| Perberian dan Kenaan Tetap | 93.4 | 11.1 | 82.8 | 11.2 |
| Perbelanjaan Lain | 9.2 | 1.1 | 10.4 | 1.4 |
| Jumlah | 838.5 | 100 | 741.1 | 100 |

Jadual 24: Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan untuk tahun 2008

| | Tahun 2008 | Tahun 2007 |
|------------------------------------|------------|------------|
| | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Pendapatan | 794.4 | 756.3 |
| Perbelanjaan | 838.5 | 741.1 |
| Kelebihan/(Kekurangan) untuk tahun | (44.1) | 15.2 |
| Pindahan/Pelarasan | - | (7.5) |
| Pelarasan Tahun Lalu | - | - |
| Kelebihan terkumpul awal tahun | 35.9 | 28.2 |
| Lebih terkumpul akhir tahun | (8.2) | 35.9 |


Pendapatan Pembangunan

Jumlah pendapatan pembangunan yang telah diterima daripada kerajaan pada tahun 2008 adalah sebanyak RM22,000,000. Jumlah ini telah berkurangan sebanyak 61.4 peratus sekiranya dibandingkan dengan jumlah yang diterima pada tahun 2007 sebanyak RM57,000,000 dan ia telah digunakan untuk tujuan pembangunan sahaja. Sebaliknya jumlah yang diterima pada tahun 2008 sebanyak RM44,679,068 telah digunakan untuk tujuan penyelidikan FRGS (*Fundamental Research Grant Scheme*) berbanding tahun 2007 sebanyak RM13,074,820.

Perbelanjaan Pembangunan

Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2008 telah meningkat daripada RM74,063,477 pada tahun 2007 kepada RM138,479,849. Perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan ini adalah untuk perkara-perkara yang tercatat dalam Carta 10, yakni seperti perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan dan buku serta bekalan dan perkhidmatan lain.

Carta 10: Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2008



Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan bagi tujuan pembangunan merupakan jumlah perbelanjaan yang terbesar untuk tahun 2008 iaitu sebanyak RM63,230,278. Namun begitu ia telah mencatatkan peningkatan sebanyak 21.7 peratus berbanding jumlah RM51,957,896 yang dikeluarkan dalam tahun 2007. Jadual 25 yang berikut menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan pada sepanjang tahun 2008 dan 2007.

Jadual 25: Perbelanjaan Pembangunan

| | Tahun 2008 | | Tahun 2007 | |
|-------------------------------|--------------|------------|-------------|------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Tanah, Bangunan dan Kemudahan | 63.2 | 45.7 | 51.9 | 70.1 |
| Alat Kelengkapan dan Buku | 68.2 | 49.3 | 17.9 | 24.2 |
| Bekalan dan Perkhidmatan Lain | 7.0 | 5.0 | 4.2 | 5.7 |
| Jumlah | 138.4 | 100 | 74.1 | 100 |


Terdapat kekurangan sebanyak 2677.5 peratus dalam lebihan pendapatan atas perbelanjaan pembangunan Universiti pada tahun ini sekiranya dibandingkan dengan lebihan pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2007. Kekurangan yang dimaksudkan adalah sebanyak RM110,783,095 pada tahun 2008 berbanding RM3,988,657 pada tahun 2007. Kekurangan ini telah mengurangkan kelebihan terkumpul perbelanjaan pembangunan daripada RM102,250,389 pada tahun 2007 kepada RM8,532,706 pada tahun 2008. Perkara ini dapat dilihat dengan secara terperinci dalam Jadual 26.

Jadual 26: Kelebihan/(Kekurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan Pembangunan untuk Tahun 2008 dan 2007

| | Tahun 2008 | Tahun 2007 |
|------------------------------------|------------|------------|
| | RM (Juta) | RM (Juta) |
| Pendapatan | 27.7 | 70.1 |
| Perbelanjaan | 138.4 | 74.0 |
| Kelebihan/(Kekurangan) untuk tahun | (110.8) | (3.9) |
| Pelarasan | - | - |
| Kelebihan terkumpul awal tahun | 102.3 | 106.2 |
| Kelebihan terkumpul akhir tahun | (8.5) | 102.3 |

Carta 11 yang berikut menunjukkan perbandingan pendapatan dan perbelanjaan yang telah dilakukan pada tahun 2008 dan 2007.

Carta 11: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Pembangunan




Pendapatan Penyelidikan E-Science

Pada tahun 2008, USM telah menerima sejumlah RM13,604,863 berbanding RM18,126,512 pada tahun 2007 daripada kerajaan untuk Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science. Pemberian ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek Penyelidikan Jangka Pendek.

Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

Terdapat peningkatan sebanyak 83.4 peratus dalam perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science pada tahun 2008 iaitu daripada RM8,736,731 pada tahun 2007 kepada RM16,020,569. Merujuk kepada Carta 12 yang berikut, sebanyak 16.7 peratus daripada jumlah ini ialah perbelanjaan untuk memperoleh alat kelengkapan dan buku dan sebanyak 83.3 peratus pula adalah untuk perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan yang lain.

Carta 12: Perbelanjaan Penyelidikan E-Science Tahun 2008






Jadual 27 yang berikut secara terperinci menunjukkan perbandingan perbelanjaan penyelidikan E-Science pada tahun 2008 berbanding 2007. Menurut jadual ini, perbelanjaan ke atas alat kelengkapan dan buku telah mencatatkan peningkatan sebanyak 50 peratus dan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan lain pula telah mencatatkan peningkatan sebanyak 92.8 peratus pada tahun 2008 berbanding tahun 2007. Perbandingan antara pendapatan dengan perbelanjaan ini secara keseluruhannya dapat dilihat dalam Carta 13.



Jadual 27: Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

| | Tahun 2008 | | Tahun 2007 | |
|-------------------------------|-------------|------------|------------|------------|
| | RM Juta | % | RM Juta | % |
| Alatan Kelengkapan dan Buku | 2.7 | 16.7 | 1.8 | 20.7 |
| Bekalan dan Perkhidmatan Lain | 13.3 | 83.3 | 6.9 | 79.3 |
| Jumlah | 16.0 | 100 | 8.7 | 100 |


Carta 13: Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Penyelidikan E-Science








PENDAPATAN MENGIKUT KUMPULAN WANG 2004 - 2008




Mengurus
 Pembangunan
 Am
 Enterprise
 Universiti Penyelidikan
 Pembangunan Universiti

PENDAPATAN KUMPULAN WANG MENGIKUT PECAHAN PENDAPATAN 2004 - 2008




Yuran
 Geran Kerajaan
 Sewa
 Faedah & Dividen
 Pendapatan Lain
 Sumbangan

PERBELANJAAN MENGIKUT KUMPULAN WANG 2004 - 2008




Mengurus
 Pembangunan
 Pembangunan Universiti
 Enterprise
 Universiti Penyelidikan
 Enterprise

PERBELANJAAN KUMPULAN WANG MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN 2004 - 2008




Emolumen
 Perkhidmatan & Bekalan
 Aset
 Pemberian & Kenaan
 Perbelanjaan Lain


BELANJAWAN MENGURUS
2004 - 2008



PERBANDINGAN PERUNTUKAN, PENDAPATAN
DAN PERBELANJAAN 2004 - 2008



JUMLAH HARTA BERSIH UNIVERSITI 2004 - 2008



KANDUNGAN

2008

PENYATA KEWANGAN

| | |
|--|--------|
| Penyata Lembaga Pengarah | 83 |
| Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sains Malaysia | 84 |
| Lembaran Imbangan | 85 |
| Penyata Pendapatan | 87-88 |
| Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang | 89-90 |
| Penyata Aliran Tunai | 91-93 |
| Lembaran Imbangan Kumpulan Wang Mengurus | 94 |
| Penyata Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus | 95 |
| Nota Kepada Penyata Kewangan | 96-129 |



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2008**

Penyata kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2008, hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota Kepada Penyata Kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan penyata kewangan Universiti Sains Malaysia adalah dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan disatukan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan disatukan.

(DATO' AZIZAH BT HJ. ARSHAD)
b.p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2009




UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah

Kami, **TAN SRI DATO' (DR) HAJI ANI AROPE** dan **PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2008 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah



TAN SRI DATO' (DR) HAJI ANI AROPE
Pengerusi Lembaga Pengarah

Tarikh: 27 April 2009

Tempat: Pulau Pinang



PROFESOR TAN SRI DATO' DZULKIFLI ABDUL RAZAK

Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 27 April 2009

Tempat: Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, **SALMIAH CHE PUTEH** (No K/P : 550919-07-5224) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

